


Volume III
No. 43



Tuesday
28th February, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5713]

MOTION:

The Development Estimates, 1967—

Committee:

Head 126 [Col. 5719]

**Heads 127, 128, 129, 130, 131 and 132 [Col. 5767;
5776]**

Heads 133, 134, 135, 136 and 137 [Col. 5805]

Heads 138, 139, 140, 141, 142, 143 and 144 [Col. 5837]

Heads 145 to 149 [Col. 5849]

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 5775]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Tuesday, 28th February, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable MR SPEAKER, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K., (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

The Honourable WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).

- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
(Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

The Honourable TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

- .. TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- .. TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- .. DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- .. TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- .. TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- .. TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- .. TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- .. TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- .. TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- .. TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).

The Honourable DR TAN CHEE KHOON (Batu).

- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice,
TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P.
(Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ the Minister for Local Government and Housing,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH
ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN
DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL
KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P.
(Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

The Honourable TUN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

- .. TUN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- .. TUN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. TUN THOMAS KANA (Sarawak).
- .. TUN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- .. TUN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. TUN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- .. TUN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. TUN ONG KEE HUI (Sarawak).
- .. TUN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. TUN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- .. TUN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. TUN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. TUN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- .. TUN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

BAHASA MELAYU SA-BAGAI BAHASA RASMI

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan Perikatan akan sungguh² melaksanakan "Bahasa Melayu" sa-bagai "Bahasa Rasmi" yang tunggal dalam tahun 1967, dan jika ya, terangkan pula kedudukan di-Sarawak dan Sabah berhubung dengan soal bahasa.

The Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada-lah terkandung dalam Undang² Bahasa Kebangsaan yang telah di-bentangkan di-Dewan ini.

Berkenaan dengan pelaksanaan bahasa kebangsaan di-Malaysia Timur, perkara ini ada-lah terta'alok kepada Perkara 161 Perlembagaan Malaysia dan juga Penyata Jawatan-kuasa Antara Kerajaan berkenaan dengan Malaysia tahun 1962. Perkara 161 dalam Perlembagaan menentukan bahawa bahasa Inggeris boleh-lah di-pakai sa-bagai bahasa rasmi pada masa 10 tahun selepas daripada Hari Malaysia dan

kemudian daripada itu terpulang-lah kepada Dewan ini, dengan persetujuan Dewan² Undangan kedua² buah Negeri itu, untuk menentukan perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan lebih terang lagi, ia-itu sa-lepas 10 tahun daripada Hari Malaysia, hari jadi Malaysia, bahasa tunggal—bahasa Melayu—yang menjadi bahasa tunggal itu, boleh-kah dilaksanakan, jikalau tidak dengan persetujuan State itu sendiri, macham kita di-sini, erti-nya dengan sendiri-nya dapat terlaksana, di-Sabah dan Sarawak?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian itu mustahak mendapat persetujuan kedua² negara.

PERUNDINGAN HENDAK MEMASOKKAN WILAYAH² SELATAN SIAM KA-DALAM MALAYSIA

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah benar bahawa perundingan² perintis sedang di-jalankan untuk memasukkan sa-bahagian daripada wilayah² di-Selatan Siam ka-dalam Malaysia; dan jika benar, boleh-kah beliau memberi penerangan berkenaan dengan perkara ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak benar sama sa-kali dan tidak pernah di-adakan perundingan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga perchaya bahawa perkara ini tidak benar, tetapi saya pernah membacha di-dalam surat² khabar di-luar negeri, tetapi malang-nya potongan itu saya chari sa-malam ini hilang terutama surat khabar di-Manila. Jadi, perkara ini, bagi saya, amat-lah besar dan kalau di-takdirkan saya mendapat peluang di-beri oleh Kerajaan berjalan ka-luar negeri, bila orang soal benda itu, saya selalu ta' tahu hendak jawab. Jadi, inilah yang saya hendak bertanya kalau sudah betul tidak ada begitu, apa-kah Kerajaan akan membuat tindakan terhadap berita² yang sa-macham itu

supaya ta' ada lagi orang menudoh atas soal

Mr Speaker: Itu soalan tambahan apa, jadi soal tadi telah di-jawab. Jadi, soalan tambahan itu soal yang lain daripada itu, kalau soalan itu juga di-ulang² balek, apa tambahan?

PERKEMBANGAN BAHARU BERKENAAN ASA

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Luar Negeri: (a) apa-kah perkembangan baharu yang terchapai berkenaan dengan ASA, dan (b) sama ada Malaysia sudah berusaha untuk membolehkan Indonesia menyerta ASA.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ASA sa-lepas sa-lama tiga tahun perjalanan ASA ini terganggu oleh sebab putus-nya perhubungan diplomatik di-antara Malaysia dengan Philipina, telah di-hidupkan sa-mula pada pertengahan tahun yang lalu dalam persidangan di-peringkat Menteri² Luar yang telah di-adakan di-Bangkok dalam bulan August 1966.

Saya telah menghadiri persidangan ini. Dalam persidangan ini ketiga² Negara itu ia-itu Thailand, Philipina dan Malaysia telah menunjukkan keazaman hendak memperkuat perjalanan ASA ini dan menunjukkan kehasilan yang tertentu dengan sa-beberapa segera yang boleh. Menteri² Luar dalam perundingan itu telah bersetuju melantek beberapa buah Jawatan-kuasa di-atas beberapa perkara dan Jawatan-kuasa itu di-kehendaki mengadakan meshuarat di-peringkat pegawai² di-Bangkok, di-Manila dan di-Kuala Lumpur. Meshuarat² itu telah pun di-adakan.

Perkara yang mustahak yang di-bincangkan oleh jawatan²-kuasa itu ia-lah masaalah mengadakan ASA fund, kerjasama dalam lapangan pelajaran tinggi, kerjasama dalam lapangan perniagaan dan navigation, soal pertolongan pembangunan bagi luar negeri, soal mengadakan perkhidmatan kapal terbang ASA dan juga soal kerjasama dalam lapangan civilisation, soal mengadakan Kompeni Kapal bersama atau

Shipping Line, soal memudahkan perniagaan di-antara negara² ASA, bagitu juga-lah soal pelancongan dan soal kerjasama dalam lapangan Talivishen, Radio dan Penyiaran.

Shor² daripada jawatan²-kuasa ini akan di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa Tetap ASA yang akan bersidang di-Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi.

Persidangan² ASA yang di-adakan baharu² ini telah membincangkan banyak soal² yang penting dan kemajuan ASA ada-lah memuaskan hati. Akan tetapi dalam lapangan kerjasama di-antara negara², kehasilan yang tertentu ada-lah mengambil masa dan tidak dapat hendak di-adakan dengan serta-merta, dan terpaksa-lah rundingan² di-jalankan. Dan ini ada-lah mengambil masa sedikit. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, ketiga² negara ini ada-lah berazam hendak menjayakan ASA itu.

Perkara yang kedua, ASA ini ada-lah terbuka kepada semua negara² di-Tenggara Asia ini. Perundingan dengan sa-chara tidak rasmi telah di-buat dengan Indonesia di-antara Menteri Luar Indonesia, Dr Adam Malik, dengan saya sa-lepas kita menandatangani Perjanjian Perdamaian di-Jakarta untuk mengadakan kerjasama yang rapat di-antara Indonesia dengan Malaysia, dan juga dengan negara² di-Tenggara Asia ini. Akan tetapi berkenaan dengan ASA maka terpulang-lah kepada Indonesia menimbangkan sama ada hendak masuk bersama dengan ASA atau pun hendak mengadakan kerjasama dengan chara yang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri kita membayangkan kepada Dewan ini bahawa dalam sidang ASA yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi di-Kuala Lumpur ini, soal² hendak memberikan kemudahan kepada Indonesia menyertai ASA akan di-bangkitkan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi, rundingan sa-chara tidak rasmi telah di-jalankan—terpulang-lah kepada Indonesia. Kemudahan itu memang ada, sebab ASA ini terbuka kepada semua negara di-Tenggara Asia ini untuk masuk bersama².

Tuan Mohd. Daud bin Abd. Samad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pandangan Menteri Luar Malaysia, mana-kah negara² di-Tenggara Asia ini yang mungkin akan menyertai ASA ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ASA ini terbuka kepada semua negara di-Tenggara Asia ini—hendak masuk bersama itu terpulang-lah kepada negara² itu menentukan dan memberi tahu ASA sama ada mereka itu suka hendak bekerja sama atau pun tidak.

MOTION

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1967

Committee

Order read for resumption of the Development Estimates for 1967 in the Committee of the whole House (27th February, 1967).

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat masa-nya sekarang amat-lah suntuk. Ada lima Kementerian lagi dan kalau kita bangun pukul enam sa-tengah macham biasa, ada lebih kurang lima jam sahaja. Jadi, satu jam lebih kurang pada satu Kementerian. Barangkali sa-tengah² Kementerian itu pendek sebab tidak di-panjangkan, jadi boleh-lah masa itu dapat Kementerian lagi satu. Tetapi bagaimana pun lima jam sahaja, kalau kita tidak memanjangkan masa lewat daripada pukul enam sa-tengah hari ini. Jadi itu terpulang-lah kepada Ahli² Yang Berhormat.

Debate resumed.

Kepala 126—

The Assistant Minister of National and Rural Development (Tuan Sulaiman bin Bulon): Dato' Pengerusi, saya minta kebenaran mengemukakan Kepala Perbelanjaan 126 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dalam tahun 1967 Kementerian saya memerlukan sa-jumlah \$80,172,280.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, tugas besar Kementerian saya ada-lah menyama dan menjalankan tindakan² dan usaha² Pembangunan Negara dan Luar Bandar, terutama sekali untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup ra'ayat di-luar bandar supaya tindakan² dan usaha² itu dapat di-salurkan dengan pesat-nya.

Dalam tahun 1967 Kementerian saya akan membelanjakan peruntukan yang di-minta ini bagi meneruskan kerja² pembukaan tanah dan lain² Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang akan menjamin taraf hidup yang lebih tinggi dan sempurna bagi penduduk² luar bandar itu. Sa-jumlah besar daripada peruntukan ini akan juga di-belanjakan bagi rancangan² dan perolek² yang akan menolong memberi peluang kepada bumiputera untuk mengambil bahagian yang lebih chergas dan berkesan di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan di-dalam negeri ini.

Pechahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (L.K.T.P.)—\$52,000,000.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 1 dalam Anggaran Perbelanjaan ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan memerlukan sa-jumlah \$52,000,000 dan daripada jumlah ini \$42,000,000 akan di-belanjakan atas rancangan² pembangunan-nya manakala \$10,000,000 lagi ia-lah untuk perbelanjaan pentadbiran Lembaga itu.

Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah satu daripada badan² yang di-tugaskan bagi melaksanakan dasar dan hasrat Kerajaan untuk memberikan ra'ayat di-kawasan² luar bandar yang tiada mempunyai tanah yang boleh mengeluarkan hasil² yang cukup

untuk keperluan hidup mereka. Rancangan² Lembaga ini juga ada menyediakan segala kemudahan masyarakat bagi peserta²-nya seperti sekolah, klinik, bekalan ayer dan lain². Sa-lain daripada itu ia juga menjalankan pengurusan dan kawalan yang cukup, memberi latihan dan perkhidmatan lanjutan, serta menyediakan chara² pengusahaan dan pemasaran yang terkawal, dengan tujuan supaya peserta² rancangan ini kelak akan menjadi petani² yang bijak, progresif dan ma'amor di-dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$42,000,000 yang akan di-masukkan di-bawah Kira² Pinjaman Lembaga ini akan di-gunakan kerana usaha² pembangunan dan pertanian-nya dalam tahun 1967 termasuk-lah perkara²—

- (i) Perbelanjaan kerana meneruskan kerja² mengusahakan serta menaja kawasan² sa-jumlah 160,000 ekar yang telah di-tanam dan sedang berjalan di-dalam beberapa peringkat itu;
- (ii) Membuka kawasan² tambahan kepada rancangan² yang ada dan juga membuka rancangan² baru dengan menebang hutan serta menanam sa-jumlah 27,000 ekar getah dan 18,000 ekar kelapa sawit;
- (iii) Perbelanjaan kerana membina peringkat pertama bagi empat buah kilang² minyak kelapa sawit dan dua buah kilang getah; dan
- (iv) Perbelanjaan untuk membina 4,100 buah rumah² peserta di-dalam beberapa rancangan yang ada.

Peruntukan \$10,000,000 yang diperlukan oleh Lembaga ini kerana perbelanjaan pertadbiran-nya pula akan di-gunakan kerana—

- (i) Perbelanjaan bagi Ibu Pejabat dan lapan buah lagi pejabat² chawangan-nya yang bertempat di-dalam beberapa buah negeri di-seluruh Malaysia; dan
- (ii) Untuk membiayai sa-jumlah perbelanjaan rancangan² pengurusan bagi pejabat²-nya dan juga rumah² pegawai dan kakitangan rancangan² tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai usaha² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini, suka-lah saya menyatakan ia-itu untuk menepati dasar Kerajaan mengenai memperluaskan bidang tanaman pertanian (Agricultural Diversification), maka Lembaga ini ada-lah memberi keutamaan kepada tanaman kelapa sawit daripada getah di-dalam ranchangan²-nya. Perkara ini dapat dibuktikan daripada ranchangan² Lembaga ini yang di-buka semenjak tahun 1961 dan ada-lah di-taksirkan juga ia-itu hingga akhir tahun 1970 nanti manakala tamat-nya Ranchangan Malaysia Yang Pertama, sa-luas 129,000 ekar daripada jumlah 274,000 ekar yang di-usahakan oleh Lembaga ini akan di-tanam dengan kelapa sawit.

Di-dalam ucapan saya di-waktu membentangkan Anggaran Pembangunan Kementerian saya bagi tahun 1966, saya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan membuka satu ranchangan tanah yang besar di-kawasan Jengka. Saya juga menyatakan satu Master Plan bagi Ranchangan Kawasan Jengka itu akan dapat di-siapkan pada penghujung tahun 1966. Sukachita saya menyatakan di-sini bahawa Consultant yang menyediakan Master Plan itu telah pun menyiapkan Laporan² dan Pengajian² di-atas Kawasan Jengka itu. Kerajaan sekarang ada-lah sedang mengkaji dan meneliti kajian² itu dan Bank Dunia akan menghantar sa-orang pakar penilaian di-dalam bulan Mach.

Sukachita saya mengambil peluang ini bagi menyatakan terima kasih Kerajaan kepada Bank Dunia di-atas kemurahan-nya bagi membiayai pengajian dan penilaian Kawasan Jengka yang bukan sahaja akan membuka peluang² yang besar tetapi juga akan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara kita ini. Mengikut kajian yang ada pada Kerajaan hari ini berhubung dengan perindustrian kehutanan sahaja, tidak kurang daripada 190,000 ekar tanah hutan yang mengandungi 3.05 juta tan padu kayu boleh di-gunakan sa-bagai kawasan perindustrian hutan.

Kementerian saya, melalui MARA, ada-lah sedang menyusun satu Ranchangan Perindustrian Hutan yang

lengkap di-dalam Kawasan Jengka itu. Berhubung dengan perkara ini, sukachita saya menegaskan di-sini bahawa MARA telah pun membentok sa-buah Sharikat Kebangsaan Kayu Kayan dalam bulan September 1966, ia-itu satu Sharikat yang akan terus meneruskan mengusahakan perusahaan hutan yang saya sebutkan. Pembentokan Sharikat Kebangsaan Kayu Kayan ini ia-lah merupakan satu daripada tindakan yang besar ma'ana-nya dalam usaha melaksanakan usul² Konggres Ekonomi Bumiputera yang telah di-adakan dalam bulan Jun 1965.

Sa-terus-nya, pembentokan Sharikat Kebangsaan Kayu Kayan ini ada-lah juga di-tujukan bagi memberi peluang kepada Sharikat² Kayu Kayan Bumiputera² yang kecil dan yang sedang menguruskan perniagaan dalam bidang kayu kayan dengan persendirian, bergabung atau pun berchantum dengan-nya bagi memperkuat lagi perusahaan² mereka. Saya berharap sharikat² kayu kayan bumiputera yang kecil yang ada sekarang ini akan dapat bekerjasama dengan Sharikat Kebangsaan Kayu Kayan yang telah di-tubuhkan itu.

Tuan Pengerusi, dengan terlaksananya ranchangan² tanah sa-chara yang saya sebutkan tadi, saya mempunyai penoh keyakinan bahawa penduduk² di-kawasan luar bandar bukan sahaja akan dapat peluang² yang luas bagi memperbaiki taraf hidup mereka tetapi juga akan dapat membolehkan mereka mengambil tempat yang sempurna di-dalam masyarakat suatu negara yang sedang meningkat kema-juan.

*Pechahan-kepala 2—MARA—
\$20,000,000.*

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh pula kepada Pechahan-kepala 2 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini bagi tahun 1967. Majlis Amanah Ra'ayat memerlukan peruntokan sa-banyak \$20,000,000 dan daripada peruntokan ini sa-banyak \$14,500,000 akan di-gunakan untuk menjayakan segala ranchangan² yang telah di-ator bagi di-laksanakan dalam tahun 1967, manakala \$5,500,000 lagi

akan di-gunakan bagi menyelenggara-kan pertadbiran Majlis tersebut ia-itu termasuk-lah pembayaran gaji bagi pegawai² dan kakitangan²-nya, lain² perbelanjaan berulang tiap² tahun, dan juga perbelanjaan khas bagi tahun 1967.

Tuan Pengerusi, di-antara ranchangan² MARA yang akan di-lak-sanakan dalam tahun ini, termasuk-lah usaha² bagi membesarkan lagi ranchangan²-nya dalam bidang perusahaan dan perdagangan, latehan dan biasiswa, kenderaan, perkhidmatan penasihat pinjaman dan juga limbongan. Semua ranchangan² ini ada-lah bertujuan untuk melaksanakan dasar dan hasrat Kerajaan untuk menolong menggalak-kan serta memberi segala kemudahan² yang perlu bagi bumiputera mengambil bahagian yang lebih chergas dan ber-kesan di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dalam negeri kita ini. Dalam masa lebih kurang satu tahun yang lalu juga segala usaha² senentiasa di-jalankan kerana menyusun dan memperkemaskan lagi jentera pentad-biran MARA dengan tujuan supaya Majlis ini dapat menjalankan tugas² yang di-beri kepada-nya itu dengan mendapat kehasilan dan kejayaan yang di-harapkan. Sukachita-lah saya mem-beritahu Dewan ini hasil daripada usaha² ini, boleh-lah di-katakan jentera MARA sekarang telah mula berjalan dengan lincis dan dengan itu juga saya menaruh penuh keyakinan bahawa Majlis ini akan dapat melaksanakan segala ranchangan²-nya dalam tahun 1967 ini dengan penuh kejayaan.

Tuan Pengerusi, dalam bidang per-usahaan dan perniagaan, dalam tahun 1967 MARA akan menguruskan:

- (i) *Rumah² Kedai untuk bumiputera berniaga*—Dalam tahun 1966 sahaja MARA telah membena kedai² di-Perlis, di-Kuala Lum-pur dan di-Seremban; manakala dalam tahun ini pula, kedai² ini akan di-bena di-Kuala Kangsar, Telok Anson, Kuala Trengganu, Labuan, Johor Bahru, Kluang dan Klang.
- (ii) *Pusat Kemajuan Tangan*—Bagi hendak membantu bumiputera di-dalam beberapa perusahaan

pertukangan tangan pula, MARA telah menubuhkan satu Pusat Kemajuan Pertukangan Tangan di-Petaling Jaya. Dalam tahun 1967 Pusat ini akan di-benarkan lagi supaya usaha² yang lebih luas dapat di-jalankan terutama dalam bidang penyiasatan dan penyelidikan teknik² membuat batek dan lain² perusahaan per-tukangan tangan.

- (iii) *Perusahaan Kulit dan Belulang*—Pada waktu ini, MARA telah berjaya mengadakan beberapa pusat memproses kulit di-Kelan-tan. Ranchangan seperti ini akan di-perkembangkan di-beberapa negeri lagi di-Malaysia ini. Untuk mendapatkan faedah yang lebih lagi daripada ranchangan ini, maka dalam tahun 1967, MARA akan mendirikan sa-buah kilang menyamak dan membuat barang² dari kulit dengan tujuan bahawa ranchangan ini akan di-jalankan dengan berkongsi dengan bumi-putera yang suka menyertai-nya atau sharikat² bumiputera. Sa-benar-nya, MARA sekarang ini sedang menaja satu sharikat bagi mengelolakan ranchangan ter-sebut.

- (iv) *"Unit Trust Investment"*—Satu lagi ranchangan MARA mengenai perusahaan dan perdagangan dalam tahun 1967 ia-lah penu-bohan satu "Unit Trust Invest-ment" untuk mengelolakan sa-ham² yang di-beli oleh MARA untuk di-jualkan kepada bumi-putera. "Unit Trust Investment" ini, dengan undang² dan atoran-nya yang tersendiri, ia-lah satu chara yang munasabah dan yang boleh menjamin pesertaan yang berkesan kepada bumiputera di-dalam pembelian dan pen-jualan saham² yang di-khaskan kepada bumiputera.

Tuan Pengerusi, dalam bidang latehan pula, Majlis Amanah Ra'ayat akan menguruskan ranchangan² yang berikut:

- (i) *Maktab MARA*—Dalam tahun yang lalu kerja² membesarkan Maktab MARA di-Petaling Jaya

telah di-jalankan dan ini akan siap pada bulan Mach, 1967. Dengan itu sa-ramai tidak kurang daripada 1,200 orang pelajar², ia-itu lebeh kurang dua kali ganda daripada tahun lalu akan dapat di-ambil belajar di-Maktab tersebut dalam tahun ini.

Sa-lain daripada itu, saperti Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, MARA juga sedang berusaha mendirikan sa-buah Maktab (Polytechnic) baharu yang besar dan lengkap di-Batu Tiga, Jalan Klang. Tanah sa-luas 100 ekar telah pun diperolehi daripada Kerajaan Selangor dan kerja² meratakan tapak-nya akan di-jalankan dalam tahun ini juga. Mengikut rancangan yang telah di-ator, sa-buah hostel bagi 500 hingga 1,000 orang pelajar akan siap di-bena pada awal tahun hadapan; manakala bangunan Maktab itu, di-perengkat pertama, mengandongi bilek² sharahan, kutub khanah, bahagian² Engineering dan Sains akan dapat di-siapkan pada pertengahan tahun 1968 kelak.

- (ii) *Biasiswa*—Mengenai biasiswa pula, MARA berchadang hendak mengeluarkan 350 biasiswa kerana berbagai kursus dan latehan dalam tahun 1967. 210 daripada biasiswa ini ia-lah untuk kursus² dalam negeri manakala 140 lagi bagi kursus² di-luar negeri.

- (iii) *Latehan "Vocational"*—Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam bidang latehan ini juga, Majlis Amanah Ra'ayat akan menguruskan kursus² latehan "vocational" untuk bumiputera dalam perusahaan² jentera, "automobile", pertukangan dan pembenaan, kontrek, letrik dan sa-bagai-nya. Sa-ramai lebeh kurang 4,000 orang akan di-beri latehan² tersebut.

Sa-sunggoh-nya Majlis Amanah Ra'ayat ada-lah menaruh sa-penoh kepercayaan dan keyakinan rancangan² latehan-nya ini akan dapat

memainkan peranan yang chemerlang dalam usaha untuk memajukan bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perusahaan di-negeri ini.

Perusahaan Bas

Tuan Pengerusi, mengenai perusahaan bas pula, MARA akan meneruskan usaha²-nya untuk mengadakan kenderaan bas di-jalan² yang baharu di-buka oleh Kerajaan, di-samping mengembangkan lagi perusahaan²-nya yang sedang di-jalankan-nya sekarang. MARA juga akan meneruskan tujuan-nya menubuhkan Sharikat Bas Berhad untuk bumiputera apabila perjalanan bas ini telah memuaskan. MARA akan juga memulakan perkhidmatan² bas-nya di-Sarawak dan Sabah. Sa-lain daripada itu MARA juga akan membena sa-buah Workshop di-Dato' Keramat, Kuala Lumpur, untuk menyenggarakan bas² kepunyaan-nya dan di-samping itu dapat memberi latehan kepada bumiputera dalam kerja² membaiki kereta² dan menguruskan workshop. Workshop ini juga akan di-gunakan sa-bagai satu tempat latehan bagi mekanik².

Perkhidmatan Penasihat

Dalam bidang² perkhidmatan penasihat pula, MARA akan meneruskan usaha²-nya untuk memberi nasihat dan ajaran² dalam perkara pentadbiran perusahaan, menyimpan buku kira² pembenaan dan kontrek.

Limbongan MARA, Kuala Trengganu.

Berkenaan dengan limbongan MARA di-Kuala Trengganu, dalam tahun ini MARA telah mengambil langkah untuk memperbaiki workshop-nya dengan tujuan supaya pembenaan perahu² dan kapal² dapat di-jalankan dengan lebeh baik dan lichin lagi. Baru² ini juga sa-orang pakar pembenaan kapal dari negeri Jepun telah mula berkhidmat di-Limbongan yang tersebut. Di-samping itu pula MARA juga sedang berusaha mendapatkan pegawai² yang berkelulusan dan berpengalaman untuk bekerja di-Limbongan ini serta menchari jalan² bagi mendapatkan lebeh banyak lagi tempahan² membuat perahu dan kapal.

Semua usaha² yang di-jalankan ini ialah bagi tujuan hendak memajukan perusahaan limbongan di-Kuala Trengganu itu dan juga menggunakan-nya sa-bagai satu ranchangan latehan.

Ranchangan² yang lain.

Tuan Pengerusi, ranchangan² yang lain yang akan di-teruskan oleh Majlis Amanah Ra'ayat dalam tahun ini ialah:

- (i) memberikan pinjaman wang kepada bumiputera yang memerlukan bantuan untuk menjalankan perusahaan dan perniagaan mereka;
- (ii) membekalkan bahan mentah seperti kain putih dan baldi kepada perusahaan² bumiputera; dan
- (iii) menguruskan Pusat Jualan bagi pemasaran barang² keluaran usaha² bumiputera.

Tuan Pengerusi, dengan ada-nya susunan pentadbiran yang lengkap, keazaman pegawai²-nya dan juga kerjasama daripada ra'ayat sakalian, saya yakin Majlis Amanah Ra'ayat akan dapat menjayakan segala ranchangan²-nya yang telah di-ator untuk di-laksanakan di-dalam tahun ini.

Di-bawah Pechahan-kepala 3 Anggaran Perbelanjaan ini sa-jumlah \$3,000,000 ada-lah di-perlukan untuk membena dan melaksanakan beberapa ranchangan kecil pembangunan luar bandar di-dalam negeri² di-Malaysia Barat. Saperti mana biasa, ranchangan² ini termasuk-lah pembenaan jalan² kecil, jambatan kampung dan lain² ranchangan yang sangat di-perlukan oleh ra'ayat yang duduk di-kawasan² luar bandar terutama mereka² yang duduk di-kampung² yang terpenchil. Saperti mana yang di-jalankan dalam tahun 1966, kebanyakan daripada ranchangan² ini akan di-laksanakan dengan chara bergotong royong oleh penduduk² luar bandar itu sendiri.

Pechahan-kepala 4—Ranchangan Penempatan-Pengumpulan Dharurat di-Negeri² Malaysia Timor—\$1,622,280.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 4 ini, satu peruntukan sa-banyak

\$1,622,280 ada-lah di-perlukan untuk menyudahkan kerja² pembangunan di-dalam bidang penempatan dan pengumpulan dharurat di-negeri² Malaysia Timor. Sungguh pun konfrantasi telah tamat, ranchangan² pembangunan bagi kawasan mesti di-teruskan dengan tujuan hendak mendapatkan kesan² yang lebih jauh daripada jurusan keselamatan sahaja.

Di-bawah Pechahan-kepala 5 satu peruntukan sa-jumlah \$250,000 ada-lah di-kehendaki oleh Kementerian saya kerana meneruskan kerja² pembenaan dua buah Taman² Latehan Wanita, ia-itu sa-buah di-Trengganu dan sa-buah lagi di-Labuan. Kerja² permulaan untuk membena Taman Latehan di-Trengganu telah di-jalankan dan tapak tanah untuk Taman Latehan di-Labuan telah di-dapati dalam tahun 1966.

Tuan Pengerusi, saya beralah pula kepada Pechahan-kepala 6 dalam Anggaran ini ia-itu satu peruntukan sa-jumlah \$150,000 ada-lah di-perlukan dalam tahun 1967 kerana membeli perkakas² keperluan kelas² pelajaran dewasa seperti kerusi², meja, papan hitam dan lain² untuk kelas² yang bukan di-adakan di-bangunan sekolah. Peruntukan ini juga di-perlukan kerana mendirikan bangunan² sementara atau bangsal² untuk di-jadikan kelas² pelajaran dewasa di-merata² kampung di-seluruh Malaysia. Sa-bagaimana yang telah di-jalankan pada tahun² yang lampau, sa-bahagian besar daripada kerja² ini akan di-laksanakan dengan bergotong royong oleh penduduk² kampung khas-nya di-kalangan peserta² pelajaran dewasa itu sendiri.

Di-bawah Pechahan-kepala 7 satu peruntukan sa-banyak \$50,000 ada-lah di-perlukan kerana mendirikan Pekan² Sahari. Saperti mana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, dengan ada-nya Pekan² Sahari ini maka dapat-lah orang² kampung memasarkan bahan² keluaran mereka dengan lebih terator lagi.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 8 ini, satu peruntukan sa-banyak \$1,000,000 ada-lah di-perlukan sa-bagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu kerana Ranchangan

Kemajuan Tanah Negeri itu, ia-itu Ranchangan Kebun Kelapa Sawit yang akan di-kelolakan oleh Kerajaan Negeri Trengganu sendiri. Sayugia juga di-ma'alumkan ia-itu Ranchangan Kebun Kelapa Sawit Negeri Trengganu ini akan termasuk di-dalam ranchangan bantuan pertolongan teknikal daripada negeri Belanda. Pinjaman sa-jumlah \$1,000,000 ini ada-lah di-perlukan untuk menolong Kerajaan Negeri itu menjalankan kerja² bagi memulakan ranchangan yang tersebut.

Peruntukan di-bawah Pechahan²-kepala 21 dan 31 ini, Tuan Pengerusi, ada-lah di-perlukan kerana melaksanakan lain² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang akan di-jalankan di-Negeri² Sabah dan Sarawak. Ranchangan² ini ada-lah sama seperti lain² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang akan di-jalankan di-Negeri² di-Malaysia Barat seperti yang saya terangkan di-bawah Pechahan-kepala 3.

Tuan Pengerusi, bagi mengakhiri ucapan saya ini, suka-lah saya menegaskan lagi sa-kali, ia-itu Kerajaan Perikatan dengan perasaan yang penoh keazaman dan di-sertai dengan daya dan usaha yang bersungguh² akan terus memperjuang dan melaksanakan dasar dan hasrat-nya untuk meninggikan taraf hidup penduduk² di-luar bandar. Usaha² ini akan terus menerus di-jalankan dari sa-masa ka-semasa dengan tidak berhenti² hingga mutlamat Kerajaan itu dapat di-chapai. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit sahaja di-dalam Kepala 126 ini. Pertama, saya suka-lah hendak berchakap sedikit di-bawah Pechahan-kepala 2, Majlis Amanah Ra'ayat.

Tuan Pengerusi, saya telah dengar keterangan² yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Muda berkenaan chadangan² dan langkah² yang sedang di-amal atau pun yang akan di-amal oleh Majlis Amanah Ra'ayat untuk menjalankan polis² yang di-fikir akan dapat memperbaiki nasib ra'ayat jelata lebeh² lagi mereka yang

hidup di-kampong² di-dalam segi ekonomi lebeh² lagi di-dalam segi perusahaan² kechil.

Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak mengambil masa yang sedikit sahaja di-atas dua tiga perkara yang saya pandang mustahak. Pertama-nya, ada satu perusahaan di-Trengganu ia-lah perusahaan tembaga puteh. Perusahaan ini sudah berjalan berpuluh² tahun lama-nya tetapi pada fahaman saya belum-lah lagi dapat pimpinan yang sa-wajar-nya daripada pehak MARA.

Mr Chairman: Itu di-bawah Kepala mana?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Nombor 2.

Mr Chairman: Jadi chukup-kah perbelanjaan itu, kurangkah perbelanjaan itu?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya hendak minta tambahkan sedikit kalau boleh.

Mr Chairman: Tambah tak boleh, kurang boleh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Ia, kalau tak boleh saya minta di-adakan peruntukan dalam \$20 juta ini untuk sa-bahagian daripada-nya kapada latehan metal work.

Mr Chairman: Itu tak boleh, sekarang chakap-lah.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, perusahaan ini nampak-nya terbiar sahaja. Kerana apabila kita tengok perbuatan² seperti talam dan batil dan lain² lagi, maseh lagi merupakan satu perusahaan yang premitip yang tidak dapat pimpinan yang sa-wajar-nya daripada pehak MARA untuk memperbaiki chara² membuat barang² ini. Sa-hingga sampai sekarang ini perusahaan ini belum dapat lagi membuat sekeru atau pun design² yang baik. Maka ini-lah satu daripada sebab kemudoran-nya yang telah menimpa ka-atas perusahaan kerja ini.

Oleh yang demikian saya pinta-lah kapada pehak MARA, kalau boleh, di-adakan satu sekshen mobile workshop untuk melawat tempat² perusahaan ini dan mengajar dan melateh mereka itu bagaimana-kah chara yang lebeh baik, teknik yang lebeh baik, untuk hendak memasakkan tembaga² ini dan di-tuang dengan achuan² yang lebeh baik dan bagaimana-kah hendak membuat threads, screws dan lain² lagi dan design² dengan chara berwarna warni. Saya fikir kalau dapat pehak MARA menjalankan tugas² yang bagini, maka tetap perusahaan tembaga puteh akan mendapat satu kejayaan yang besar di-dalam perusahaan kechil. Kita tahu beribu² orang juga yang mendapat pencharian mereka itu daripada perusahaan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya suka hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-itu saperti latehan² yang telah disebutkan tadi—mechanical—tentang latehan yang akan di-beri untuk memperbaiki motokar bagaimana yang kita tahu yang akan di-jalankan sedikit hari lagi di-Dato Keramat di-sana. Ini satu ranchangan yang baik yang kita memberi sokongan yang penoh kapada pehak Kerajaan. Tetapi, di-samping itu pula nampak-nya perusahaan² yang lain yang telah di-jalankan oleh orang² persaorangan tidak mendapat pimpinan dan pertolongan dan sokongan daripada pehak MARA. Sa-tengah daripada-nya suka-lah saya hendak menyebutkan ia-itu saperti Pusat Latehan Radio dan Talivishen yang ada sekarang ini di-Kampong Baharu. Bagaimana yang telah saya dapat satu laporan daripada sa-orang pelajar di-situ, bahawa Pusat Latehan Radio dan Talivishen di-Kampong Baharu ini tidak mendapat apa² sokongan, pimpinan dan pertolongan daripada pehak MARA. Saya fikir kalau Kerajaan dan pehak MARA sendiri memberikan sokongan

Mr Chairman: Saya terpaksa mengingatkan lagi sa-kali kita dalam Jawatan-kuasa. Jadi apa yang ada di-sini sahaja berkenaan dengan wang² itu. Banyak-kah, kurang-kah, itu sahaja

bukan chadangan dan lain² itu. Tolonglah pendek²kan sedikit.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Jadi, sa-bagaimana yang saya tahu Pusat Latehan ini tidak mendapat apa² sokongan. Oleh sebab yang demikian di-harap-lah sa-bahagian daripada peruntokan yang ada di-hadapan kita ini—\$20 juta banyak-nya ini—di-beri-lah satu peruntokan untuk memperbaiki sekolah yang tersebut.

Sa-bagaimana yang saya tahu ada orang American yang jadi tukang Pensharah di-Teknikal Kolej. Di-sana dia sendiri dengan sukarela-nya telah memberi sumbangan dan telah mengajar budak² dua hari sa-kali pada tiap² minggu di-tempat tersebut. Saya fikir jika daripada pehak Professor atau Lecturer daripada Amerika itu dapat memberi sumbangan yang tersebut maka kenapa-kah pehak Majlis Amanah Ra'ayat tidak dapat memberi sumbangan?

Lain, Tuan Pengerusi, saya akan berchakap satu lagi sahaja di-bawah Pechahan-kepala 7—Pekan Sahari. Ini sangat-lah baik kerana banyak-lah orang² kampung berhajat kapada market² atau pun pekan² sahari yang dapat mereka itu menjual barang² keluaran mereka itu di-tempat² yang tersebut.

Tetapi saya harap bukan sahaja sa-takat itu MARA mesti menjalankan, bahkan MARA mesti pula menchuba untuk mendapatkan gerai di-market² yang besar² di-bandar² itu supaya diberikan kapada mereka itu pula. Dengan yang demikian dapat-lah barang² mereka itu daripada kampung² di-jualkan di-market² yang besar² di-bandar². Ini-lah satu perkara yang sangat baik yang dapat memperbaiki sama ada dari segi ekonomi atau pun akan memberi pengalaman² yang baik di-dalam ekonomi kapada orang² kita yang dudok di-kampung². Jangan-lah sa-bagaimana yang ada sekarang ini hak yang dudok di-dalam bandar di-masokkan ka-dalam kampung saperti Pekan Minggu di-Kampong Baharu itu sekarang ini di-masokkan ka-Jalan Raja Muda Musa di-sana. Saya tengok

ini perkara tidak-lah kena pada tempatnya kerana kita tahu di-dalam segi ekonomi dan perdagangan locality tempat orang berniaga itu satu perkara yang paling mustahak sa-kali, kalau tempat orang lalu lalang dan tempat itu mempunyai penduduk yang banyak maka ini-lah akan dapat memajukan, tetapi kalau chuma bergantung perniagaan kita kepada orang yang duduk di-situ sahaja dan tidak orang yang lalu lalang maka lambat laun perniagaan itu akan mati.

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Dato' Pengerusi, dalam Pechahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah. Dalam peruntukan \$52 juta ini saya suka hendak mengambil kesempatan hendak menyampaikan rayuan kesulitan peserta² Lembaga Kemajuan Tanah di-Lembah Klaw, Raub. Kebanyakan peserta² di-situ kesemua-nya datang daripada jauh²: daripada Kedah, Seberang Prai, Pulau Pinang dan juga negeri² yang berhampiran dengan Raub. Ada satu kesulitan berkenaan dengan persekolahan anak² mereka di-sekolah menengah di-bandar Raub itu. Jikalau hendakkan mereka itu membelanja anak dengan wang yang di-beri kepada mereka masa dudok meneroka tanah itu, sudah tentu tidak cukup. Maka di-sini saya meminta dengan jasa baik Lembaga ini menguntokkan sedikit wang kepada peserta² yang ada anak-nya bersekolah menengah di-bandar Raub itu bolehlah wang peruntukan ini di-kira sama ada dengan bantuan sa-chara langsung atau pun bantuan sa-chara hutang.

Kesulitan yang saya dapati di-sini, saya suka lanjutkan sedikit, Dato' Pengerusi, perkhidmatan bas MARA di-antara Lembah Klaw itu dengan bandar Raub maseh belum memuaskan hati, kerana jalan raya-nya belum baik kerana di-rosakkan oleh lori² balak. Jadi sa-belum bas perkhidmatan MARA yang ada di-situ boleh memberi perkhidmatan yang boleh memuaskan peserta² dan ra'ayat di-sekeliling di-situ di-harapkan Lembaga Kemajuan Tanah ini membuat peruntukan wang sedikit supaya dapat membuat peserta yang ada anak² bersekolah menengah di-Raub itu. Jika kita tidak

bantu barangkali harus-lah pelajaran anak² mereka itu yang tidak kurang bilangan-nya akan tergendala di-tengah jalan sahaja oleh sebab sekolah yang ada di-Lembah Klaw hanya sekolah rendah sahaja. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Pengerusi, saya berchakap di-muka 27 Head 126—Ministry of National and Rural Development.

Dato' Pengerusi, saya menyokong penoh di-atas perbelanjaan ini dan membuat beberapa tegoran bagi Kerajaan kita untuk menyelamatkan negara kita dan memerhatikan segala kedudukan yang baik dan terator perlu sangatlah Kerajaan kita mengambil chek dan balance-nya atau pun pemereksaan kira²-nya di-ator dia dan atorkan baik² dari satu masa ka-satu masa. Perbelanjaan ia-itu sa-banyak di-Item 2 sa-banyak \$20 juta bagi Majlis Amanah Ra'ayat, pada pendapat saya, kejayaan yang telah di-buat oleh Majlis Amanah Ra'ayat ini kalau di-beri markah chuma 50% sahaja—ma'ana-nya banyak lagi tempat, hala-nya boleh di-perbaiki. Saya di-sini, Dato' Pengerusi, bukan menyalahkan pegawai² kesemua-nya tetapi saya rasa patut-lah pegawai² MARA jangan-lah hendak-nya kesemua-nya datang daripada jawatan M.C.S. yang atasan sa-kali tetapi hendak-lah pegawai² itu datang-nya daripada jurusan M.C.S. dan ada pengalaman dalam hal perniagaan dan perekonomian, kalau tidak, tidak dapat di-jalankan hal ini dengan baik dan terator dan pada orang ramai pula, Dato' Pengerusi, yang menyambut pula, saya rasa kurang baik.

Umpama-nya, kita orang Melayu sangat-lah bangga dengan ada-nya rumah MARA di-Ibu Kota. Saya lihat ada gerai² tidak berapa terator apabila kita pergi umpama-nya minum kopi, ayer kopi-nya sudah sejok dan alat²-nya kurang baik walhasil, Dato' Pengerusi, perusahaan itu belum lagi usianya tiga bulan. Jadi perlu sangat-lah, Dato' Pengerusi, perusahaan ini diikuti oleh pegawai² MARA bersungguh² daripada awal sampai akhir-nya sampai kita tengok satu² perusahaan itu berjaya. Jadi dengan itu tidak-lah wang orang ramai binasa.

Dato' Pengerusi, memandangkan di-sekitar kita sakalian kita lihat perusahaan yang besar² ini pun, umpama-nya, Dunlop, C.C.M. dan sa-bagai-nya, dapat taraf perintis daripada Kerajaan kita. Bagi Majlis Amanah Ra'ayat satu perusahaan orang kita Melayu baharu munchul, macham mana chara, berapa banyak wang kalau letakkan sana pun pada pendapat saya, Dato' Pengerusi, payah dia dapat nafas yang baik, dapat nyawa baik, jauh daripada hidup yang baik dan terator. Pada fikiran saya, Dato' Pengerusi, perlu sangat-lah pada Kerajaan kita memberi lindongan kalau taraf perintis kita berikan kepada perusahaan² yang besar saperti yang saya nyatakan tadi.

Mr Chairman: Saya suka sangat hendak mendengar angka wang, berapa banyak, ini tidak chukup-kah, chukup-kah, ini yang saya mendengar

Tuan Tajudin bin Ali: Itu saya hendak sampai di-situ Dato'.

Mr Chairman: Sudah berchakap lima minit belum tiba lagi pun.

Tuan Tajudin bin Ali: Hendak tibalah itu. Jadi ini patut sangat-lah di-beri perlindungan saperti Kerajaan telah memberi taraf perintis kepada perusahaan yang besar² itu, chuma masa itu sahaja-lah perusahaan yang di-jalankan oleh MARA ini hidup baik dan terator, kalau tidak wang yang kita keluarkan \$20 juta binasa sahaja.

Di-atas hal ini, Dato' Pengerusi, MARA ini patut menjalankan perusahaan-nya on "business like". Jangan macham Ahli Yang Berhormat daripada Raub kata tadi, perusahaan bas di-atas bukit sana—apa yang hendak di-bawa. Apa di-banggakan perusahaan bas, macham sahabat saya dari Port Dickson, satu Negeri Sembilan itu bas² dia punya oleh dia sa-orang kalau di-bandingkan dengan MARA, MARA tidak ada tempat.

Mr Chairman: Kepala mana, tidak sebut sadikit pun fasal wang.

Tuan Tajudin bin Ali: Latehan sa-banyak \$250,000 ia-itu Pechahan-kepala 5. Di-sini, Dato' Pengerusi,

latehan² itu baik tetapi saya dapati beberapa perkara, Dato' Pengerusi, chalun² yang telah dapat latehan daripada Maktab² yang di-sebutkan itu, apabila balek ka-kampong mereka itu masing², kadang² mereka itu kedekut tidak mahu beri pelajaran yang mereka telah dapat daripada hasil latehan mereka itu kapada orang ramai—mereka mahu simpan sahaja, kadang² mereka minta pengeras atau upahan supaya pelajaran itu di-beri kapada orang ramai. Jadi saya shorkan kapada pegawai² MARA ikuti orang² yang di-lateh ini supaya memberi pelajaran mereka itu kapada orang ramai, kalau tidak wang ini sa-banyak \$250,000 juga akan binasa.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, Item 7—Pekan Sahari sa-banyak \$50,000. Saya pun bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir tadi, pekan sahari ini baik tetapi kita tengok-lah macham di-negeri kita ia-itu di-Perak yang ada di-Titi Iskandar, Dato' Pengerusi tentu tahu

Mr Chairman: Saya ta' tahu. (Ketawa).

Tuan Tajudin bin Ali: Jadi perlulah saya membuat kenyataan sadikit kapada Dato' Pengerusi supaya ternyata sadikit atas pekan sahari ini. Pekan sahari itu di-belanjakan sabahagian wang yang banyak juga, di-situ ada lebeh kurang 40 gerai, 30 gerai daripada-nya jual lemag sahaja, siapa hendak makan lemag. Jadi saya rasa pada masa yang akan datang, Dato' Pengerusi, perlu sangat-lah sabelum satu pekan sahari itu di-dirikan, mesti-lah di-perhatikan baik² sama ada pekan sahari itu akan menjadi faedah kapada orang ramai, kalau tidak duit ini akan binasa sahaja. Masa ini bukan masa pekan sahari lagi, Dato' Pengerusi, kerana masa moden ini orang suka tengok kedai² itu berjalan dengan baik, terator dengan pelayan dan sabagai-nya, itu dapat sambutan. Pekan sahari ada tempat-nya baik dan ada tempat-nya saya rasa tidak berapa baik saperti di-Jambatan Iskandar kita sekarang sudah boleh di-katakan tinggal sahaja. Jadi pada masa yang akan datang, Dato' Pengerusi, saya

shorkan kepada pehak MARA, kalau hendak buat pekan sahari, jaga baik², kebanyakan pekan sahari sekarang bukan menjual hasil barang² di-kampung bahkan kain², beras dan sabbagai-nya datang-nya daripada Ibu Kota—datang-nya daripada pehak kapitalis, guna kepada orang kampung—kapada orang kita Melayu boleh di-katakan kurang, Dato' Pengerusi. Jadi, pada masa yang akan datang jaga baik² sedikit, terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Dato' Pengerusi, dengan izin Dato', saya hendak berchakap di-atas Kepala 126, Pechahan-kepala 1 ia-itu Lembaga Kemajuan Tanah yang telah mendapat peruntukan sa-banyak \$10 juta.

Di-sini saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Negara, ada-kah ranchangan ini akan termasuk ranchangan yang telah di-ishtiharkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ia-itu satu kawasan tanah di-Sungai Panjang, Sabak Bernam sana, baharu² ini Kerajaan Negeri Selangor, di-dalam Meshuarat Belanjawan-nya, telah mengishtiharkan sabanyak 8,000 ekar tanah akan diserahkan kapada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk di-tanam kelapa sawit. Jadi jika sa-kira-nya perbelanjaan ini termasuk di-dalam ranchangan ini, saya berbanyak²lah menguchapkan terima kaseh dan saya dapat tahu tanah yang tersebut pada masa ini sedang di-buatkan benteng dengan giat-nya oleh Jabatan Parit dan Taliayer, dan tanah itu mengikut kenyataan yang di-buat oleh Pegawai Penyiasat Tanah ada-lah sangat² sesuai untuk di-tanam dengan kelapa sawit.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya masuk kapada Pechahan-kepala 6 ia-itu Kelas² Pelajaran Dewasa. Sa-panjang perjalanan Kelas² Pelajaran Dewasa ini ada-lah sangat memuaskan tetapi satu perkara yang sangat mustahak mendapat perhatian daripada Kementerian ini, saya nampak pelajar² dewasa, sunggoh pun pada masa ini telah pandai menulis dan membacha, tetapi mereka² ini satu pelajaran yang

mustahak belum lagi dapat di-berikan oleh Kementerian ini. Kalau boleh, dimasukkan dalam pelajaran dewasa ini ilmu daching, timbang menimbang, kapada orang² kampung, Dato' Pengerusi. Kerana kalau dia pandai menulis dan membacha tetapi mereka² ini tidak tahu mata daching, ini satu kerugian yang besar kapada penduduk² luar bandar. Saya perchaya ini tidak memerlukan tambahan kewangan tetapi boleh di-sambulkan memasokkan pelajaran itu kapada pelajar² dewasa.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said (Rembau-Tampin): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap Kepala 126, Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat, di-mana terselit dalam ucapan Menteri tadi mengatakan MARA telah menyediakan kedai² untok perniaga².

Di-Seremban sana telah ada kedai tetapi malang-nya kedai² itu tidak dapat di-minati atau pun tidak dapat di-lawati oleh orang ramai, di-mana barisan belakang-nya tidak nampak daripada jalan, Tuan Pengerusi. Saya menyampaikan rungutan² daripada pekedai² itu mereka minta jikalau dapat MARA menyediakan atau pun membetulkan kesalahan² perbuatan kedai itu supaya orang yang dudok di-belakang itu dapat berniaga bersama² dengan orang² di-depan.

Yang kedua, tentang sewa-nya terlampau mahal dan saya berfikir jikalau di-biarkan sahaja begitu neschaya tidak chukup sa-tahun barangkali habis sendiri orang itu keluar tidak payah kita berhentikan lagi.

Saya hendak berchakap sa-perkara lagi tentang pekan sahari. Di-mana pekan² sahari yang telah ada di-kawasan saya sana, Tuan Pengerusi, tetapi tidak di-lawati oleh orang. Saya berharap kapada Kementerian ini jangan-lah membazirkan duit yang \$50,000 ini di-buatkan pekan sahari pada tempat² yang tidak tentu, di-harap manakala hendak buat pekan sahari beri-lah tempat² yang boleh di-lawati oleh orang dan boleh tempat berniaga, sekian-lah.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit sahaja di-dalam masaalah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Yang pertama sa-kali ia-lah masaalah Majlis Amanah Ra'ayat—MARA. Tuan Pengerusi, hasil MARA ini di-keluarkan dan di-putuskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera negeri ini, khas-nya orang² Melayu, yang mahu melihat anak² watan negeri ini, ia-itu orang Melayu, dapat bimbingan atau dapat bersama dengan orang² lain dalam masaalah perniagaan dan menchari kewangan.

Tuan Pengerusi, satu daripada tugas MARA yang saya fikir patut disampaikan ka-Dewan ini, dan patut mendapat perhatian yang berat daripada Kerajaan yang memerintah sekarang ini, ia-lah masaalah—banyak masaalah—perchakapan dan usaha² yang telah di-lakukan, mithal-nya, masaalah pemecahan estate² yang sudah pun di-bentangkan dalam Dewan ini, dan sudah pun mendapat suara² bangkangan daripada luar Dewan ini.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya ada lebeh baik pehak MARA ini membeli kesemua sa-kali estate² yang hendak di-pechahkan ini. Pehak MARA membeli-nya daripada kapitalis² yang memegang estate² itu kesemua-nya sa-kali dan di-jualkan kapada orang² Melayu dengan bilangan yang kechil². Ini boleh jadi ada orang Melayu yang tidak dapat membayar sa-kali gus walau pun estate² itu sudah dapat di-pechah²kan tetapi dapat-lah MARA memberikan pertimbangan dan membolehkan orang² Melayu yang membeli estate itu dengan membayar sa-chara ansor²—yang berdekik².

Tuan Pengerusi, masaalah yang kedua ia-itu masaalah Bank Bumiputera. Hasil timbul-nya Bank Bumiputera juga daripada Kongres Bumiputera yang telah di-adakan baharu² ini, dan hasil daripada itu tertuboh-lah Bank Bumiputera. Apa yang menjadi soal sekarang ini ia-itu masaalah Kerajaan telah memberikan pinjaman untuk mendahulukan modal dalam Bank Bumiputera ini dan menjalankan kempen merata² supaya orang menyokong

Bank Bumiputera ini dengan memasokkan kira²-nya. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya maseh tertanya² dan mungkin pertanyaan saya ini tidak benar dan mungkin benar, apa-kah kesemua sa-kali kira² wang Kerajaan sudah pun di-masokkan ka-dalam Bank Bumiputera, kerana pada pendapat saya atau pun apa yang saya dapat tahu, kira² wang Kerajaan sendiri sa-lain dari-pada

Mr Chairman: Saya terpaksa mengingatkan, perkara ini—yang di-hadapan ini berkenaan dengan wang itu sahaja tentang yang mana patut di-kurangkan, lebehkan pun tidak boleh. Jadi saya telah tegor Ahli² yang lain tadi, kalau tidak tegor semua-nya nanti saya tidak adil, jadi saya terpaksa tegor semua.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Memang benar, Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pendapat Tuan Pengerusi itu. Dan saya sentoh masaalah Kepala 126, Pechahan-kepala 2, masaalah Majlis Amanah Ra'ayat.

Mr Chairman: Pechahan-kepala?

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat, Bank Bumiputera pun termasuk dalam itu, Tuan Pengerusi, kalau di-benarkan atau di-izinkan oleh Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya tidak benarkan kalau tidak berkenaan dengan wang; hendak tambah wang tidak boleh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tidak tambah, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Potong boleh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Bukan, bukan potong. Saya sebut masaalah Butir Nombor 2 ini, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Jadi, kalau tidak potong, tidak tambah, ta' payah berchakap.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, saya minta ma'af kalau saya kurang faham, dan saya harap, Tuan Pengerusi, memberi

faham kepada saya. Masaalah Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat dan dalam Majlis Amanah Ra'ayat bergabung juga dengan Bank Bumiputera dan termasuk dalam perbelanjaan yang di-sediakan di-sini . . .

Mr Chairman: Itu tahun hadapan boleh-lah—tahun hadapan.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, tahun hadapan sudah habis-lah benda ini. Kita membahathkan masaalah tahun 1968 kalau tahun hadapan—walau bagaimana pun saya hendak menyentoh sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, ta' banyak. Itu-lah maksud dan tujuan saya menandatangani tadi ia-itu masaalah Kira² Wang Kerajaan hendak-lah di-dahulukan di-Bank Bumiputera sendiri.

Masaalah yang ketiga, Tuan Pengerusi, kita dapat mendengar dalam Dewan ini sa-bagaimana Ahli², baik dari pihak Kerajaan atau pun pihak Pembangkang, telah menyuarakan bagaimana kerugian² yang di-alami dengan membuat satu² perkara dengan tidak betul², atau tidak lebeh² dahulu di-siasat dengan teliti. Hari ini kita dapat mendengar dua wakil berchakap masaalah pekan sa-hari bagaimana wang telah di-belanjakan dengan banyak dan bagaimana hasil yang di-harap oleh pihak Kerajaan itu tidak memuaskan. Sa-patut-nya perkara yang ini bukan sa-sudah di-lakukan benda itu baharu hendak di-sesalkan kerugian², tetapi sa-patut-nya sa-belum mengeluarkan sa-suatu sen wang ra'ayat yang di-amanahkan kepada kita, hendak-lah kita memikirkan dan dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, saya berchakap masaalah Bahagian 6—Adult Education Classes. Saya telah menyokong ranchangan Adult Education Classess ini pada dasar-nya adalah amat baik untuk memberi pelajaran kepada semua warga negara Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, sa-panjang perjalanan Adult Education Classes ini, kalau ada orang mengatakan tidak baik, maka pihak Kerajaan akan mengatakan sudah bertambah baik. Walau bagaimana pun, saya tidak mahu menyuarakan masaalah baik atau

tidak baik ini, tetapi sa-patut-nya Kerajaan sudah pun menjalankan satu penyiasatan, sa-jauh mana-kah luncharnya perjalanan kelas² dewasa ini, adakah sudah sampai kepada target yang memuaskan, atau pun maseh berkurangan; kalau kurang, tambahkan belanja dan kuatkan lagi pergerakan kelas² dewasa ini, dan kalau memang kepada penyiasatan itu, kelas² dewasa ini tidak mendatangkan hasil—tutup.

Tuan Pengerusi, saya merasa ini-lah benda yang saya hendak chakapkan dan saya mengambil masa sedikit sahaja daripada Dewan ini.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit, Pechahan-kepala 2, ia-itu Majlis Amanah Ra'ayat. Saya mengambil peluang ini menguchapkan banyak² terima kasih kepada Pengurus Agong-nya yang telah memberi peluang kepada beberapa banyak Wakil Ra'ayat hadir di-sana dan memberi keterangan yang jelas-nya kepada kita sakalian dan di-atas keterangan itu ada-lah membuktikan bahawa Majlis Amanah Ra'ayat dan pegawai²-nya telah menjalankan tugas masing² dengan penoh semangat tanggung-jawab. Bagaimana tegoran² daripada Yang Berhormat tadi mengatakan perjalanan ta' berapa elok, ma'alum-lah sa-bagaimana di-kampong², kita dapati guru² memberi petua kepada murid²-nya, kalau murid itu tidak menjalankan petua ikut atoran dan nasihat daripada guru, jangan-lah salahkan guru, salahkan-lah murid² yang tidak mengikut petua guru². Saya anggap Majlis Amanah Ra'ayat ini sa-bagai guru² yang melateh dan memberi didekan kepada orang² kita.

Yang sa-benar-nya orang kita sendiri patut menerima nasihat dan ikut ajar. Saya pun telah di-beri fahaman bahawa Ranchangan Majlis Amanah Ra'ayat dalam tempoh lima tahun di-kehendaki wang sa-banyak \$114 juta untuk melaksanakan segala ranchangan², tetapi peruntukan yang di-buat chuma \$70 juta. Oleh yang demikian, saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menambahkan wang

yang di-kehendaki oleh pegawai² yang berkenaan supaya dapat menjalankan tugas² mereka itu dengan sempurna dan mendapatkan faedah dan kesan dengan sa-penoh kapada ra'ayat bumi-putera sakalian.

Saya ingin menarek perhatian pegawai² yang berkenaan di-atas keterangan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Muda mengenai ranchangan² latehan dan kemahiran. Saya maseh berpegang tegoh di-atas keperchayaan saya, jikalau kita hendak meninggikan taraf hidup atau pun hendak memberi peluang kapada bumiputera mengambil bahagian dalam chara menaikkan ekonomi masing², mesti-lah di-tumpukan kapada ranchangan² yang kechil² yang mendatangkan lebeh faedah, khas-nya perusahaan yang kechil² sa-bagaimana gunting rambut, keriting rambut, dobi, kedai² kechil² dan tukang jahit. Keempat² perkara ini ada-lah perusahaan² yang mendatangkan faedah direct (terus) kapada keluarga.

Jadi, saya berharap kapada pegawai² yang berkenaan supaya menumpukan sa-penoh² latehan dan kemahiran kapada anak² bumiputera di-atas bahagian² yang saya sebutkan itu. Kalau boleh, kita adakan mithal-nya, hendak melateh orang kita dalam perkara perniagaan, atau pun perusahaan kechil tukang jahit; banyak sangat kekurangan di-antara anak² bumiputera yang mengambil bahagian dalam perkara pertukangan jahit. Ini satu perniagaan dan perusahaan yang mendatangkan faedah dan keuntungan² besar. Oleh itu, saya harap supaya pehak yang berkenaan membawa mari guru² yang mahir daripada England, daripada Tokyo-kah, daripada Indonesia-kah dan beri gaji yang sa-penohnya kapada mereka itu. Tarek segala pemuda² kita yang baharu keluar daripada sekolah², beri latehan yang sa-penohnya sa-hingga mereka itu menjadi Master Cutter atau pun satu latehan supaya dapat memotong kot, memotong seluar dan lain².

Mengenai perusahaan dobi, orang kita sangat kurang dalam perusahaan ini. Mereka tidak mahu mengambil bahagian, atau pun ta' tahu chara² hendak menjalankan perusahaan. Saya

mengeshorkan supaya pehak pegawai yang berkenaan mengadakan satu tempat dobi yang modern dengan sa-chara jentera, dengan sa-chara letrik, dengan sa-chara dry cleaning dan bawa murid² atau pun pemuda² daripada kampung², berlateh sekarang dan beri sa-penoh² latehan ka-satu tempat khas bagaimana kita lihat di-negeri² yang maju sa-hingga besar perusahaan dobi itu yang belanja sa-hingga berjuta² ringgit. Kita tidak usah-lah buat bagitu dengan besar. Ikut chukup latehan sabanyak 50 orang sa-kali-kah, atau tempoh dalam enam bulan, habis enam bulan, balek ka-kampung dan mesti-lah ada ranchangan ikutan—"follow up scheme", kalau dia sudah dapat latehan mesti di-ikut oleh pegawai dalam jajahan itu pergi ka-tempat dia, beri nasihat, beri latehan, tegor dia supaya mengeluarkan modal dan ambil perhatian di-atas apa kejayaan yang di-buat. Yang satu perkara lagi yang mendatangkan keuntungan ialah mengenai rumah tumpangan

Mr Chairman: Saya suka hendak mendengar yang mana wang yang hendak di-potong, yang hendak dikurangkan; itu sahaja. Kita dalam Jawatan-kuasa ini.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid: Saya telah pun di-beri penerangan oleh Yang Berhormat Menteri Muda mengenai latehan dan kemahiran, jadi saya ingin-lah mendatangkan tegoran supaya dapat membaiki lagi jurusan itu.

Jadi, saya tidak-lah ingin mengambil masa yang panjang, biar-lah saya habiskan—sadikit sahaja lagi, ia-itu mengenai rumah tumpangan. Patut di-adakan satu ranchangan khas di-Kuala Lumpur atau di-kepala² negeri—sendiri menganjorkan, mengadakan rumah² tumpangan ini, supaya dapat orang² kita daripada luar bandar datang menginap di-sana, dan juga mendapat kemahiran bagaimana hendak menguruskan rumah² tumpangan ini. Ini satu perkara yang mendatangkan keuntungan yang besar. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap dengan rengkas sahaja. Saya suka

hendak berchakap dalam Pechahan-kepala 1 berhubung dengan Lembaga Kemajuan Tanah. Saya hendak bangkitkan Lembaga Kemajuan Tanah dalam kawasan saya—dengan peruntukan wang yang di-minta ini, supaya dapat Kementerian ini memberi kemudahan membuat sa-batang jalan raya daripada Pekan Bukit Gambir masuk kepada Rancangan Kemajuan Tanah yang di-Parit Haji Idris. Rancangan tanah ini, pada tahun ini, akan di-toreh getah-nya. Sa-kira-nya kalau ta' ada jalan raya mendatangkan satu kesusahan kepada pehak yang berkenaan dan juga pehak pegawai² ini.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya hendak menyentoh berhubung dengan MARA. MARA, saya sangat puas hati, ra'ayat juga sangat puas hati dan pegawai-nya kita beri pujian dan tahniah. Tetapi, kalau dengan peruntukan \$70 juta ini hendak di-buat dalam masa lima tahun, Dato' Pengerusi, tentu tidak chukup. Jadi saya harap Kerajaan hendak-lah menambah peruntukan yang lebeh banyak dalam rancangan MARA ini kalau mahu MARA ini maju dan jaya, kalau mahu ra'ayat bumiputera ini bergerak dalam perusahaan dan perdagangan berjaya.

Kemudian, dalam peruntukan wang yang banyak ini, MARA patut membuat satu matalamat-nya dalam perdagangan dan perusahaan dengan chara yang besar², masa depan membina kilang minyak kelapa yang besar sa-kali. Kerana hasil kelapa dalam negeri ini di-punya'i oleh bumiputera, dan kebun kelapa dalam negeri ini hampir 500,000 ekar. Daripada kilang kelapa yang besar ini kelapa yang mentah itu ta' payah kering lagi jadi minyak. Daripada hampas kelapa itu pula boleh di-buat cake yang lebeh baik daripada cake yang ada di-jual dalam pasar kita hari ini—hampas kelapa yang di-buat daripada kilang itu. Dan daripada kelapa itu juga sabut-nya dan tempurong-nya boleh di-gunakan, kalau sa-kira-nya kilang minyak kelapa ini di-buat—saya minta supaya di-buat oleh MARA.

Kemudian, lagi satu MARA patut di-beri pertolongan, Dato' Pengerusi, saya fikir, dalam rancangan mem-

bantu perusahaan bumiputera yang kechil, dan satu daripada-nya saya nampak ia-itu tuan punya roda tiga. Sekarang di-beri bantuan beli motokar beli bas—saya minta tolong beri bantuan kepada orang pemandu² bumiputera yang membawa roda tiga. Ini pun satu mata pencharian hidup. Mereka sekarang di-tekan oleh orang tengah—bawa roda tiga itu di-bayar satu hari dua ringgit. Tetapi kalau MARA pinjamkan pada dia \$300 atau \$400 mereka boleh bayar dengan MARA. Beribu² pemandu roda tiga berada dalam tanah ayer yang di-usahakan oleh bumiputera.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap dalam pembenaan rancangan kechil di-luar bandar berhubung dengan surau, berhubung dengan balai raya. Dahulu kita bagi surau \$5,000 pada sa-buah surau; balai raya sampai \$6,000. Saya mahu potong, jangan bagi surau itu \$5,000, bagi \$3,000; balai raya bagi \$4,000. Tetapi dengan pembenaan surau ini dengan chara bergotong-royong sabagaimana yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, di-beri di-bawah kelolaan Lembaga Kemajuan Kampong tempat itu, saya fikir surau yang molek, yang lebeh chantek, lebeh indah daripada yang ada sekarang kerana kita melalui pemborong²—balai raya-nya sekarang sudah uzor, surau²-nya kechil. Tetapi kalau ra'ayat itu sendiri membuat surau-nya, tempat ibadat-nya, membuat balai raya, tentu lebeh mereka bertanggung-jawab pada masa hari yang akan datang.

Akhir-nya, satu perkara, Dato' Pengerusi, berhubung dengan Pekan Sari. Pekan sari ini juga patut di-kaji balek. Mana pekan sari yang sudah di-buat itu di-chabut balek. Saya fikir, kalau pekan sari ini benar² hendak berkesan kepada ra'ayat di-luar bandar, hendak melateh mereka menjual barang² daripada kampong, hendak-lah tapak pekan sari itu di-beli oleh MARA di-kawasan pekan—di-kawasan pasar. Erti-nya di-mana tempat orang yang ramai di-situ-lah yang kita hendak tarohkan pasar. Ini, kita tarohkan pasar di-belakang pekan—orang ta' kan hendak pergi ka-belakang.

Jadi, dengan ini saya fikir dasar ini patut di-ubah. Kita beli tanah yang betul² yang dekat pasar walau tanah itu mahal—dirikan pekan sari. Tatkala itu-lah baharu ada kemajuan, baharu dapat di-ni²mat oleh penduduk luar bandar berhubung dengan hasil mahsul mereka melalui pekan sari yang di-buat oleh Kerajaan.

Tuan Karim bin Abu: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian berhubung dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Rasa saya patut-lah Majlis ini memberikan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah berjasa kepada, terutama sa-kali, bumiputera—nampak bantuan² yang telah di-jayakan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya berchakap atas Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat. Saya juga simpati kepada Majlis Amanah Ra'ayat ini, ia-itu MARA yang telah mengeluarkan sa-buah buku panduan hijau. Kalau di-tengok dalam buku ranchangan dia ini, bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, wang yang di-untokkan \$70 juta ini tidak-lah menchukupi dalam masa lima tahun. Tuan Pengerusi, dalil-nya, saya telah dapat dengar dan dapat tahu penuntut² di-Maktab MARA baharu² ini terpaksa mengikat perut, makan roti kerana ta' chukup belanja yang di-untokkan oleh Kementerian Kewangan kepada Majlis Amanah Ra'ayat ini.

Tuan Pengerusi, saya berchakap ini, bukan-lah apabila di-sebut bumiputera, yang saya ini ada-lah perkauman—tidak sa-kali². Ini-lah harapan saya supaya Majlis Amanah Ra'ayat ini diberi satu peruntokan yang istimewa kerana memandangkan keadaan ra'ayat bumiputera yang ada di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor ini sangat² miskin.

Tuan Pengerusi, saya berchakap atas Majlis Amanah Ra'ayat ini, Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebut banyak kedai² hendak di-bangunkan di-seluruh tanah ayer kita ini, tetapi dukachita saya di-Melaka ta' ada langsung, walau pun Kerajaan Melaka

baharu² ini mengatakan ta' ada orang Melayu meniaga, kalau ta' silap. Jadi dalam daerah², banyak orang² Melayu yang hendak meniaga, hendak menyewa di-pekan² sangat-lah tinggi.

Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas Pechahan-kepala 7—Pekan Sari. Perkara ini kalau kita berchakap mengatakan salah-nya ini letak-nya pada pegawai², rasa saya tidak-lah bagitu kena kerana pekan sari ini biasa-nya di-bangunkan sa-sudah di-buat permintaan oleh penduduk² dalam kawasan itu. Jadi apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, saya berharap bagi pehak Kementerian ini mengadakan satu Lembaga untuk menapis bagi membangunkan pekan sari ini pada masa hadapan. Kerana kalau ta' silap atau salah, letak-nya pekan sari ini itu-lah yang jadi pada masa sekarang.

Saya beri contoh satu patut pekan sari di-bangunkan di-kawasan Ayer Hitam, Muar, umpama-nya, kerana dapat-lah nanas² kawasan di-keluarkan atau pun lain² barang chuchok tanam yang ada di-situ. Tetapi kalau pekan yang ta' ada langsung jenis² tanaman tiba² kita bangunkan pekan sari umpama-nya, di-Serkam, ta' ada chuchok tanam, jadi tentu-lah pekan² sari², umpama-nya, di-Serkam, ta' ada chuchok tanam jadi tentu-lah pekan² sari² itu akan membawa gelap.

Tuan Pengerusi, Pechahan-kelapa 1 Lembaga Kemajuan Tanah. Ini telah terang dan nyata kemajuan yang telah di-buat oleh Kementerian ini. Saya memberi pandangan lagi kepada Menteri yang berkenaan walau pun telah di-nyatakan factory kelapa sawit, getah, sharikat kayu balak telah di-bangunkan tetapi bagaimana kata sahabat saya tadi, patut-lah kilang minyak kelapa di-bangunkan bukan sahaja yang besar², tetapi yang kecil pun di-bangunkan di-kawasan² yang ada kelapa. Jadi, ini dengan sa-chara langsung satu daripada hasil orang² tempatan orang² kampung ia-lah kelapa, tetapi kelapa ini sangat-lah mengechewakan. Juga kilang nanas, umpama-nya, di-Ayer Hitam, Muar, itu patut di adakan sa-buah kilang nanas.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya berchakap berhubung dengan Taman Latehan Wanita. Saya harap dapat di-besarkan sedikit Taman Latehan Wanita di-Melaka kerana tiga negeri², kalau ta' silap saya, yang wanita² di-sana belajar. Harapan saya bukan sahaja tempat Taman Latehan Wanita ini akan mengeluarkan pemimpin pelajar² yang akan menjadi guru Kelas Dewasa, tetapi wanita² yang belajar di-sana itu akan menjadi guru rumah tangga masing² ini yang sangat mustahak. Terima kasih.

Mr Chairman: Masa sudah suntok sangat. Beberapa orang na' berchakap ini—sadiKIT², sa-orang sa-minit, dua minit sa-orang.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap atas Kepala 126, ia-itu Pechahan-kepala 1, Pembangunan Tanah.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebut di-sini ia-lah di-kawasan yang langsung tidak mempunyai hutan yang hendak di-buka, dan kawasan tersebut boleh di-katakan 100% telah di-buka. Jadi hari ini penduduk² di-kawasan saya hanya dapat mendengar ranchangan² tanah yang di-buka oleh Kerajaan kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyampaikan rayuan bagi pehak penduduk² di-kawasan saya kepada Menteri yang berkenaan, ia-itu supaya memberikan perhatian yang lebih terhadap peruntokan² untuk memasoki ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan yang di-buka oleh Kerajaan pada hari ini. Kerana sa-lama ini penduduk² di-kawasan saya hanya mendapat peruntokan yang kecil sa-kali di-dalam menyertai ranchangan² tanah yang di-buka oleh Kerajaan Negeri. Dan saya telah mendapat pengakuan daripada ramai penduduk² di-kawasan saya ia-itu mereka sanggup berpindah bukan saja di-kawasan negeri Perak bahkan mana² negeri juga dalam kawasan Malaysia ini yang ada membuka ranchangan tanah-nya, maka mereka akan sanggup pindah. Saya harap-lah pehak Kementerian akan memberi

peruntokan yang lebih kepada kawasan saya dalam menyertai ranchangan² pembukaan tanah ini.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap atas Pechahan-kepala 3 ia-itu bantuan² kecil

Mr Chairman: Pechahan-kepala 3 itu hendak di-kurangkan belanja-kah atau tidak?

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, dengan peruntokan yang ada ini

Mr Chairman: Kalau bersetuju ta' payah berchakap-lah.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Chuma saya hendak menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan ini

Mr Chairman: Itu-lah, hendak tarik perhatian pun mengambil masa, masa kita pun sudah suntok.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: SadiKIT saja, Tuan Pengerusi, ia-itu saya minta peruntokan di-berikan pada tahun ini sa-banyak \$3 juta, maka harus-lah perhatian di-berikan sedikit di-kawasan saya.

Tuan Pengerusi, kawasan saya ini-lah satu kawasan yang ganjil daripada kawasan² yang lain kerana penduduk²nya tinggal jauh di-kawasan pedalaman atau kawasan tebok lebih terkenal dengan panggilan di-sana, ia-itu penduduk² dan ra'ayat jelata di-kawasan kampung yang dalam ini, mereka melalui jalan² di-atas² "bund²" parit yang bila musim hujan langsung ta' boleh menaiki bicycle dan sa-bagainya dan terpaksa mendayong sampan, atau merandok hingga ka-paras lutut. Dan di-bawah ranchangan pembangunan ini Kerajaan telah mengadakan jalan² simen di-harap-lah peruntokan bagi membuat jalan² simen di-kawasan parit² di-kawasan Krian Laut ini akan dapat di-banyakkan daripada tahun ini.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Chairman, Sir, I come directly to the point. I refer to the provision under

Sub-head 2 Majlis Amanah Ra'ayat and I would like to ask the Honourable Minister to clarify whether in this provision there is provision for the MARA College. In particular, Sir, I would like to refer to the architectural section of the Technological Institute. I ask whether the standards of this College, particularly in the architectural section, are those which are equivalent to that provided for by the Polytechnics and the Technical Institute and whether this College's intention is to produce architects or draughtsmen and whether there has been consultation with the Institute of Architects as to the future position and status of the graduates from this Colleges and from this Department.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya hendak menyentoh Pechahan-kepala 8, Rancangan Kelapa Sawit di-Trengganu, peruntokan sa-banyak \$1 juta untuk pembangunan tahun ini. Peruntokan keseluruhan-nya yang di-beri dalam masa lima tahun ia-lah \$3 juta sahaja. Oleh kerja rancangan kelapa sawit di-Trengganu ini rancangan yang besar dan rak-saksa—sekarang di-buka sa-banyak 3,000 ekar tahun ini, dan 2,000 ekar lagi dan dalam masa tiga tahun ini akan di-buka sa-banyak 20,000 ekar—saya merasa peruntokan yang di-beri sa-banyak \$3 juta untuk lima tahun ini, satu peruntokan yang tidak cukup sama sa-kali. Dan saya rasa oleh kerana baru² ini satu rombongan pakar² Belanda telah pergi ka-sana dan menyiasat dan membuktikan rancangan² yang sangat² berfaedah dan memang patut di-teruskan dan di-perbesarkan, maka saya rasa pehak Kementerian ini sudah ada bukti yang tegas daripada segi penyiasatan pakar² bahawa rancangan² ini akan berjaya dan sebab itu saya harap di-tinjau sa-mula peruntokan yang di-berikan itu kerana rancangan kelapa sawit ini sangat besar erti-nya bagi ekonomi negeri Trengganu, yang pada masa ini telah kering bijeh-nya; kalau tidak di-jayakan rancangan ini tentu-lah ekonomi Negeri Trengganu ini menghadapi masa hadapan yang agak tidak

menyenangkan. Maka harap-lah di-tinjau sa-mula peruntokan ini supaya setimbal dengan rancangan besar yang akan di-buka di-kawasan itu sa-luas 20,000 ekar dan bukan-lah peruntokan \$3 juta, yang \$1 juta daripada-nya di-berikan pada tahun ini, satu peruntokan yang memadai sama sa-kali.

Dan saya perchaya perkara ini akan mendapat sa-penoh simpati dan sokongan daripada Kementerian ini. Maka dengan sebab itu besar-lah harapan saya dan pehak ra'ayat Trengganu sendiri supaya peruntokan itu dapat di-tinjau dan di-tambah pada masa yang akan datang.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh fasal Rancangan Kemajuan Tanah. Saya rasa Rancangan Kemajuan Tanah ini ada-lah satu rancangan kebanggaan kita bersama. Saya maseh ingat lagi pada masa sa-orang wartawan terkenal dari Indonesia, Tuan Mokhtar Lubis, melawat Malaysia tidak berapa lama dahulu, bila dia hendak balek ka-Indonesia dia mengatakan oleh sebab dia melihat rancangan ini dia mengatakan Malaysia ini terlalu memanjakan petani² dengan rancangan-nya yang bagini baik, dengan di-beri rumah, dengan serba serbi di-siapkan oleh Kerajaan. Maka ini menjadikan negeri kita satu negeri yang menjadi juara pembangunan dengan sebab ada rancangan saperti ini. Chuma satu perkara, Tuan Pengerusi, kadang² yang menjadi sedikit keadaan tidak senang dalam Rancangan² Kemajuan Tanah ini ia-lah tentang hubungan antara Pengurus dengan peserta² rancangan itu. Tuan Pengerusi, ini ma'alum-lah tidak begitu faham akan saikoloji orang² kampung dan peserta² itu. Timbul-lah pertelingkahan yang tidak patut timbul dan timbul-lah berkenaan krisis kechil antara Pengurus dengan peserta².

Saya suka menchadangkan supaya pengurus² rancangan tanah ini diambil kadang² daripada orang yang bekerja di-ladang getah dan juga kakitangan² yang kanan dalam rancangan tanah ini di-beri kursus sedikit tentang

hubungan raya, hubungan awam, tentang saikoloji orang² kampung supaya lebeh berjaya mereka itu menguruskan ranchangan tanah ini dan tidak-lah kita patut dengar lagi masa ka-hadapan krisis² kechil di-antara pengurus dengan pehak peserta² tanah yang pada masa ini, saya perchaya, banyak menikmati rahmat dan menikmati ranchangan itu.

Perkara yang ketiga dan yang akhir sa-kali, ia-lah tentang Majlis Amanah Ra'ayat. Saya menyokong rayuan yang di-buat oleh sahabat² saya yang lain supaya di-tambah peruntokan untuk MARA ini. Saya tidak tahu bahawa peruntokan yang di-minta oleh MARA bagi masa yang lima tahun ia-lah \$114 juta. Tetapi yang di-sebutkan \$70 juta sahaja. Hanya 60% daripada apa yang di-harapkan. Tetapi kalau mengikut ranchangan yang patut di-jalankan oleh MARA \$140 atau \$150 juta baru chukup dan saya rasa peruntokan untuk MARA ini patut diberi dengan tidak banyak kita berfikir panjang kerana sa-benar-nya MARA ini menjalankan satu peranan yang merupakan invesment untuk stability di-Malaysia ini. Invesment untuk political stability di-Malaysia ini, yang harga-nya bukan boleh di-beli dengan harga \$144 juta atau \$140 juta. Jadi, peruntokan untuk MARA ini yang merupakan ilham harapan kita untuk political stability yang akan berusaha mengadakan perimbangan ekonomi antara penduduk luar bandar dan juga dalam bandar satu perkara yang sangat besar. Dan patut-lah, saya berharap, perkara ini di-tinjau sa-mula dan di-beri peruntokan yang sesuai dengan tugas² besar yang di-pikul oleh MARA.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap pendek sahaja ia-itu Pechahan-kepala 2, Majlis Amanah Ra'ayat. Hanya saya minta kepada pehak Majlis Amanah Ra'ayat sudah sampai masa-nya membuat rumah² kedai dalam bandar Johor Bahru, kerana banyak perniaga² Melayu di-sana terutama sa-kali mereka tidak mempunyai rumah tempat hendak berniaga. Dan tanah kosong pun ada, ia-itu di-kawasan

Pasar Lama di-tengah² bandar Johor Bahru. Itu-lah harapan saya.

Yang kedua, Pechahan-kepala 3, Rural Development. Saya hendak beritahu ia-itu Majlis Tempatan Bandar Sekudai, Ulu Chor, Kangkar, Tangkai Pulai dan Pandan berkehendakkan supaya jalan² dan parit² di-betulkan sa-mula. Itu sahaja. Terima kaseh.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, berchakap di atas Kepala 126, Kementerian Negara dan Pembangunan Luar Bandar, saya suka hendak berchakap atas Pechahan-kepala 1, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, di-dalam penerangan yang telah di-berikan oleh Menteri Muda sa-kejap tadi ada menyebutkan bahawa empat buah kilang kelapa sawit telah di-dirikan.

Apa yang saya ingin mengetahui, Tuan Pengerusi, ia-lah yang pertamanya di-mana-kah kilang kelapa sawit ini telah di-dirikan? Dan apa yang saya ingin mengetahui ada-kah kilang kelapa sawit Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini hanya sa-mata² untuk mengilang kelapa sawit yang di-dalam bahagian-nya dan kawasan-nya atau pun memberi peluang pula kepada pekebun² kechil untuk menghantar kelapa sawit untuk mengilangnya? Kalau tidak sekarang pun, Tuan Pengerusi, pada masa hadapan. Sebab, kita tahu sekarang ini

Tuan Pengerusi: Wang hendak di-potong-kah atau tidak?

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Kalau tidak hendak di-potong wang atas pandangan itu ada chara lain memberi pandangan. Bukan saya hendak menyekat orang berchakap tetapi masa sudah pendek ini. Chara memberi pandangan boleh, berhubung dengan Kementerian ini. Tetapi kalau bagini wang itu hendak di-potong-kah atau tidak. Itu sahaja.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, wang ini, rasa saya,

kalau saya minta di-potong pun pehak Kementerian tidak akan potong tetapi oleh kerana pehak Menteri Muda telah membuat huraian dalam perkara ini, maka saya rasa di-atas perbelanjaan sa-banyak \$42 juta bahagian ranchangan dan \$10 juta bagi pentadbiran ini, maka saya sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat, rasa saya, berhak menyuarakan sa-suatu dalam Rumah ini, menyebut di-atas apa yang telah di-ulas oleh Menteri Muda itu. Saya minta izin menyambungkan.

Tuan Pengerusi: Ada atoran bila kita dalam jawatan-kuasa, boleh kita tegor perkara² yang berkenaan dengan wang, jika wang itu berlebihan dan hendak potong—itu sahaja. Kalau sudah chukup wang itu tidak payah pun tidak apa. Sebab ini dalam jawatan-kuasa. Itu saya hendak ingatkan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, saya meneruskan sedikit lagi ucapan saya.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perusahaannya dan Perdagangan telah memberi peluang supaya pekebun² kechil getah boleh di-tukar, di-tanam dengan kelapa sawit—itu yang saya hendak tujukan. Sa-kira-nya pehak ra'ayat menukar menanam kelapa sawit yang kechil boleh-kah pehak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang telah mengadakan kilang ini atau pun akan mengadakan kilang pada masa hadapan, menerima kelapa sawit untuk di-kilang oleh kilang-nya itu daripada pekebun² kechil supaya bukan sahaja peserta² di-dalam Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bahagian kelapa sawit ini dapat merasa nikmat perkilangan atau pun faedah daripada kelapa sawit, tetapi akan dapat pula pehak pekebun kechil yang ada di-seluruh tanah ayer kita ini menghantar kelapa sawit-nya itu ka-kilang ini. Saya harap dapat satu penegasan atau pun penjelasan daripada pehak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini-lah ra'ayat menunggu apa-kah peluang ini akan mereka dapat atau pun tidak.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh Pechahan-kepala 2, MARA. Tuan Pengerusi, di-Jerteh, Besut, dalam kawasan saya, nama MARA ini sudah tidak berapa baik, sebab-nya apakala RIDA telah di-tukar menjadi MARA, dengan malang-nya, kilang getah-nya di-Jerteh itu terpaksa di-tutup pada 1hb Disember baru² ini. Jadi, saya harap-lah pehak MARA menebus balek nama baik-nya itu, memikirkan satu perkara yang akan diadakan di-Besut itu atau pun di-Jerteh itu ia-itu, mithal-nya, saya ada dengar Menteri Muda telah menyatakan bahawa MARA ada ranchangan Sharikat Kebangsaan Kayu Kayan dan saya rasa kalau usaha ini dapat dibuat juga di-Besut untuk menggantikan kilang getah yang telah di-tutup itu maka rasa kechewa ra'ayat di-kawasan itu akan dapat di-tebus kembali.

Tuan Pengerusi, saya suka juga hendak menyentoh ia-lah berkenaan dengan kedai. Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menyatakan bahawa di-Trengganu, di-Kuala Trengganu, akan di-bangunkan rumah kedai pada tahun ini.

Apa yang saya ingin mengetahui ia-lah di-Jerteh telah membuat permohonan supaya di-bangunkan rumah kedai di-bandar Jerteh, Besut, itu, ada-kah telah sampai pada pehak Kementerian dan kalau sampai bilakah pertimbangan akan di-beri kepada pemohon² itu.

Tuan Pengerusi, akhir-nya, saya hendak sentoh juga soal Pekan Sahari. Kenyataan dan pengalaman telah menunjukkan bahawa di-kawasan saya ada tiga buah pekan sahari yang berdekatan yang telah di-dirikan oleh MARA. Yang pertama-nya, di-Kampong Buloh, yang kedua-nya di-Bintang letak-nya di-antara Kampong Buloh dan Bintang ia-lah lebeh kurang 10 batu. Dan daripada Kampong Buloh ka-Penarek itu lebeh kurang 9 batu. Jadi, oleh kerana di-banyakkan pekan sahari yang berdekatan ini menyebabkan pekan² sahari itu makin sahari makin kurang dapat sambutan oleh kerana peniaga² atau pun barang² hasil di-sekeliling itu tidak menchukupi

untuk di-hantarkan ka-pekan sahari oleh kerana di-pechahkan ka-tiga tempat yang berdekatan.

Perkara yang sa-macham ini, Tuan Pengerusi, saya telah menyuarakan didalam Meshuarat Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya pehak MARA mengkaji lebeh halus supaya wang yang di-belanjakan untuk pekan sahari benar² memberi faedah kapada peniaga² kechil dan memberi faedah juga kapada seluroh ra'ayat yang ada di-sekeliling kawasan itu. Sekian.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, sa-belum Yang Berhormat Menteri Muda menjawab pandangan² dalam perbahathan ini, saya minta izin hendak berchakap dalam dua tiga perkara sahaja dengan rengkas.

Yang pertama sa-kali ada beberapa orang Ahli² Yang Berhormat telah mengeluarkan pandangan² berkenaan dengan pekan sahari. Sa-benar-nya masaalah pekan sahari ini satu masaalah yang susah sadikit di-hadapi oleh Kementerian ini kerana kebiasaan-nya tempat hendak di-tarok pekan sahari ini tidak dapat persetujuan daripada pehak penduduk² dengan pehak MARA. Jadi dengan sebab itu-lah kadang² pekan sahari itu di-tempatkan di-tempat yang tidak begitu sesuai, jadi tidak begitu jaya. Saya telah memberi arahan kapada MARA, pada masa yang akan datang ini pekan sahari hanya-lah di-bena di-bandar². Kerana sa-benar-nya kita berkehendakkan penduduk² di-luar bandar itu menjalankan perniagaan-nya di-bandar. Kalau pekan² sahari itu di-buat di-kampong² jadi ini akan memberi peluang kapada ahli² perniagaan di-bandar menjual barang di-kampong. Dan kita berkehendakkan pekan sahari di-gunakan untuk penduduk di-luar bandar menjual barang keluaran-nya. Jadi, dengan itu-lah sebab-nya pada masa yang akan datang saya harap pekan² sahari akan di-dirikan di-bandar besar atau pun di-bandar kechil.

Jadi, saya berharap Ahli² Dewan ini, Wakil² Ra'ayat, supaya memberi sokongan kapada dasar ini supaya penduduk² di-kampong mengetahui

yang Kerajaan atau MARA tak dapat hendak mendirikan pekan sahari di-kampong² yang mereka itu kehendaki. Kalau mereka itu hendak meniaga melalui pekan sahari mustahak-lah pergi ka-bandar. Dengan ada jalan² raya yang telah di-bena sekarang ini tentu-lah tidak begitu sukar hendak pergi ka-bandar untuk menjual barang² keluaran mereka itu. Dan tujuan mengadakan jalan² raya ini pun untuk hendak menyenangkan dan membolehkan penduduk² di-luar bandar pergi ka-bandar membawa barang² keluaran mereka itu.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya suka hendak memberi keterangan berkenaan dengan peruntokan bagi kelapa sawit di-Ranchangan Menanam Kelapa Sawit di-Trengganu. Saya tahu ia-lah satu² ranchangan yang besar dan mustahak bagi negeri Trengganu. Dan saya sendiri telah mengambil perhatian atas perkara ini. Peruntokan \$3 juta ini ia-lah bagi permulaan dan satu rombongan pakar² dari negeri Belanda telah di-jemput untuk menyiasat ranchangan ini dan penyata permulaan saya telah terima dan saya harap tak lama lagi penyata penoh daripada pakar² ini dapat di-terima dan dapat di-semak, sebab kita berkehendakkan peruntokan wang yang banyak dan wang ini, saya harap, dapat bantuan dari luar, dari badan antara bangsa, atau World Bank, atau mana² pehak yang boleh memberi bantuan kapada kita.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menjawab pandangan wakil daripada Besut berkenaan dengan pekebun² kechil hendak menanam kelapa sawit. Saya harap pekebun² kechil mendapat fahaman hari ini sebab kelapa sawit satu perkara yang susah sadikit hendak di-tanam dengan chara pekebun kechil, melainkan dapat di-tanam beramai². Jadi, kalau hendak menanam kelapa sawit dan berkehendakkan kilang², Lembaga Kemajuan Tanah, atau pun kilang² daripada pehak Kerajaan Negeri di-gunakan oleh pekebun² itu, mustahak-lah sa-belum menanam kelapa sawit, ini, berunding lebeh dahulu dengan pehak Lembaga Kemajuan Tanah, atau pun pehak Kerajaan

Negeri. Saya takut nanti pehak pekebun² kechil bila dengar yang kelapa sawit ini boleh mendatangkan hasil lebeh banyak daripada getah, mereka itu berebut² hendak bertanam kelapa sawit di-serata² tempat, jadi bila di-tanam tak dapat hendak di-bawa ka-kilang², jadi akan menyusahkan mereka itu. Jadi, saya suka menasihatkan mereka² yang suka hendak bertanam kelapa sawit berunding terlebih dahulu dengan pehak yang sedang menjalankan ranchangan² ini ia-itu Lembaga Tanah Persekutuan atau pun Lembaga Tanah Negeri. Dan kalau dapat bantuan dan kerjasama daripada mereka itu, baru-lah boleh menjalankan perusahaan itu. Tuan Pengerusi, sakan sahaja.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya lebeh dahulu menguchapkan terima kasih kepada tiap² Ahli Yang Berhormat serta Wakil Ra'ayat dari kawasan masing² yang telah memberikan sokongan yang sapaenoh-nya kepada peruntukan yang diminta dari Dewan ini. Dan saya harap kejayaan² akan dapat tercapai oleh Kementerian saya bagi melaksanakan dasar² negara kita ini. Apa yang saya suka hendak chuba jawab ia-lah daripada beberapa Ahli² Yang Berhormat telah kemukakan tadi. Pertama-nya ialah daripada Tuan Haji Ahmad bin Abdullah dari Kelantan Hilir.

Tuan Pengerusi: Saya bertanya panjang-kah?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Kalau hendak di-jawab satu² panjang sadikitlah. Tetapi, ringkas sahaja yang saya chuba hendak sebutkan—sa-rengkas²-nya. Wakil daripada Kelantan Hilir tadi telah menyatakan, ia-itu perusahaan tembaga puteh. Maka suka-lah saya menyatakan perusahaan ini ada-lah telah di-beri bantuan dan masa ini ada dalam perlaksanaan-nya dan akan di-usahkan lebeh lagi daripada apa yang mereka itu buat sekarang ini, dan MARA ada mengambil perhatian yang berat. Di-atas perusahaan kechil mechanic engineering di-Dato Keramat itu, maka pada masa ini MARA telah pun menjalankan usahanya dan juga menjayakan sa-boleh²-

nya atas keadaan yang ada sekarang kapada keadaan yang lebeh baik lagi.

Pekan sahari itu tak payah-lah saya menjawab-nya kerana Yang Berhormat Menteri saya sendiri telah menjawab.

Jadi, beraleh kapada wakil dari Raub ia-itu atas soal jauh-nya anak² peserta daripada Ranchangan Tanah F.L.D.A. itu hendak pergi ka-sekolah menengah. Jadi, pada ketika ini jalan telah pun di-bena dan tinggal lagi surfacing—meratakan tanah itu sahaja—atau pun membuat surfacing tanah itu belum lagi dapat di-jalankan dengan sempurna. Mudah²an MARA akan menjalankan bas-nya di-situ dan keadaan bertambah baik.

Yang Berhormat daripada Larut Utara telah menyatakan

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan: Apa yang saya chakapkan tadi, saya minta memberi pertolongan sa-chara langsung kapada ibu bapa yang ada anak di-sekolah menengah di-Raub itu atau di-beri pertolongan sa-chara berhutang. Itu yang saya minta boleh tidak supaya jangan tergendala pelajaran anak² mereka itu pada masa sekarang sa-belum jalan itu di-baiki oleh Kerajaan.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, wang peruntukan \$10 juta ini ia-lah untuk pentadbiran MARA, jadi susah-lah kita hendak menguntokkan wang sa-umpama itu kapada peserta² untuk faedah anak-nya. Jadi barangkali kalau ada satu jalan yang lain yang memudahkan bagi orang² di-situ berbuat demikian dengan chara bersendirian, berpakat, ada lebeh baik daripada apa yang kita meminta Kementerian ini sendiri yang membuatnya.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Tidak-kah boleh kita mencontohi Kerajaan Melaka meminjamkan wang untuk membeli basikal yang di-beri kapada penuntut² di-Melaka boleh di-buat oleh Kementerian Luar Bandar ini bagi membantu anak² peserta di-lengkongan F.L.D.A. di-Raub itu?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, perkara yang sa-umpama itu boleh-lah dapat di-jalankan dengan syarat peserta² di-situ dengan Pengurus di-situ akan menjalankan usaha itu dengan baik dan sempurna dan pakat kerana wang sentiasa ada daripada peserta² melalui Jabatan Pengurus itu sendiri tiap² bulan dan wang-nya dan boleh di-terima daripada wang mereka itu membuat usaha yang sa-macham itu. Jadi saya fikir tidak-lah payah hendak melalui Kementerian ini nanti menyusahkan lagi kedudukan ra'ayat yang di-situ.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak menanggohkan persidangan ini sa-kejap. Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 12.05 p.m.

Sitting resumed at 12.20 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, bagi menjawab hujah yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat daripada Larut Utara menyatakan pegawai² MARA ini jangan-lah hendak-nya dari Pegawai² M.C.S. sahaja tetapi juga orang² yang mempunyai pengalaman tinggi dan daripada orang² yang mempunyai pengalaman berperniagaan, suka-lah saya memberitahu Yang Berhormat itu ada-lah perkara² yang sa-umpama itu-lah yang di-jalankan dan itu ada-lah menjadi dasar MARA ini untuk mengambil orang² yang sa-umpama itu, tetapi walau bagaimana pun kita berharap yang pegawai² ini menjalankan tugas-nya itu seperti mana yang kita kehendaki.

Rumah di-katakan rumah MARA di-Kuala Lumpur ini, ada orang² Melayu yang mempunyai gerai² yang menjual kopi sejok. Jadi, perkara ini ada-lah kita sedang mengkaji-nya dan kita akan berusaha supaya perkara itu tidak berlaku, tetapi walau bagaimana pun bukan-lah agak saya boleh di-salahkan kepada mereka itu, kerana boleh jadi Yang Berhormat ini tidak minum di-situ, atau dia telah pergi ka-tingkat yang atas sa-kali, barangkali

sementara itu kopi itu sudah sejok—ta' sampai ka-meja dia. Dia tidak menyatakan di-mana yang dia minum kopi sejok itu pun.

Dia telah menyatakan juga bahawa pelajar² dari Sekolah Latehan Wanita ini, kalau telah balek ka-kampung sa-telah mendapat latehan yang mereka itu langsung tidak menjalankan kerja yang di-maksudkan oleh Kerajaan. Sa-benar-nya perkara yang sa-umpama ini telah pun kita ubah, ia-itu pada ketika ini kita telah mengambil pelajar² itu ia-lah melalui kelas² pelajaran dewasa, ia-itu bila mereka ini telah di-hantar berlateh ka-sekolah² yang tersebut ini, mereka itu akan balek mengajar. Jadi, tidak-lah saperti mana dahulu yang mereka itu bila balek tidak ada kesanggupan mengajar dan yang demikian boleh jadi-lah perkara² itu timbul dan mereka tidak mengambil bahagian langsung pada menolong orang² kita di-kampung.

Soal pekan sahari yang di-kemukakan itu ada-lah telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar sendiri tetapi suka-lah juga saya menyatakan sebab-nya begitu pada tempoh dahulu kebanyakan pekan² sahari ini walau bagaimana pun pegawai² itu telah menetapkan tempat-nya di-situ lebeh baik, tetapi ada kadang kala-nya yang Ahli² Yang Berhormat ini suka juga hendak menarek daripada tempat itu ka-tempat lain, barangkali kerana ada dua tiga perkara bagi faedah-nya. Jadi, yang demikian selalu di-dapati ter-bengkalai pekan² sahari ini.

Sekarang saya pergi kapada soal yang di-kemukakan oleh wakil kita dari Sabak Bernam menyatakan peruntokan \$10 juta ini ada-lah termasuk Ranchangan Tanah Sungai Panjang hendak di-tanam kelapa sawit. Jadi \$10 juta ini ia-lah untuk pentadbiran, tidak-lah termasuk Ranchangan Sungai Panjang ini. Mungkin dalam peruntokan yang sa-lain daripada itu yang berjumlah berapa puluh juta ringgit lagi itu akan termasuk dalam ranchangan itu.

Tentang pelajaran di-dalam kelas² pelajaran dewasa supaya mereka itu juga pandai menimbang, supaya

mereka itu dapat tahu bagaimana hendak menimbang daching dan sa-bagai-nya, mereka ini ada-lah telah pun diarahkan kepada guru² dan penyelia² supaya mengambil berat dalam soal ini, tetapi sa-mata² hendak bergantung kepada Kerajaan hendak membeli daching dan sa-bagai-nya itu ada-lah tidak menasabah, kerana perkara itu senang boleh di-dapati di-mana² juga pun. Kalau guru itu ada mengambil perhatian berat atas soal ini, tentu-lah dia boleh meminjam atau pun boleh muafakat membeli-nya, bukan sangat mahal harga-nya.

Ahli dari Rembau-Tampin bersungut berhubung dengan kedai di-Seremban dan ini ada-lah dalam pandangan Jabatan MARA dan mereka akan mengambil tindakan dalam soal itu.

Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu menyatakan supaya tanah kebun getah supaya kebun estate ini—kebun² estate yang di-pechah²kan ini boleh di-beli oleh MARA ini juga ada dalam perhatian MARA untuk masa hadapan. Berhubung dengan kelas dewasa, nampak-nya dia menyokong penoh atas apa yang kita jalankan, tidak seperti mana biasa-nya dahulu Yang Berhormat itu-lah selalu menudoh yang kelas² dewasa ini telah beraleh tujuan. Saya menguchapkan terima kasih. Saya harap Yang Berhormat itu akan mengambil berat bersungguh² dalam soal ini supaya dapat kita perbaiki lagi soal² hendak menghidupkan jiwa orang² kampung kita supaya mereka itu dapat didekan yang sempurna. Jadi, ada satu perkara lagi ia-itu yang di-kemukakan-nya ia-lah soal Bank Bumiputra. Jadi, bank ini tidak-lah termasuk di-dalam Jabatan MARA ini.

Yang Berhormat dari Seberang Utara menyatakan supaya MARA ini dapat menumpukan pandangan-nya kepada perusahaan² kecil. Jadi, ini sudah menjadi dasar bagi MARA ini menjalankan tugas-nya untuk melaksanakan chita² yang seperti itu dan kita berharap sokongan yang penoh dan nasihat yang berguna dapat dari satu masa ka-satu masa daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian, mudah²an

perjalanan MARA ini dapat di-perbaiki dan lichin.

Tuan Ahmad Arshad daripada Muar Utara menhadangkan supaya perusahaan taxi roda tiga di-adakan jadi ini juga kita akan mengambil perhatian sa-kira-nya ada kehendak daripada mereka itu hendak menjalankan perusahaan ini, dan kita boleh-lah mengkaji bagaimana hendak menjalankan perusahaan yang sa-umpama itu.

Wakil daripada Melaka Utara telah menudoh soal ikat perut oleh pelajar, murid², di-Maktab MARA Petaling Jaya. Yang Berhormat itu sendiri tahu yang pada ketika ini Maktab itu sedang di-perbesarkan, sedang di-bena, supaya sesuai dengan keadaan murid² yang belajar di-situ. Dan pada hari ini murid²-nya ada lebih ramai daripada Maktab itu sendiri. Dan dengan sebab dapur atau pun chara tempat memasak ini tidak sa-imbang dengan kedudukan murid² itu, jadi tidak dapat hendak diselenggarakan makanan murid² itu pada ketika mereka hendak makan seperti mana yang ada sekarang, kerana mereka terpaksa belajar pagi dan petang. Jadi dengan sebab itu-lah keadaan tidak boleh mendapatkan mereka itu makan mengikut waktu itu, makan nasi dengan sa-chukup-nya, tetapi telah di-tempohkan pada satu masa. Jadi apabila dapur ini siap dan boleh di-sesuaikan dengan keadaan, baharu-lah keadaan itu dapat di-betulkan balek. Saya perchaya-lah perkara ini tidak-lah lama, sa-hinggalah menunggukan dapur itu siap sahaja.

Juga Yang Berhormat itu telah menyentoh kedai MARA di-Melaka, wal-hal di-Melaka ada dua buah kedai sekarang ini, pada tahun ini kita tidak ada peruntukan untuk Melaka. Walau bagaimana pun MARA akan mengambil perhatian berat dalam soal itu apabila Pegawai MARA dapat berunding dengan Ketua Menteri Melaka.

Yang Berhormat itu juga telah bersungut berkenaan Taman Latehan Wanita di-Melaka itu patut di-perbesarkan. Seperti mana yang telah saya sebutkan pada pagi tadi, ia-itu kita telah menambah lagi sa-buah sekolah di-Trengganu bagi orang² yang

di-Pantai Timor pada masa sekarang; apabila sekolah itu sudah siap, bolehlah mereka itu pergi ka-Trengganu berlateh di-sana. Sekarang terpaksa-lah mereka itu di-hantar ka-Kuala Lumpur dan juga di-Melaka. Jadi dengan sebab itu-lah pada ketika ini yang rumah di-Melaka itu sempit. Jadi tidak berapa lama lagi tidak-lah sempit sangat bagi pelajar² itu belajar di-sekolah itu.

Sekarang, Yang Berhormat daripada Krian Laut meminta supaya peruntukan kechil bagi negeri-nya dapat dilaksanakan dalam kawasan-nya sendiri. Dia telah bersungut kerana banyak ranchangan² yang kechil dalam kawasan-nya tidak dapat di-laksanakan. Jadi, soal ini tidak-lah menjadi keberatan sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu dapat berunding dengan pegawai Kerajaan yang menjadi Pengerusi Pembangunan Luar Bandar di-sana; saya fikir tentu-lah dapat Yang Berhormat itu satu, atau dua, perojek bagi tahun ini untuk ranchangan² kechil dalam kawasan-nya.

Dr Lim Chong Eu, wakil dari Tanjong, telah meminta kita supaya menyatakan ada-kah taraf Maktab MARA di-Petaling Jaya itu sama taraf-nya dengan technicological studies dalam Institute of Technology. Untuk menjawab ini, belum lagi. Tetapi apabila sampai masa-nya kelak, Institute itu akan di-jalankan di-peringkat politeknik sahaja.

Satu perkara yang lain, kita beraleh kapada Trengganu Utara Yang Berhormat Wan Abdul Kadir. Dia telah bersungut menyatakan peruntukan \$70 juta untuk MARA ini tidak menchukupi. Jadi \$70 juta wang yang kita untukkan bagi MARA ini ia-lah dalam masa lima tahun yang akan datang, dan ini mungkin akan kita tambahkan sa-kira-nya desakan, dan kemajuan dan kejayaan yang besar dapat di-chapai oleh MARA ini. Jadi bukanlah sa-takat itu sahaja peruntukan yang kita telah untukkan. Kita harap tiap² Ahli Yang Berhormat akan memandang berat kapada kemajuan dan kejayaan yang di-jalankan oleh MARA, maka MARA ini akan dapat

menjalankan tugas-nya dengan baik dan sempurna.

Dia juga menyatakan di-antara pengurus² ladang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini kadang² tidak bersesuaian dengan peserta² dalam ranchangan tanah itu. Ini sa-benar-nya kita telah meletakkan tiap² sa-orang pengurus itu ia-lah orang yang bertanggung-jawab yang boleh berikan persesuaian dengan orang² atau pun peserta² kita di-situ. Tinggal lagi, perkara² yang kechil² itu memang-lah ada di-mana juga pun—walau pun tidak di-ladang atau di-ranchangan tanah yang sa-umpama itu, tetapi di-mana² pun ada krisis² timbul. Tetapi kita berasa puas hati kalau Ahli Yang Berhormat juga mengambil berat dalam soal ini untuk menyiasatkan dan mengambil peluang masa sedikit sa-banyak pergi ka-ranchangan di-mana Yang Berhormat itu berada, barangkali peserta² ini akan dapat tahu kedudukan mereka itu, dan tanggung-jawab mereka itu di-dalam ranchangan tanah itu. Saya kerap kali pergi melawat di-dapati pegawai² itu tidak munasabah di-pandangan bagitu kerana perkara² yang sa-umpama itu boleh di-selesaikan di-kalangan orang² kita sendiri di-dalam kawasan ranchangan yang tersebut.

Jadi, soal kelapa sawit di-Trengganu telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar tadi, tidak payah saya menjawab-nya lagi.

Tuan Haji Rahmat dari Johor Bahru Barat telah meminta supaya di-adakan juga kedai MARA di-Johor; ini juga akan kita mengambil perhatian. Dan juga dia meminta supaya peruntukan di-adakan dalam Local Council yang sana; ini memang ada dalam peruntukan untuk membantu mereka yang di-dalam penempatan sa-mula.

Sekarang ini saya berchakap tentang soal yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Besut. Soal² yang di-kemukakan-nya telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat Tun sendiri, ta' payah-lah saya menjawab-nya sekarang.

Jadi, sa-takat itu sahaja-lah yang telah dapat saya kemukakan perbahathan dan hujah² yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat sakalian dan saya lagi sa-kali mengucapkan terima kaseh di-atas sokongan yang telah di-berikan dan saya harap, Tuan Pengerusi, Dewan ini dapat meluluskan peruntokan yang di-minta. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

The sum of \$74,172,280 for Head 126 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Heads 127, 128, 129, 130, 131 and 132—

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan Pengerusi, saya suka mengemukakan dan saya minta kelulusan Dewan ini, ia-itu peruntokan di-bawah Kepala 127, Kepala 128, Kepala 129, Kepala 130, Kepala 131 dan juga Kepala 132 berjumlah semua-nya \$8,904,833.

Mengenai Kepala 127, peruntokan sa-banyak \$1,077,500 di-bawah Pechahan-kepala 1 bagi pinjaman kepada Negeri dan juga peruntokan sa-banyak \$1,011,375 bagi bantuan kepada Kerajaan Negeri untuk membolehkan mereka itu membuka lebih kurang 4,000 ekar tanah di-bawah Ranchangan Pinggir.

Bagi Pechahan-kepala 2 peruntokan sa-banyak peruntokan \$1,100,000 di-pohonkan bagi Lembaga Penyatuan dan Pemulehan Tanah semula. Sebagaimana yang telah saya nyatakan beberapa hari dahulu dalam tahun ini Lembaga tersebut menjalankan ranchangan penchubaaan di-Negeri Sembilan, di-negeri Perak dan di-Pahang.

Di-bawah Pechahan-kepala 3, Kema-juan Taman Negara peruntokan sa-banyak \$200,000 di-pohonkan. Tuan Pengerusi, sering kali Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini telah menyuarakan bahawa Taman Negara ada baik-nya jika di-jinakkan binatang² liar atau buas untuk para pelancong melihat binatang² itu di-dalam Hutan apabila mereka melanchong ka-Taman Negara.

Tuan Pengerusi, baik-lah saya terangkan di-sini bahawa concept Taman Negara ia-lah untuk kita membiarkan kawasan Taman itu dalam keadaan semula jadi-nya, atau pun natural condition. Di-mana manusia tidak mengubah keadaan 'alam di-situ supaya kechanteakan 'alam dan penghidupan binatang² di-kawasan itu adalah seperti sedia kala. Ini ia-lah untuk memelihara dan mengawal segala isi dalam kawasan itu supaya dapat kita semua dan juga pelancong² melihat dengan diri sendiri akan keadaan semula jadi yang indah dan menarek. Sa-kira-nya kawasan itu di-ganggu oleh manusia sudah tentu-lah keadaan semula jadi itu tidak ada lagi dan penghuni² hutan² ia-itu unggas dan mergasetua tidak suka lagi kepada tempat itu dan dengan demikian tidak ada ma'ana lagi di-gelar tempat itu sa-bagai Taman Negara. Di-masa ini, Tuan Pengerusi, sambutan daripada pelancong untuk melawat tempat itu sungguh menggalakkan kita sakalian sa-hingga banyak permintaan para pelancong untuk pergi ka-sana terpaksa di-tolak pada tiap² tahun oleh kerana tidak ada tempat tinggal. Dalam tahun 1966 lebih kurang 300 permintaan itu di-tolak oleh kerana sebab yang tersebut tadi. Taman Negara kita memang indah dan sesuai untuk pelancong². Di-sini saya bachakan surat daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Belanda, yang baru sahaja saya terima di-dalam beberapa hari dahulu. Surat itu dalam bahasa Inggeris dan berbunyi bagini:

"Dear Mr Minister,

I spent a very enjoyable four days at the Taman Negara from February the 8th to February the 14th, and I feel that I would like to compliment you for the way in which this National Park is set up and is being maintained. The Game Warden at Seremban, Mr Peter Fong, the Deputy Superintendent at Park Headquarters and Stephen, who did the catering, all seem to go out of their way to make our stay comfortable and pleasant. I think the whole organisation is admirable and for anyone who enjoys outdoor life a visit to the Taman Negara is a must.

With kindest personal regards,

I remain,

Mr Minister,

Yours sincerely,

(Sd.) Netherlands Ambassador".

Ini-lah bukti-nya yang menyatakan keindahan Taman Negara dan terator Jabatan Mergasetua menjalankan tugas-nya. Namun demikian Jabatan ini akan terus memperbaiki lagi kemudahan² yang sedia ada untuk menambah lagi bilangan pelanchong ka-sana dan dengan demikian, Tuan Pengerusi, saya minta-lah supaya mempunyai potential yang baik dari segi pelanchong dan dengan demikian Kerajaan akan berusaha untuk memperbaiki keadaan² di-Taman itu untuk pegawai² dan kaki-tangan² Taman itu dan juga untuk mendirikan lagi beberapa kemudahan² untuk para pelanchongan. Usaha² itu termasuk-lah mendirikan dan memperbaiki rumah² pegawai, tempat tumpangan pelanchong, dan juga untuk memperbaiki lagi bekalan ayer dan letrik. Bekalan ayer dan letrik serta juga rumah² kediaman yang memuaskan sangat² di-perlukan di-tempat yang terpencil ini, kerana 90% daripada pelanchong² ada-lah yang datang daripada luar negeri. Dengan ada-nya kemudahan² yang lebih sempurna, lebih ramai lagi-lah pelanchong² akan datang ka-situ. Ini menyebabkan kutipan hasil yang lebih banyak untuk negara kita.

Tuan Pengerusi, saya beralah kepada Pechahan-kepala 21 mengenai kemajuan tanah di-Negeri Sarawak. Wang sa-banyak \$200,000 di-perlukan untuk membayar, antara lain, gaji dan lain² elaun untuk Penyelia² Ranchangan atau pun Scheme Managers bagi kawasan² Ranchangan Kemajuan Tanah di-Sarawak. Ranchangan² itu ia-lah di-Kampung Tun Razak dalam daerah Serian di-Kuching, di-Kampung Gelugu, di-Skrang (Bahagian II) di-Kampung Sebintek, Meradong, di-Bahagian III dan juga di-Lambir dalam daerah Miri dalam Bahagian ke-IV. Wang itu juga di-perlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan perjalanan yang berkaitan dengan kerja menyelia ranchangan² tersebut sa-banyak \$1,000 di-perlu untuk maksud di-atas. Kerja² permulaan itu bermaksud kerja² penyiasatan keadaan tanah dari bumi dan juga udara terhadap kawasan² yang bakal di-majukan. Kerja² itu termasuk juga pembenaan jalan² rintis untuk kegunaan kenderaan, membersekan

kawasan² sa-belum di-peta dan memeta kawasan² tersebut. Peruntukan untuk kerja ini juga di-perolehi daripada Pechahan-kepala 21 sa-banyak \$1,000 di-kehendaki dalam tahun 1967 untuk menyiasat tempat² yang tersebut di-bawah ini, ia-itu di-Lubai Tengah, Long Lama, di-Sebintek, kawasan tambahan, di-Gelugu lagi kawasan tambahan dan juga di-Skrang lagi kawasan tambahan. Untuk ranchangan di-Sebintek, Gelugu dan Skrang kawasan² tambahan akan di-siasat untuk membesarkan lagi ranchangan² itu kerana di-fikirkan kawasan yang ada itu tidak berapa menchukupi.

Bagi Pechahan-kepala 22 untuk Bangunan² Kerajaan dalam kawasan² ranchangan yang telah saya terangkan tadi peruntukan sa-banyak \$185,000 di-kehendaki. Dalam tahun ini, Tuan Pengerusi, rumah² penyelia akan di-bena di-Kampung Tun Razak, di-Meradong, di-Lambir dan di-Sebintek manakala kedai² Sharikat Kerjasama akan di-bena di-Meradong, Lambir dan di-Sebintek; juga akan di-bena dengan peruntukan ini ia-lah Balai Raya di-Skrang dan juga di-Gelugu.

Pechahan-kepala 23 bagi pembangunan kampung dalam kawasan² ranchangan tanah yang tersebut itu tadi dan juga akan di-buka sa-banyak \$650,000 di-pohonkan. Ranchangan ini meliputi penyediaan tapak perkampungan, pembenaan jalan², kampung, jambatan² kecil, parit dan untuk menanam pokok² untuk menegah keruntuhan tanah di-dalam ranchangan itu. Perbelanjaan untuk melaksanakan pekerjaan² ini berbeza dari satu ka-satu ranchangan bergantung kepada keadaan bumi. Umum-nya, sa-suatu ranchangan memerlukan antara \$150,000 hingga \$200,000 untuk pekerjaan ini.

Kepala 128, Kajibumi, Tuan Pengerusi, peruntukan sa-banyak \$15,252 ada-lah untuk membeli perkakas² terutama sa-kali perkakas X-ray, peruntukan sa-banyak \$10,000 sahaja, ini Token Vote, di-bawah Pechahan-kepala 2 untuk Prospection Equipment.

Di-bawah Pechahan-kepala 4, Offices dan Equipment, peruntukan sa-banyak \$72,992 di-kehendaki untuk pejabat

baharu di-Segamat dan juga di-Seremban.

Bagi Pechahan-kepala 5, Mineral Clearance Survey, peruntukan sa-banyak \$70,000 di-kehendaki dan bagi Laboratory Extension, membesarkan lagi tempat laboratory yang ada sekarang dan juga bagi membeli perkakas² laboratory, peruntukan sa-banyak \$90,990 dan \$90,000 di-kehendaki. Bagi Pechahan-kepala 8 peruntukan sa-banyak \$7,000 di-kehendaki untuk membeli kabinet² yang baharu.

Bagi Pechahan-kepala 129, dalam tahun 1967, Tuan Pengerusi, dua buah Sharikat Melayu di-Perak akan di-beri bantuan sa-chara memberi perkakas supaya membolehkan sharikat² itu melombong di-dalam kawasan² simpanan orang Melayu. Sekarang persediaan sedang di-buat untuk membeli alat² dan jentera² yang berharga \$200,000 untuk lombong² di-atas. Sementara itu M.I.D.U., atau pun Mineral Investigation Drilling Unit, terus juga menjalankan usaha² chari gali untuk menentukan kawasan yang baik untuk di-lombong.

Kepala 130 Ukur, Pechahan-kepala 2, Rumah² bagi pekerja—Dalam tahun 1966 dahulu sa-banyak 30 buah rumah telah di-siapkan sunggoh pun peruntukan telah di-minta bagi membuat 44 buah rumah. Yang telah di-siapkan, ia-lah di-Tapah 6, di-Temerloh 6, di-Melaka 6, di-Seremban 6, di-Kuala Pilah 6. Ranchangan bagi tahun 1967, ia-lah 14 buah rumah yang tidak di-siapkan dalam tahun 1966 tadi akan di-siapkan seperti berturut: Pulau Pinang 2, Batu Pahat 6, Kota Tinggi 6.

38 buah rumah lagi yang memang telah di-ranchang untuk di-dirikan dalam tahun 1967 ini ia-lah seperti berikut: Kuala Pilah 2, di-Taiping 4, Kuala Lumpur 8, di-Klang 6, di-Alor Star 6, di-Kuala Kedah 6, di-Kuah, Kedah 6, dan juga di-Kangar 6 buah. Jumlah 38 buah. Ini-lah chara-nya Kerajaan Perikatan kita, Tuan Pengerusi, menjaga kepentingan² bagi buroh² atau pun pekerja² di-dalam negeri ini.

Pechahan-kepala 4, Pejabat Ukur Negeri Kedah. Keadaan Pejabat Ukur,

bangunan yang ada sekarang ini sangat menyedehkan, Tuan Pengerusi, dan dengan demikian sa-buah Pejabat baharu harus di-bena dengan harga \$463,660. Tapak-nya sudah kita peroleh dan bangunan itu kita jangka akan siap dalam tahun 1968.

Pechahan-kepala 6, Pejabat di-Kuantan. Bangunan pejabat ini sudah pun di-sempurnakan dalam tahun 1965, tetapi perbelanjaan sa-banyak \$6,020 di-perlukan untuk kerja² runchit.

Pechahan-kepala 8, Pejabat Ukur Daerah Kemaman. Bangunan ini telah pun di-siapkan dalam tahun yang lalu tadi, tetapi wang sa-banyak \$10,000 di-kehendaki untuk kerja² runchit.

Bagi Pechahan-kepala 9, Co-ordinate Printing Equipment, sa-banyak \$27,010 di-kehendaki untuk membeli alat daripada untuk mempercepatkan lagi pekerjaan pelukis peta dalam jabatan ini.

Mengenai Pechahan-kepala 5 pula peruntukan yang di-kehendaki ia-lah sa-banyak \$65,000 untuk membeli alat² untuk mempercepatkan lagi perchetakan peta².

Saya beralah kapada Sabah, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 21, Topographical Survey, sa-banyak \$120,000 di-kehendaki untuk menerbitkan peta yang bersekil 1: bagi 50,000 dan 1 bagi 250,000 bagi negeri Sabah.

Pechahan-kepala 22, Menyediakan Peta Ranchangan² Tanah, sa-banyak \$20,000 di-kehendaki untuk menyediakan peta² yang lengkap bagi kawasan² yang di-buka untuk ranchangan² tanah untuk di-gunakan bagi peranchangan kampung dan bandar di-kawasan² itu.

Pechahan-kepala 23 menghendaki sa-banyak \$60,000 untuk membeli alat plotting untuk jabatan ini.

Pechahan-kepala 24 peruntukan sa-banyak \$20,000 di-kehendaki. Ini, Tuan Pengerusi, bagi tahun ini ia-lah untuk menentukan penempatan jalan², reclamation surveys, dan juga pekerjaan² lain yang memerlukan pakar² menjalankan-nya kerana jabatan ini terlalu sibok dengan pekerjaan pedestrial atau

pun title survey untuk menyelesaikan permohonan² tanah.

Pechahan-kepala 25, Penerbitan peta² besar, sa-banyak \$15,000 di-perlukan untuk mengisi kekurangan peta² ini untuk panduan pembangunan dan juga untuk kegunaan merancang bandar. Di-masa ini hanya ada peta² untuk Jesselton, Sandakan, Labuan dan Kudat. Ada-lah di-harapkan bahawa pada akhir ranchangan ini, kesemua bandar² di-Sabah akan di-petakan.

Pechahan-kepala 26—Alat². Sa-banyak \$8,000 di-kehendaki untuk membeli alat moden bagi kegunaan pejabat tersebut.

Di-Sarawak pula, pekerjaan² ukor untuk tahun 1967 ada-lah seperti berikut di-bawah ini.

Pechahan-kepala 31, sa-banyak \$204,730 di-perlukan untuk meneruskan pekerjaan memeta di-negeri itu.

Pechahan-kepala 32, Gambar Udara, peruntukan sa-banyak \$168,340 di-pohonkan untuk pekerjaan mengambil gambar udara bersangkutan dengan ranchangan² tanah penempatan (Location) jalan, penyasatan keadaan tanah; hutan dan sa-bagai-nya.

Pechahan-kepala 33—pula memerlukan \$10,000 untuk membuat peta² ranchangan² tanah manakala Pechahan-kepala 34 bagi Alat² Ukor dan Peme-taan pula memerlukan sa-banyak \$259,144 untuk membeli perahu, enjin, dan beberapa alat² lain untuk pekerjaan ukor.

Tuan Pengerusi, Kepala 131—Orang Asli. Seperti di-ketahui umum, polisi Kerajaan Perikatan ia-lah untuk meng-intergrasi Orang² Asli yang berjumlah lebih kurang 50,000 orang itu dengan penduduk² lain di-Malaysia. Masaalah ini sa-benar-nya ia-lah masaalah sosial dan ekonomi. Intergrasi hanya boleh di-chapai sa-telah taraf kehidupan Orang² Asli ini di-naikkan ka-perengkat umum taraf kehidupan penduduk² yang lain² dalam negeri ini. Untuk menchapai maksud ini, Jabatan ini berusaha giat memberi kemudahan² pelajaran, perubatan dan juga mengadakan beberapa ranchangan untuk kebajikan mereka itu.

Dalam tahun 1966 ranchangan² seperti di-bawah ini telah kita laksanakan. Sekolah 3 unit, asrama 4 unit, rumah² di-bawah ranchangan kilat 177 unit, rumah bagi kakitangan di-Batu Gong 2 unit. Saya suka menerangkan tidak lama lagi Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri akan merasmikan pembukaan sa-buah kampung di-Negeri Sembilan yang akan di-gelarkan dengan nama Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri.

Perubatan pula bagi rumah kakitangan Gombak menghendaki 14 unit, rumah kakitangan Gombak bagi Division II satu unit, Post Perubatan 3 unit, post pemindahan perubatan atau pun Medical Evacuation Post 2 unit, Penyiasatan bagi rumah kakitangan di-Gombak menghendaki 7 unit, ranchangan getah dan dusun, ranchangan perchubaaan Pahang getah 4 ekar, dusun 2 ekar 100 keluarga menghendaki 600 ekar—Perbelanjaan sa-banyak \$90,000.

Di-bawah Pechahan-kepala 1—Perkhidmatan lanjutan di-Daerah² pendalaman, sa-banyak \$188,850 di-kehendaki untuk membeni 4 buah sekolah rendah, dua buah rumah untuk pegawai² dan juga untuk memperbaiki perkhidmatan perubatan di-kalangan orang² asli.

Sekolah² itu akan di-buka di-Batu Gong (Pahang), Kuala Niah (Ulu Kelantan), Kampong Ghang (Perak) dan juga Kampong Judah di-(Selangor).

Dalam bidang perubatan pula, satu unit pergisian bergerak atau mobile unit akan di-beli dan lima buah perahu yang lengkap dengan perkakas perubatan akan di-sediakan untuk perkhidmatan Orang Asli yang diam di-tepi² sungai. Juga daripada pechahan-kepala ini dua Klinik untuk ibu mengandung dan kanak² yang akan di-bena di-Sungai Yai (Kelantan) dan Fort Betau (Pahang). Juga akan di-bena 7 tempat pendaratan helikopter untuk di-gunakan dalam masa kechemasan.

Di-bawah Pechahan-kepala 2—pula, sa-banyak \$610,710 di-perlukan untuk meneruskan ranchangan kilat ia-itu satu ranchangan yang membantu Orang² Asli mendirikan rumah² yang

usang, memberi mereka beneh, baja, binatang² ternak, perkakas pertanian dan jika boleh juga bekalan ayer ditempat² yang dari masa ka-masa difikirkan perlu untuk jabatan ini. Tujuan projek ini ia-lah untuk memberi sendiri.

Di-bawah Pechahan-kepala 3—pula, Penyelidekan dan Penyiasatan, sa-banyak \$20,000 di-perlukan untuk penyiasatan dan penyelidekan oleh Pegawai² Jabatan ini tentang keperluan Orang² Asli dan akibat pembangunan ka-atas mereka. Penyiasatan saperti ini perlu supaya Kerajaan tidak nanti menghabiskan wang ka-atas perojek² yang tidak tentu.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan hingga pukul 4 petang.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS (MOTION)

The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa perjalanan meshuarat mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1967 hendak-lah di-kechualikan daripada syarat² Peratoran Meshuarat 12, Cheraian (1) hingga pukul 8 malam ini atau sa-hingga selesai perjalanan meshuarat yang tersebut di-atas, mengikut mana yang lebeh awal.

The Minister of Agriculture (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Bahawa perjalanan meshuarat mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1967 hendak-lah di-kechualikan daripada syarat² Peratoran Meshuarat 12, Cheraian (1) hingga pukul 8 malam ini atau sa-hingga selesai perjalanan meshuarat yang tersebut di-atas, mengikut mana yang lebeh awal.

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1967

Committee

The House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Heads 127 to 132—

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala 132 Pechahan-kepala 1, peruntukan sa-banyak \$230,000 ada-lah dikehendaki. Di-bawah ranchangan ini akan di-bena dua unit rumah kelas C dan satu belok mengandongi 16 unit (flat) untuk pelajar² berkursus di-Kepong. Kerja untuk ranchangan perumahan di-atas ini di-mulakan dalam tahun 1966 tadi, dan di-jangka akan siap dalam bulan Mach tahun ini. Dalam tahun ini juga akan di-bena satu belok mengandongi 16 unit (flat) untuk pelajar² dan satu belok mengandongi 8 unit (flat) untuk pegawai² rendah. Juga akan di-bena ia-lah dua buah rumah untuk pegawai kanan dan satu unit rumah kelas C.

Di-bawah Pechahan-kepala 2, Ma'amal Penyelidekan Kayu Kepong, penyelidekan akan terus di-jalankan ka-atas segala jenis² kayu yang terdapat di-Malaya dalam bidang composite wood, preservation dan seasoning. Dalam tahun 1967 ini satu mechanical veneer dryer akan di-beli dan dengan ada-nya mesin ini pusat ini akan mendapat mendalam lagi kajiannya terhadap plywood dan dengan ada-nya maklumat² itu pengusaha² plywood akan mendapat pertolongan besar daripada-nya. Peruntukan yang di-pohonkan ia-lah \$40,000.

Pechahan-kepala 3, Seasoning Kiln: Peruntukan sa-banyak \$32,400 di-pohonkan. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan untuk menyampaikan perasaan terima kasih daripada negara Malaysia kita kepada negeri Australia yang telah bagitu murah hati menghadihkan kepada Kerajaan kita, di-bawah Ranchangan Colombo, perkakas² kiln yang berharga \$118,000. Kerana kekurangan wang, Tuan Pengerusi, alat itu telah tidak dapat di-pasangkan dalam tahun 1966, tetapi akan siap di-pasang dalam tahun ini. Dengan ada-nya alat ini, Pusat Penyelidekan ini berharap agar pengusaha² kayu akan lebeh² lagi mengeluarkan seasoned timber sa-chara yang

menggunakan kiln dan chara bagini ada-lah lebeh murah daripada chara yang biasa di-gunakan di-negeri kita sekarang.

Pechahan-kepala 6, Penyiasatan Sumber Hutan, peruntokan sa-banyak \$53,000 ada-lah di-kehendaki untuk membelanja kerja² Penyelidikan Sumbar Hutan saperti membayar gaji buroh, dan membeli alat² dan mesin untuk kerja ini.

Pechahan-kepala 8, Kebun Perchubaan, sa-banyak \$250,000 di-kehendaki dalam tahun ini. Ranchangan ini bermaksud untuk membentuk kebun hutan atau pun forest plantations bagi pokok jenis pine yang tumbuh lekas supaya penyelidekan dan pengalaman dapat diperolehi. Jenis² yang di-tanam itu akan menjadi bahan kayu kayan dan juga untuk menjadi bahan palpa untuk membuat kertas. Di-masa ini ada 200 ekar di-Selangor, 20 ekar di-Pahang dan 20 ekar kebun di-Negeri Sembilan.

Pechahan-kepala 9, peruntokan sa-banyak \$90,000 di-kehendaki untuk membuat penyelidekan berkenaan dengan penanaman kayu² di-atas tadi, beberapa jenis tanah di-atas tanah lembah dan tinggi dan juga di-kawasan² yang mengandongi hutan yang tidak berapa baik. Peruntokan ini juga akan di-gunakan untuk membuat kajian tentang penanaman pokok jati di-Perlis dan juga di-Kedah Utara.

Pechahan-kepala 10, Pengukuran Kayu, peruntokan sa-banyak \$21,000 di-perlukan untuk mengadakan beberapa sample cloth di-hutan asal dan juga di-hutan tanaman untuk mengkaji pertumbuhan pada atau pun volume kayu bagi beberapa jenis hutan.

Pechahan-kepala 11, Alat² untuk Kajian Bumi. Peruntokan sa-banyak \$15,000 ada-lah di-kehendaki untuk ranchangan ini untuk membeli perkakas² untuk makmal berkenaan dengan perojek ini. Tujuan perojek ini ia-lah untuk menentukan apa-kah jenis kayu yang sesuai dengan keadaan tanah di-sasuatu tempat.

Pechahan-kepala 13, sa-banyak \$17,000 di-perlukan untuk chawangan ini yang sedang mengusahakan satu

buku (manual) kayu-kayan bagi kegunaan bahagian penyelidekan. Wang itu di-perlukan untuk membayar gaji dan membeli perkakas² makmal.

Pechahan-kepala 14, bagi Pusat Penggunaan Bahan² Hutan sa-banyak \$300,000 telah di-untokkan untuk ranchangan ini di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia. Ranchangan ini bertujuan untuk menchari kaedah kegunaan kayu yang lebeh berkesan daripada yang ada sekarang. Dengan demikian chuma token vote sahaja sa-banyak \$10 di-perlukan untuk tahun ini.

Pechahan-kepala 15, Alat untuk Makmal Kimia, sa-banyak \$42,000 di-perlukan untuk perkakas makmal untuk membuat kajian dan penyelidekan mengenai jenis² kayu yang boleh di-perbuat palpa. Negara ini mempunyai berjenis² kayu yang tidak di-gunakan dan mungkin dengan ada-nya penyiasatan ini, kayu itu tidak terbuang sahaja. Makmal ini, Tuan Pengerusi, akan mengkaji (cellulose) yang terkandung dalam batang padi, kayu getah dan juga kayu² saperti saya sebutkan tadi, dengan ada-nya penyiasatan, negara ini akan dapat ma'alumat² yang penting sa-kira-nya kelak satu kilang kertas di-bena dalam Malaysia.

Pechahan-kepala 16, Kerja² Kechil. Peruntokan sa-banyak \$29,700 di-perlukan untuk membesar dan memperbaiki kemudahan² yang ada bersangkutan dengan penyiasatan hutan agar kecekapan-nya sentiasa tidak turun. Perojek ini akan di-jalankan di-Forest Research Institute di-Kepong.

Mengenai Sabah, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 21 bagi Sekolah Latehan, Sandakan, peruntokan sa-banyak \$130,000 ada-lah di-pohon untuk mendirikan satu Sekolah Hutan dan juga bangunan² lain yang bersangkutan dengan Sekolah itu untuk melateh pegawai² hutan, terutama pegawai rendah dalam perkara perhutanan.

Mengenai Pechahan-kepala 22, Forest Inventory. Sa-banyak \$10,000 ada-lah di-kehendaki. Pekerjaan ini bermaksud menentukan berapa banyak-kah kaya yang boleh di-keluarkan daripada sa-suatu kawasan sa-telah

siyasatan di-buat. Ada-lah di-harapkan bahawa dalam tahun ini, sa-orang pakar Bangsa² Bersatu akan berkhidmat untuk menolong mencepatkan usaha ini.

Di-Sarawak pula di-bawah Pechahan-kepala 31 bagi Penyelidikan Kayu dan Pusat Latehan Teknik sa-banyak \$151,620 ada-lah di-pohonkan untuk menjalankan penyelidikan serta juga melateh pegawai² dalam bidang ini. Bangunan serta alat² untuk perojek ini sudah siap di-sediakan dan di-harap dalam tahun ini sa-orang pakar F.A.O. akan berkhidmat di-sini untuk melichinkan perjalanan perojek itu.

Di-bawah Pechahan-kepala 32, Perchubaaan Jalan Oya sa-banyak \$9,000 di-perlukan untuk meneruskan perojek ini yang bertujuan untuk menentukan jenis² kayu² tirus manakah yang sesuai di-tanam di-situ dan juga untuk menentukan kaedah sesuai (suitable techniques) supaya kebun² tersebut mempunyai nilai ekonomi. Dalam tahun 1967 "sample plots" akan di-tanam dan hasil tumbuhan di-tempat² itu akan di-kaji.

Pechahan-kepala 33, Penyelidikan Hutan sa-banyak \$199,810 di-pohonkan untuk menubuhkan pusat² "silviculture" dan juga untuk menyediakan ma'alumat asasi (basic information) mengenai kaji tumbuhan, kediaman makhlok hutan dan chara kediamannya (ecology) dan mengenai keadaan tanah² hutan di-Sarawak, khusus-nya hutan² bukit. Porojek ini juga akan meneruskan lagi kajian anatomi (anatomical study) kayu² tempatan terutama sa-kali jenis yang di-sebutkan "Dipterscarp" dan juga mengenai jumlah pengeluaran kayu² balak yang mempunyai nilai ekonomi.

Tuan Pengerusi, sakan-lah sahaja penjelasan saya terhadap peruntokan² yang di-masokkan di-bawah Kepala² 127-132 bagi Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian dan saya pohonkan supaya peruntokan tersebut yang berjumlah sa-banyak \$8,904,833 diluluskan.

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya hendak

chuba menyebut sambil lalu berkenaan dengan Head 129, Mines, Pechahan-Kepala 1—Malay Reservations Mineral Exploitation. Sunggoh pun dalam ucapan Yang Berhormat Menteri itu mengatakan wang peruntokan yang ada \$200,000 di-sini ia-lah untuk menjayakan kerja² menggali atau pun boring di-dalam negeri Perak, tetapi saya suka hendak menyebutkan kepada Yang Berhormat Menteri, dalam kawasan saya ada dua buah sungai ia-itu Sungai Sempam dan Sungai Liang yang melalui kawasan simpanan orang Melayu yang penoh dengan galian bijeh.

Maka apa yang saya harapkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat dia mengarahkan kepada Kerajaan Negeri ia-itu negeri Pahang supaya mengeluarkan lesen² mendulang atau pun lesen² kechil berkenaan dengan bijeh² ini di-berikan kepada bumiputera supaya dapat mereka itu dapat menchari mata pencharian. Maka saya tidak bersetuju pula jikalau kawasan yang saya sebutkan ini oleh sebab dua buah sungai melalui dalam kawasan perkampungan orang Melayu dalam simpanan Melayu hendak di-lombong, oleh sebab tidak ada tempat orang² Melayu di-situ hendak di-pindahkan. Jadi saya harap dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya memerentahkan Kerajaan Negeri Pahang untuk mengeluarkan lesen² mendulang atau pun chara lesen ini yang kechil² lain untuk mata pencharian anak bumiputera di-Raub itu.

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan): Mr Chairman, Sir, arising out of this Ministry of Lands and Mines, we have heard recently a lot of statements being made on the fragmentation of estates. Sir, in my area, there is an estate consisting of about 4,000 acres of land, and it is a subject of dispute today. Sir, I understand that a few months back, when this estate was on the market for sale, certain workers of the estate came and approached the Chairman of the National Land Finance Co-operative Society Limited, under the chairmanship of our Honourable

Minister of Works, Posts and Telecommunications, for assistance for the purchase of the estate. They were promised that they would be helped financially, and they were asked to go back to collect their contributions. They went back and collected some money. In the meantime, certain officials of a certain union from Ipoh went into Sitiawan and stopped them and told them that they should not collect any more money because the union would purchase the estate for them. On that promise, the workers stopped collecting money and they were waiting for the union to buy the estate, but eventually the union never did so, and the estate was sold for fragmentation.

Sir, we have heard a lot of statements by these certain union officials against fragmentation, but the action of these officials has caused untold hardship to the workers concerned. Sir, I would request the Honourable Minister to hold an inquiry into this state of affairs as to whether it is true or not that certain officials of a certain union from Ipoh went and caused all this havoc in the estate. If it is so, then I say these union officials are wrong. They have bluffed the workers instead of championing their cause, and in that sense they are not only against the workers but also they are anti-social.

Tuan Mohamed Idris bin Matsil (Jebeu-Jempol): Tuan Pengerusi, dibawah Kepala 127, Pechahan-kepala 1—Fringe Alienation Schemes, Tuan Pengerusi, atas pinjaman dan pemberian kepada negeri² ini dengan tujuan untuk membolehkan negeri² itu membuka lagi ranchangan² pinggir, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan kalau-lah sa-kira-nya mengikut satu² keadaan, ada satu² ranchangan di-dalam sa-sabuah negeri itu menurut yang saya sebutkan tadi, maka saya berharap jangan-lah di-jadikan satu sebab maka sa-sabuah negeri itu tidak di-benarkan atau pun di-potong ranchangan² kerana hendak meluaskan lagi tanah² pinggir atau ranchangan pinggir ini di-dalam sa-sabuah negeri itu.

Tuan Pengerusi, saya bawa perhatian Menteri dalam perkara ini kerana ini berlaku di-dalam negeri saya sendiri, dalam Negeri Sembilan kerana satu dua buah ranchangan yang telah menurut sa-bagaimana ucapan saya dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu atas satu² sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka Negeri Sembilan pada tahun 1967 ini telah banyak ranchangan² pinggir-nya di-potong atas perkara yang saya sebutkan tadi. Tetapi yang sa-benar-nya ra'ayat disana memang ramai lagi, sa-bagaimana negeri² yang lain juga, kekurangan tanah—laparkan tanah. Dan Negeri Sembilan ada-lah mempunyai tanah yang lebih luas lagi dan mempunyai keadaan² yang boleh di-usahakan sama ada bertanam getah atau pun tanam pokok² kelapa sawit.

Pechahan-kepala 2, Tuan Pengerusi, saya berasa bangga dan sukachita dan saya fikir tidak-lah begitu terlalu kalau saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kaseh dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan ia-itu peruntukan Land Rehabilitation ia-itu pemulehan tanah yang di-untukkan \$100,000 daripada direct grant dan satu juta ringgit daripada wang mengikut saluran pinjaman kerana dengan ada-nya peruntukan ini yang telah pun di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang di-tujukan kepada negeri Perak dan Negeri Sembilan, maka dua ranchangan yang saya bayangkan tadi telah merusut akan dapat di-baiki sa-mula.

Tuan Pengerusi, saya tidak payahlah menceritakan sebab² ranchangan² itu merusut tetapi peserta² di-dalam dua ranchangan ini ia-itu di-ranchangan Ayer Hitam dan Bayai di-dalam kawasan saya memang-lah semenjak tahun yang lalu tertunggu² atas peruntukan ini supaya di-pulehkan sa-mula kedua² ranchangan itu. Jadi dengan ada-nya peruntukan ini mudahan² ranchangan itu dapat di-pulehkan sa-mula. Hanya, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah kalau dapat peruntukan direct grant itu di-lebehkan dan dikurangkan peruntukan mengikut daripada saluran pinjaman kerana pada fahaman saya peruntukan daripada

pinjaman itu tentu-lah hujong-nya atau akhir-nya akan di-bayar balek oleh peserta² itu pada Kerajaan walhal peserta² itu semenjak lima enam tahun yang lalu telah begitu menderita dan kalau di-tambah lagi wang yang akan di-bayar balek oleh mereka kepada Kerajaan, maka tentu-lah mereka itu akan lebih menderita lagi daripada keadaan yang ada pada hari ini.

Kepala 129, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 1—Malay Reservation Mineral Exploitation. Sa-bagaimana di-sebutkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Raub tadi sunggoh pun \$200,000 ini di-untukkan kerana dua perojek atau pun dua sharikat bumiputera di-negeri Perak yang hendak menjalankan perusahaannya menggali bijeh, jadi oleh sebab penyiasatan bijeh di-dalam kawasan² Melayu di-tiap² negeri sedang di-lancharkan, saya merayu kepada Yang Berhormat kalau sa-kira-nya ada negeri² yang lain saperti Negeri Sembilan sharikat² sa-umpama ini, maka di-harap-lah Yang Berhormat Menteri ini akan memberi perhatian juga kepada negeri yang lain itu.

Kepala 131 dan Pechahan-kepala 2—Minor Projects for Economic Advancement of Aborigines yang di-untukkan \$610,710. Saya berharap Menteri yang berkenaan, dalam masa mengarahkan supaya perojek² yang kecil ini untuk kemajuan orang² asli ini, akan menimbangkan sa-bagaimana perojek² yang pernah juga kita bagi kepada ra'ayat yang di-luar bandar atau pun dengan lain² perkataan ra'ayat yang duduk di-tepi² jalan raya dan jangan-lah perojek² yang di-beri kepada orang asli ini kerana mereka itu duduk jauh daripada jalan raya, berbedza perojek-nya sa-bagaimana saya dapati sa-buah dua di-Negeri Sembilan, umpama-nya, kata-lah balai raya kalau ra'ayat di-luar bandar itu dapat balai raya kalau tidak istimewa pun yang sesuai, ada kerusi meja-nya. Saya berharap jangan-lah pula kalau di-untukkan sa-buah balai raya bagi orang asli ini tidak pula mempunya kerusi atau meja yang di-fikirkan barangkali mereka itu tidak biasa duduk di-kerusi atau sa-bagai-nya kerana dengan chara ini

maka dapat-lah memajukan atau pun memberi satu pandangan yang luas bagi orang asli ini yang mereka itu tidak di-bedzakan dengan orang² di-luar bandar yang duduk di-tepi² jalan raya.

Kapala 132, Tuan Pengerusi, ia-itu Pechahan-kepala 6 dan Pechahan-kepala 14, yang saya dengar daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan hal-ehwal kehutanan ini, yang pertama sa-kali ia-itu untuk menyiasat supaya kawasan² hutan yang barangkali tidak sesuai lagi di-tanam sa-mula sa-bagaimana kita bertanam sa-mula getah, mungkin barangkali boleh di-tanam dengan pokok² yang boleh di-jadikan, satu masa kelak, perusahaan kertas. Jadi, dalam perkara ini, Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, saya berasa bangga mendengar kenyataan itu kerana sadikit hari yang lalu Ahli Yang Berhormat sahabat saya daripada Langat, kalau tidak silap saya, ada menyebutkan yang konon-nya kawasan hutan ini ada dua bangsa-nya, satu kawasan hutan yang kaya kata-nya satu kawasan hutan yang miskin. Jadi, manakala di-minta keterangan kawasan hutan yang miskin rupa-nya kawasan hutan yang tidak ada kayu hutan tetapi penoh dengan lalang itu kata-nya kawasan hutan yang miskin, kerana sunggoh pun ditumbuh oleh lalang tetapi ada tanda di-sana sa-bagai Forest Reserve—kawasan hutan—kerana di-Negeri Sembilan pun hutan banyak kawasan² sa-umpama ini kalau-lah di-adakan penyiasatan sa-umpama ini tentu-lah lalang yang tumbuh bertahun² itu kalau sesuai dan mengikut degree tinggi-nya pula sesuai untuk tanaman getah atau sa-bagai-nya patut-lah dibuka untuk ranchangan² pinggir atau sa-bagai-nya dan di-usahakan tanah itu dan tidak-lah terbiar sa-bagai kawasan hutan yang penoh dengan lalang sahaja.

Lagi sa-perkara pendapat dan pandangan saya, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan kawasan hutan ini jangan-lah hendak-nya Kerajaan membuka kawasan hutan itu mengambil

kayu kayan-nya dan kemudian barang-kali kerana kekurangan kewangan tidak dapat di-tanam sa-mula dan barangkali atas satu² sebab di-tinggalkan-lah kawasan hutan itu dengan keadaan begitu sahaja dengan tidak ada satu² ranchangan di-buat di-atas kawasan itu. Sa-baik²-nya sa-sabuah kawasan hutan sa-umpama itu, manakala telah di-tebang kayu kayan-nya maka sa-bagaimana kita dapati bukan sahaja hasil itu boleh di-dapati di-bawah muka bumi. Jadi patut-lah di-siasat supaya tanah yang ada di-dalam negara kita ini dapat di-keluarkan hasil-nya bukan sahaja yang ada di-atas bumi itu tetapi di-dalam bumi itu sa-kali. Jadi dengan keadaan demikian maka tentu-lah dari satu masa ka-satu masa perbendaharaan kita akan dapat di-atasi dalam masaalah ini. Jadi, sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, before I proceed to speak on this Ministry, I wish to congratulate the Minister of Lands and Mines on the latest announcement on fragmentation. I had the pleasure of speaking briefly on this matter, and the announcement that was lately made, I am sure, would have made thousands of our workers happy. Though I have no mandate to speak on their behalf, I am confident that I express the feelings of joy and gratitude of not a few but thousands of workers, and maybe 300,000 or 400,000 workers, who are very, very grateful to this Ministry and to the Cabinet for the speedy action they have taken. This also goes to prove that the Alliance Government is ever alert to listen and to give all possible assistance to any group of citizens who may require assistance.

Mr Chairman, Sir, I would now like to speak on Head 128—Geological Survey. Mr Chairman, Sir, we are all aware that the two sources of our revenue, the two sources of our economy, in Malaya, are tin and rubber. The Alliance Government has rightly spent large sums of money on research and assistance to the rubber industry. We have, in Kuala Lumpur, the Rubber Research Institute, which is acknowledged as one of the leading research

institutes in rubber. It is rather disappointing to note that where the mining industry is concerned, which is equally important as rubber and in certain respects more important—I say more important because an acre of rubber can be planted and replanted several times and for years to come but an acre of tin mining area or any mineral mining area is very soon exhausted—there is no such research institute. As such, I do hope that next year this Ministry will be able to give us the blueprint of a master plan whereby equal importance is given to the mineral survey of our country as is being given to rubber. I do hope that sufficient officers will be recruited, so that all possible methods can be employed in the survey—aerial photography or going right on to the land, or the latest methods and techniques that are being discovered in other countries. In this respect, I would appeal to the Ministry to make this matter an urgent necessity. Perhaps, it might be helpful for us to make an appeal to the United Nations and to the Colombo Plan countries to give us as much as possible in the way of organising this research institute, which might be called the “Mineral Research Institute” or the “Tin Research Institute”—I would leave that to the Ministry. Such an institute should be considered as equally important as the Rubber Research Institute.

Sir, I am sure that the prayers of the poor are with the Minister, and we hope that he will continue in his office and bring more happiness to the poor and the sick. Thank you.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, suka juga saya berchakap di-atas Kepala 127 di-atas Kementerian Tanah dan Galian. Yang pertama sa-kali dalam Pechahan-kepala 1—Fringe Alienation Schemes. Saya rasa perkara satu ini betul-lahtidak berkait-mengait dengan negeri Kelantan, tetapi sa-panjang jalan yang saya lalu daripada Trengganu-Kelantan nampak-nya ranchangan Fringe Alienation ini ada di-merata negeri ini, tetapi dukachita di-negeri saya tidak ada-lah ranchangan yang sa-macam ini. Saya

rasa ranchangan yang sa-macham ini patut juga di-adakan di-Kelantan, walau pun ranchangan sa-macham ini dikelolakan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, saya rasa, saya dapati Fringe Alienation ini lebih berguna lagi daripada ranchangan² yang ada di-negeri Kelantan hari ini.

Dan yang kedua, berthabit dengan Pechahan-kepala 2—Land Rehabilitation and Consolidation Authority. Ini pun satu perkara yang saya rasa, patut Menteri yang berkenaan memberikan pandangan yang berat kepada negeri Kelantan, kerana undang² ini sudah lama kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun dahulu, saya rasa, dan pada kali ini merasa gembira benar-lah saya memandang di-sini ada peruntukan \$100,000 di-bawah direct estimates dan loan sa-banyak \$1,000,000 dan saya di-fahamkan bahawa negeri Kelantan juga ada di-asaskan atau pun di-dasarkan kerana membuat pilot perojek di-atas Land Rehabilitation ini dan saya rasa patut-lah di-beri peluang kepada Kelantan, kerana ranchangan getah ka-kampung² baharu yang dimerata cherok negeri Kelantan yang telah di-bahagi kepada re-settlers atau pun penempatan sa-mula kampung² baharu yang ada lebih kurang 20 kampung baharu di-negeri Kelantan yang kebanyakan-nya kampung baharu ini ada di-Ulu Kelantan, saya rasa tiga suku atau pun kebanyakan ranchangan getah kampung baharu ini tidak berjaya dan saya harap-lah dengan ada-nya peruntukan Land Rehabilitation and Consolidation Authority ini dapat memberi nafas baharu, atau pun memberi kemajuan yang lebih kepada ranchangan ini supaya penduduk² yang menumpang di-kampung² baharu itu dapat kehidupan yang lebih baik daripada masa² yang lampau dan pada akhir-nya saya juga minta perhatian yang berat di-atas ranchangan ini.

Saya suka juga berchakap di-atas Kepala 132—Forestry ia-itu di-Pechahan-kepala 6—Forest Resources Survey. Saya rasa, saya suka juga memberi pandangan kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil berat di-atas hal ini, kerana di-Kelantan, saya rasa ini-lah kali, atau pun ini-lah

peringkat tahun² yang telah kita hadapi kerana kebanyakan hutan² di-Ulu Kelantan telah di-buka oleh company yang besar dan barangkali semua orang sedia ma'alum bahawa hutan² ini diberi kepada Timber Mine di-mana hutan² ini di-buka dengan sa-chara besar²an dan saya telah dapati kebanyakan sharikat² ini membuka hutan, atau pun menebang, menebas, mengambil kayu balak di-situ dengan tidak terator, tidak mengikut compartment, melainkan ikut suka sahaja di-mana ada kayu yang baik, maka di-situ-lah menumpukan kerja-nya. Jadi saya rasa ini-lah satu daripada akibat yang akan menjadi ta' baik kepada negeri Kelantan, kerana di-sini-lah saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya membuat survey menggantikan tempat² yang kayu yang telah hilang begitu banyak dan harus pada satu masa, satu ketika nanti, harus-lah sungai² semua di-Ulu Kelantan akan kering, kerana tidak ada satu peratoran yang baik dapat mengawal pembalakan di-dalam kawasan itu.

Dan yang ketiga dalam Pechahan 7—District Forest Office, Gua Musang. Di-sini juga saya suka memberi pandangan saya dan sa-belum itu, saya mengucapkan terima kasih kerana kita telah ada satu Pejabat Hutan di-Gua Musang, tetapi dukachita-nya saya bagi pandangan saya, kerana pejabat itu yang sa-benar-nya tidak perlu lagi di-adakan sekarang, kerana di-situ sangat jauh daripada kawasan² kayu dan juga saya rasa tidak memberi begitu kesan yang baik, jika ada office atau pun kakitangan di-situ, chuma menyusahkan mereka itu bekerja sahaja. Yang samolek²-nya di-adakan di-Kuala Krai untuk masa ini dan bila Ulu Kelantan di-jadikan dua Jajahan, atau pun daerah, baharu-lah patut di-adakan satu pejabat yang lain.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit sahaja di-bawah Head 132, Forestry, Sub-head 9, Forest Plantations Research.

Saya tertarek benar berkenaan dengan usaha menanam sa-jenis pokok pine, supaya pada satu hari kelak kita dapat

menggunakan pokok pine ini untuk di-jadikan pulp untuk membuat kertas. Saya perchaya jenis pokok pine ini tentu-lah sesuai untuk di-buatkan kertas. Apa yang saya khuatir ia-lah, dengan kerana kalau kita hendak adakan satu industry menanam pokok pine yang sa-macam ini dan pokok pine ini tentu-lah mengambil masa sa-belum ia-nya besar dan boleh di-potong untuk di-jadikan pulp—ini berma'ana kita berkehendakkan kapada acreage yang cukup besar baharu-lah boleh jadi economic industry.

Kalau umpama-nya kita berkehendakkan untuk satu kilang kertas 10,000 ekar pada satu tahun, dan pokok pine itu mengambil masa 10 tahun baharu-lah cukup tua untuk di-potong dan di-jadikan pulp untuk di-buat kertas, maka ini berma'ana kalau kita hendak chuba adakan forest industry yang sa-macam ini, kita terpaksa-lah ada sa-kurang²-nya 100,000 ekar. Dan ini menjadi satu industry yang besar yang saya nampak susah sedikit oleh kerana di-negara kita, kita tahu, tanah ta' begitu banyak.

Saya ingin tahu daripada Kementerian Lands and Mines, ada-kah Kerajaan ada ranchangan supaya sa-bahagian daripada forest reserve kita di-gunakan untuk ranchangan ini, atau pun ada-kah Kementerian ini membuat penyelidikan tentang boleh atau tidak kita menggunakan kebun² getah kita yang ada sekarang ini yang pada masa² akan datang ini barangkali kurang mendatangkan faedah yang banyak, supaya kebun² getah ini juga di-gunakan untuk industry yang di-chadangkan oleh Kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya hendak berchakap sedikit di-bawah Head 127, ia-itu Kementerian Tanah dan Galian.

Di-bawah Pechahan-kepala 1, Pechahan (ii), saya dapati ada pemberian kapada Negeri² atau pun State dan begitu juga ada hutang atau pun loan kapada State² di-dalam Malaysia ini. Saya berharap bahawa dalam masa-

alah pemberian atau pun grant kapada State² ini, boleh-lah kita membuat dengan chara loan. Tetapi hutang atau pun loan yang kita hendak beri itu biar-lah daripada wang negeri kita sendiri. Saya mengeshorkan begitu ia-lah kerana, masalaah kita hendak membuka ranchangan tanah sa-bagaimana fringe dan lain²-nya ini, kalau kita memberi duit perchuma begitu sahaja, maka ranchangan² itu tentu-lah tidak di-buat menurut satu gaya yang productive, kerana dia mendapat duit perchuma atau pun dia mendapat duit dengan mudah. Kalau sa-kira-nya kita memberi dengan jalan hutang, maka tentu-lah perojek² itu di-buat dengan cukup berhati² dan dengan chara yang productive.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 2. Saya juga bersetuju dengan apa yang di-katakan oleh sahabat saya daripada Kelantan ia-itu berkenaan dengan Land Rehabilitation and Consolidation, ia-itu hendak memperbaiki tanah dan hendak menyatukan tanah² ini. Saya dapati di-sini kita tokan sa-banyak \$100,000 daripada perbelanjaan sa-chara langsung (direct expenditure) dan \$1 juta daripada hutang. Apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah kalau ta' salah saya, di-dalam ucapan sa-masa Belanjawan baharu² ini, Yang Berhormat Menteri kita menyatakan satu pun ta' ada kerja lagi, hanya baharu membuat plan² dan plan itu ada tiga empat dan hendak di-jalankan—saya ta' tahu-lah kalau di-jalankan atau tidak—tetapi baharu na' buat. Jadi pada tahun ini kita minta pula \$1 juta. Yang saya takut ia-lah, apabila kita sampai pada tahun hadapan pula pun benda ini ada plan di-atas kertas sahaja, ia-itu di-atas kertas itu ada rumah-nya, ada economic holding-nya semua cukup, tetapi kerja² ta' berlaku lagi. Itu-lah saya harap perkara ini supaya dapat di-laksanakan.

Sa-belum daripada itu saya mengharapkan apa yang saya selalu mengharapkan daripada Kementerian ini dan daripada Menteri ini, ia-itu chuba kita membuat di-satu tempat berkenaan dengan bagaimana hendak mendapat satu tanah atau pun satu keping tanah

yang berchorak economic. Ia-itu di-kumpulkan daripada tanah² yang beberapa orang supaya di-jadikan satu. Daripada perchubaaan ini dapat-lah kita mengetahui sambutan orang itu kapada ranchangan ini. Ada pun hendak men-chari satu tanah yang luas daripada satu tuan, maka itu bukan-lah usaha kita hendak menyatukan. Saya dapat tahu bahawa ranchangan² yang telah chuba hendak di-buat itu ia-lah di-atas satu tanah yang tuan-nya satu, kemudian hendak di-chuba ada-kah sa-keping tanah itu dapat menghasilkan—productive atau pun tidak. Saya fikir itu bukan tugas kita, tugas kita ia-lah menchuba menyatukan tanah daripada beberapa tuan supaya tanah itu menjadi satu keping tanah yang economic, dan di-situ timbul-lah problem-nya dan ini tidak di-jalankan oleh Kementerian ini.

Yang ketiga, Head 129, di-bawah Malay Reservation Mineral Exploitation, ia-itu berkenaan dengan lombong² bijeh yang ada di-dalam Malay Reservation atau pun tanah² simpanan Melayu, yang kita ada—tahun sudah kita ada \$150,000 dan tahun ini \$200,000 daripada loan—daripada hutang. Saya menchadangkan supaya Kementerian ini dapat memberikan \$200,000 ini sa-bagai grant, tidak sa-bagai loan. \$200,000 Tuan Pengerusi, bukan-lah besar angka-nya kalau sa-kira-nya kita hendak menyiasat dan hendak melihat betul² khazanah yang ada yang terpendam di-dalam kawasan² itu. Tetapi ini, kita memberikan \$200,000 dengan sa-chara hutang dan saya bimbang pula duit ini apabila digunakan di-kenakan pula faedah²-nya kapada tuan² tanah itu. Jadi bila di-siasat hasil-nya timbul, ia-itu tidak ada bijeh² di-situ atau pun tidak ada deposit di-situ, maka duit yang di-belanjakan itu tuan tanah kena bayar, faedah-nya pun tuan tanah kena bayar, bijeh ta' boleh dapat. Sebab itu-lah saya lebeh suka kalau sa-kira-nya perbelanjaan ini di-beri sa-chara pemberian ia-itu grant.

Di-bawah Head 130, Pechahan-kepala 24 ia-itu Consultants—\$20,000 kita untokkan di-Sabah. Consultants ini saya faham bagini, ia-itu ada pakar² atau pun expert atau pun

orang² yang tahu berkenaan dengan technical know how agak-nya, maka kita hendak pergi mendapatkan nasihat daripada orang² itu, maka kita membelanjakan sampai \$20,000 satu tahun. Saya rasa daripada kita hendak mendapat nasihat daripada orang² yang tertentu, lebeh baik kita memperkerjakan orang² itu. Kita memberi kerja, memanggil expert dan orang itu boleh bekerja full-time (dengan masa yang penoh) daripada kita pergi berjumpa dengan penasehat²—boleh jadi satu jam \$100 di-charge-nya kapada kita.

Di-bawah Head 131 Pechahan-kepala 2 ia-itu Minor Project for Economic Advancement of Aborigines. Saya sudah dua kali dengan ini, saya menyeru kapada pehak Kerajaan supaya membuang perkataan aborigines bagi orang² asli ini—gantikan-lah nama lain. Ini, Tuan Pengerusi, walau pun yang di-maksudkan bukan-lah nama aborigines itu, tetapi khidmat kita hendak memberi kapada itu, tetapi mengekalkan nama itu akhir²-nya akan menyebabkan kesusahan pula dalam kita hendak menentukan peruntokan. Dengan ini bererti kita maseh mengekalkan lagi faham² membezakan di antara satu kelas dengan satu kelas. Dan ini-lah yang di-katakan (caste) di-dalam masharakat Malaysia yang kita fikir masharakat kita ini terlalu democratic dan tidak ada beza membeza. Tetapi dengan ini nyata-lah Menteri kita ini, kalau dia tidak mahu buang perkataan aborigines ini, erti-nya dia menggalakkan hidup-nya sistem kasta² dalam negeri ini.

Pechahan-kepala 14 Forest Products ia-itu berkenaan dengan hendak mengguna hasil² daripada hutan², saya nampak ada \$10, ini kerja yang baik bagi token-nya \$10. Saya tahu Menteri kita tentu-lah hendak minta lebeh tetapi masaalah minta lebeh, Tuan Pengerusi, tidak akan bangkit, kapada saya yang berbangkit ia-lah bila kita minta token \$10. Walau pun kita datang ka-dalam Dewan ini meminta sampai \$1 juta namum nyata-lah bahawa Kementerian ini tidak mempunyai perojek yang tegas sebab itu dia minta token \$10. Ta' ada satu kerja yang hendak di-buat-nya kalau begitu supaya jangan kena marah

letak \$10 dan ini-lah satu keistimewaan yang ada kapada Menteri kita.

Akhir-nya Head 133, Pechahan-kepala 1, Tuan Pengerusi,—sudah habis—saya terlajak ka-Kementerian lain

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya suka ma'alumkan ia-itu ada 4 orang Menteri Yang Berhormat lagi yang akan berchakap dalam Kementerian-nya dan akan di-tamatkan pada pukul 8 malam ini. Maka berma'ana-lah tiap² Kementerian itu hanya di-untukkan kurang daripada 1 jam. Saya perchaya dan sedar ada ramai daripada Ahli² Yang Berhormat hendak berchakap di-dalam tiap² Kementerian itu tetapi dengan sebab masa tidak mengizinkan dari sebab itu saya hanya benarkan sa-orang lagi berchakap di-dalam Kementerian ini.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan sahaja ucapan saya ia-itu Kepala 130, Survey. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat yang telah mengumumkan bahawa beliau tidak lagi bersetuju dengan pemecahan ladang². Apa yang menjadi satu rungutan kapada orang² yang telah pun membeli ladang² yang di-pechah semenjak mereka itu beli sahingga hari ini, mereka belum lagi dapat grant milek nama mereka itu sendiri. Jadi, ini menjadi satu kesulitan yang besar kapada orang² yang telah pun membeli sa-bahagian daripada ladang² ini. Yang saya dapat tahu ladang² yang telah pun di-pechahkan di-Seberang Prai Selatan dan di-Seberang Prai Tengah ia-itu ladang Penanti, "Penanti Estate," Juru Estate, Caledonia Estate, Val 'Dor Estate, dan Hok Hin Estate. Jadi, orang yang membeli tanah ini dengan tidak memberi grant milek, maka tuan yang membeli tanah ini menjalankan satu "exploitation". Dia boleh gadai tanah itu beli ladang yang lain pula dan jual sa-bahagian² kapada orang² yang hendak membeli, tidak pechah grant juga. Dan juga daripada ladang ini, Kementerian Perdagangan ada memberi peruntukan menolong atau beri bantuan kapada ladang besar ini dari-

pada cess ia-itu wang cess. Wang cess ini di-ambil oleh tuan punya ladang yang tidak mahu memecahkan ladang-nya jadi memberi keuntongan kapada tuan punya di-pemechah ladang ini dan rugi kapada orang yang telah membeli sa-bahagian daripada ladang yang di-pechah.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan siasat perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajar-nya untuk memberi ke'adilan kapada orang² yang telah pun membeli ladang² dengan tidak mempunyai hak grant milek.

Menteri Tanah dan Galian (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, masaaalah lesen² dulang adalah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri dan sunggoh pun Ahli Yang Berhormat daripada Raub telah merayu supaya Kementerian saya mengarah Kerajaan Negeri memberi pertimbangan kapada permohonan² daripada anak negeri untuk mendapat lesen² mendulang, saya berasa tidak-lah dapat untuk memberi apa² juga arahan kapada Kerajaan Negeri. Ini perkara sangat²-lah rumit. Jadi saya rasa kalau saya sangat² champor tangan dalam usaha urusan Kerajaan Negeri akan mendatangkan salah faham. Bagaimana pun, apa yang selalu kita buat jikalau ada kita menerima, pengaduan², rayuan², daripada ra'ayat dalam negeri ini, kita selalu berhubung dengan Kerajaan Negeri dan saya suka menyatakan di-sini dalam beberapa perkara Kerajaan² Negeri di-Tanah Melayu ini sangat²-lah menunjukkan kerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Masaalah pemecahan estate. Tudohan² yang telah di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sitia-wan tadi, telah pun di-sampaikan kapada saya juga oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom. Bagi pehak saya, saya mengatakan tidak ada sebab² akan tidak perchaya kapada apa yang telah di-beri tahu kapada saya oleh rakan saya tadi, tetapi untuk menjalankan satu penyiasatan, atau pun enquiry, saya rasa tidak-lah perlu peladang² itu sendiri mengetahui hak² mereka jikalau pehak union, N.U.P.W.,

pegawai²-nya telah menggalakkan mereka supaya jangan bersama² dengan Finance Company yang di-pengerusi-kan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi. Dan kalau pekerja² itu maseh suka lagi champor di-dalam company² itu, union² tidak dapat menegah; jadi tidak ada satu undang² yang memberi kuasa kepada Kementerian atau pun kepada saya untuk menjatuhkan apa² sahaja hukuman ka-atas pegawai² union.

Jikalau pekerja² itu rasa union tidak lagi dapat membela nasib mereka, maka satu jalan yang tersangat senang di-ambil mereka, berhenti daripada menjadi ahli Union itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Sebe-rang Prai, kalau saya tidak salah ingat, telah berkata dia sangat sukachita kerana saya telah mengeluarkan satu statement menentangkan rancangan pembahagian atau pun pemecahan tanah. Apa yang telah saya menyata-kan beberapa hari yang lalu, Tuan Pengerusi, ia-lah polisi Kerajaan yang telah di-nyatakan di-dalam tahun 1966. Kita tidak menentang pemecahan yang akan memberi keuntungan kepada ra'ayat di-dalam negeri ini. Dan juga kita tidak menentang jual-beli sa-cha-ra biasa. Apa yang kita tidak mahu ia-lah pemecahan estate yang akan merosakkan ekonomi negara kita atau pun merosakkan industry getah dalam negeri Malaysia ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, bagi mereka yang telah membeli estate² yang telah di-pechah², tetapi belum lagi mendapat geran² atau surat Milek Tanah, nasihat saya kepada mereka itu, ia-lah supaya semua mereka pergi kepada Kerajaan Negeri masing² di-mana mereka membeli estate itu. Saya telah mengarahkan kepada Setia-usaha Ke-menterian saya tadi, supaya menge-luarkan satu surat perkeliling untuk di-tujukan kepada sakalian mereka yang telah memechah²kan estate dalam tahun 1966 dan juga yang berchadang akan memechahkan di-masa yang akan datang serta juga kepada pembeli² yang belum lagi menerima surat² Milek Tanah, supaya mereka meng-hantar permohonan kepada Kerajaan

Negeri. Saya sendiri tidak berkuasa untuk membenar atau pun tidak mem-benarkan permohonan tersebut kerana di-bawah Undang² Tanah Negara, kerana kuasa itu ada terserah kepada Kerajaan Negeri. Jadi, permohonan untuk mendapatkan geran bagi estate² yang telah di-beli bagi estate² yang telah di-pechahkan itu, hendak-lah di-hantar kepada Kerajaan Negeri. Saya rasa jika mereka itu menghantar dengan lebeh chepat, mungkin dalam masa sa-minggu dua ini atau sa-bulan dua lagi, itu lebeh elok untuk mereka. Jadi, bagi mereka yang belum lagi mengeluarkan wang untuk membeli estate² yang telah di-pechahkan, nasihat saya, saperti telah saya kata-kan beberapa hari dahulu, ia-lah jangan memberi apa² wang, jangan membeli apa² estate yang akan di-pechah, kechuali mereka telah yakin di-beri bakti bahawa Kerajaan Negeri yang berkenaan telah memberi ke-benaran supaya estate² itu di-pechah-kan.

Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol telah membangkitkan masaalah rancangan pinggir. Di-sini saya tidak tahu-lah bagaimana masaalah rancangan pinggir di-Negeri Sembilan itu telah di-potongkan. Ran-changan pinggir ini ada-lah rancangan Kerajaan Negeri, bukan-lah rancangan Kerajaan Pusat. Jadi, saya bersetuju dengan kata Yang Berhormat itu ia-itu rancangan di-Ayer Hitam dan di-Baya yang telah tidak begitu memuas hati, bukan-lah semata² kerana ke-salahan peserta². Itu-lah sebab-nya maka di-bawah Rancangan Pe-mulehan dan Penyatuan Sa-mula tanah kita telah mengambil rancangan ini menjadi pilot project yang akan kita jalankan di-dalam tahun 1967 ini.

Mengenai masaalah untuk melebeh-kan lagi pemberian (grant) di-bawah peruntukan Land Rehabilitation and Consolidation Authority ini, saya suka-lah menyatakan bukan-lah menjadi prinsip Kerajaan Pusat supaya Kera-jaan membelanja dengan chara grant, menanam getah, mendapatkan tanah, kemudian peserta² dengan tidak ada belanja satu sen pun di-beri ladang² itu. Tujuan kita ia-lah peladang² itu

sendiri, peserta² itu sendiri, boleh merasakan bahawa ladang yang akan dipunyai mereka itu ada-lah di-dapati daripada hasil titek peloh mereka itu sendiri—wang, tenaga dan lain² lagi. Ini-lah konsep yang kita gunakan. Jadi, dengan hal yang demikian, saya tidak bersetuju dengan chadangan supaya Kerajaan Pusat membelanjakan wang dengan chara pemberian beribu² ringgit, kemudian sa-telah tanah itu di-pulehkan sa-mula di-serahkan bulat² begitu kepada sa-siapa juga yang berkenaan dengan tidak ada membayar balek kepada negara belanja² yang telah di-gunakan untuk ladang itu. Jangan kita lupa, bahawa perbelanjaan yang di-bayar balek kepada Kerajaan itu boleh-lah di-gunakan untuk membantu mereka yang lain yang belum lagi merasa nikmat daripada ranchangan pembangunan ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Bachok telah juga menyentuh masaalah ranchangan pemulehan dan penyatuan tanah ini. Nampak-nya Yang Berhormat itu tidak mendengar ucapan saya yang awal tadi dan juga ucapan saya ketika Budget beberapa hari yang lalu: saya telah menyatakan dalam tahun 1966 kita telah tidak sempat membuat apa² ranchangan kerana Pengerusi-nya baharu sahaja mula bertugas pada 1hb Oktober. Dalam tahun 1967 ini, empat pilot projek sedang kita jalankan, kita bekerja bersama² dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Jadi, tidak-lah betul tuduhan Yang Berhormat itu bahawa Kementerian ini banyak planning atas kertas sahaja seperti yang di-buat kepada peruntukan \$10 di-bawah Kepala Forestry dan tidak melaksanakan ranchangan² itu di-atas tanah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, kalau saya silap faham tolong betulkan, ia-itu ranchangan yang hendak di-buat pada tahun 1967 ini yang saya tahu bekerjasama dengan Kementerian Luar Bandar, tetapi pelaksanaan itu bergantung lebeh banyak kepada tenaga Kementerian itu daripada tenaga Kementerian Tanah dan Galian sendiri. Sebab itu yang saya merasakan dukachita itu—Kalau tidak betul boleh betulkan.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Tuan Pengerusi, Kerajaan Perikatan ini perchaya kepada satu prinsip, sa-belum kita dapat berlari, belajar-lah berjalan dahulu. Lembaga ini sangat baharu lagi dan kaki tangan-nya pun belum chukup; jadi, jikalau dapat kita menjimatkan perbelanjaan dengan menggunakan Lembaga yang ada ini, apa-lah salah-nya asal sahaja kita kemudian hari kelak akan mendapat kemajuan?

Yang Berhormat itu pula menyeru supaya Kementerian ini mendapat sa-keping tanah yang kechil, kemudian kalau saya tidak salah tujuan-nya membuat satu pilot projek supaya menyatukan tanah kawasan ini menjadi satu tanah yang boleh di-katakan economic holding. Jadi, telah saya nyatakan dalam jawapan saya beberapa hari dahulu kepada Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu biar-lah Lembaga ini menjalankan pilot peroejek yang empat ini dahulu; jangan banyak sekali hendak tangkap, kemudian tidak dapat kandong, semua terchichir², wang daripada anak negeri pun rugi begitu sahaja. Dia ini suka hendak pegang banyak² kerja, tetapi tidak sanggup hendak pikul semua itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, bukan itu yang saya maksudkan. Saya bukan maksudkan di-banyakkan pilot peroejek itu. Saya maksudkan kita chuba menchari satu keping tanah, yang sa-keping itu dapat kita namakan sa-bagai economic holding, tetapi terdiri daripada milek beberapa tuan. Di-situ timbul-lah masaalah, ada-kah ra'ayat kita ini suka mengadakan penyatuan tanah begitu. Ada pun membanyakkan peroejek di-atas beberapa keping tanah yang di-mileki oleh orang persaorangan, itu bukan tugas kita.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Yang penting di-jalankan sekarang ialah untuk memulehkan semua ranchangan² tanah pinggir yang telah tidak begitu memuaskan hati. Ini banyak—negeri Perak ada minta lagi, negeri Johor ada minta lagi. Jadi, biar-lah Lembaga ini menjalankan ranchangan ini sa-belum menjalankan pilot projek yang lain dalam masaalah penyatuan

sa-mula tanah. Jadi, kita berjalan dari satu langkah ka-satu langkah yang lain dengan chara yang terator, tidak dengan chara kochar kachir yang Ahli Yang Berhormat itu mahu saya buat.

Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Kelantan pula, meminta supaya di-adakan ranchangan tanah pinggir di-Ulu Kelantan atau pun negeri Kelantan. Dukachita saya menerangkan, ia-itu ranchangan tanah pinggir ini ranchangan Kerajaan Negeri. Jikalau Kerajaan Negeri tidak mengadakan ranchangan dan tidak meminta bantuan kepada Kerajaan Pusat, macham mana-lah kita hendak hantarkan bantuan, atau pun bantu mereka itu menjalankan ranchangan.

Mengenai Ranchangan Penempatan Sa-mula di-Hulu Kelantan yang telah di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sa-kali lagi saya merasa dukachita sa-takat ini Lembaga yang tersebut belum lagi menerima permohonan supaya ranchangan ini boleh di-jalankan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulehan Tanah. Ada sa-orang rakan saya daripada Kelantan datang berjumpa dengan saya beberapa bulan dahulu meminta supaya Kerajaan menimbangkan membantu dalam ranchangan ini di-Hulu Kelantan ini. Perkara ini telah saya serahkan kepada Lembaga tersebut, tetapi mengikut Undang² yang kita gunakan sekarang terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri atau pun kepada yang punya tanah itu untuk menghantar permohonan kepada Lembaga yang berkenaan. Jadi, jikalau permohonan itu tiba nanti akan ditimbang oleh Lembaga yang tersebut yang mempunyai committee yang tertentu. Jadi, sama ada Lembaga ini akan mengadakan ranchangan-nya di-Hulu Kelantan atau pun tidak, belum dapat saya nyatakan di-tingkat ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan berchakap berkenaan dengan masaalah tanaman pine yang menghendaki beribu² ekar di-negeri ini. Saya suka-lah menyatakan untuk pengetahuan Yang Berhormat itu, ia-itu economic size untuk maksud ranchangan ini ia-lah 60 ribu ekar, dan ini akan kita dapati di-dalam forest reserve dalam negeri kita ini. Masaalah meng-

gunakan tanah bekas² kebun getah itu belum-lah lagi di-timbangkan oleh Kerajaan kerana kita rasa di-tingkat ini kita boleh dapat forest reserve saluas 60,000 ekar yang akan kita gunakan untuk menjayakan ranchangan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi mahu supaya peruntokan \$200,000 di-bawah Kepala mengenai lombong patut-lah di-beri sa-bagai satu grant bukan sa-bagai satu pinjaman. Jadi, sa-kali lagi nampak dia itu waktu saya menghuraikan penjelasan tadi tak ada dalam Dewan barangkali dia minum teh di-luar. Jadi, \$200,000 ini ia-lah untuk membeli alat² buat membantu orang² Melayu yang mempunyai tanah dalam kawasan simpanan Melayu untuk melombong. Jadi, jikalau kita beri dengan chara grant berarti wang itu akan habis di-situ sahaja. Chara kita menjalankan kerja ini ia-lah wang ini kita gunakan membeli alat² atau pun perkakas—perkakas itu di-bawa ka-dalam satu kawasan simpanan orang Melayu dan di-situ mereka yang mempunyai tanah itu dibantu melombong. Arti-nya sa-telah tiga tahun dua tahun hasil di-dapati daripada perusahaan ini, maka mereka yang meminjam jentera² ini terpaksa membeli yang baru dan yang itu pula dapat-lah di-gunakan oleh orang² Melayu yang lain dalam kawasan simpanan Melayu yang lain pula. Jadi, tentu Yang Berhormat sekarang dapat tahu lojik kita menggunakan sistem loan daripada sistem direct grant. Meluaskan lagi wang yang kecil yang dapat di-peruntokkan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama supaya bukan-lah satu dua orang sahaja yang boleh menekmati ranchangan ini. Apa salah-nya mereka yang telah kita bantu melombong mendapat hasil berpuluh² ribu atau beratus ribu membeli jentera yang bagitu lagi supaya membantu rakan-nya yang lain.

Dia juga menyeru supaya Kementerian ini jangan menggunakan perkataan orang asli atau pun Aborigines, kata Yang Berhormat itu jikalau saya melanjutkan penggunaan berarti saya menggalakkan sistem kasta dalam negara kita ini ada-lah tidak baik.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu semenjak dia menjadi Ahli UMNO dahulu sa-hingga sekarang tentu telah pernah membaca Perlembagaan Persekutuan kita, yang menggunakan perkataan Aborigines. Tetapi bagaimana pun sungguh pun jangan gunakan perkataan aborigines atau pun orang asli. Oleh kerana dia ini fikiran-nya tidak productive dan tidak inventive dia tidak mengeluarkan satu chadangan dengan perkataan apa yang patut kita gunakan, menamakan orang² asli yang ada dalam negeri ini. Dua kali dia telah menchadangkan perkara ini, dua kali saya tunggu. Harus dia kata elok-lah perkataan ini di-gunakan daripada perkataan orang asli tetapi saya tunggu² tak ada juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Saya tidak hendak menggunakan nama lain sebab kalau menggunakan nama lain itu arti-nya kita maseh mengekalkan pengertian kasta. Saya hendak buangkan langsung. Sebab itu saya tidak mengemukakan nama baru dan dengan demikian bukan berarti saya tidak productive, tetapi Menteri kita itu tak dapat hendak menangkap.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Dia kata productive tak apa-lah, Tuan Pengerusi, tak fertile sahaja-lah saya sebut. Kalau tak menggunakan perkataan Aborigines ini tak menggunakan perkataan yang lain. Jadi orang asli yang banyak² ini dengan apa yang kita hendak di-sebut orang Melayu-kah, atau pun orang Dayak-kah atau pun Kenya, orang Kayan atau pun orang bumiputera. Hendak sebut orang Melayu bertentangan dengan Perlembagaan kerana Perlembagaan mengta'rifkan Melayu itu sa-orang Melayu yang menggunakan bahasa Melayu dan beragama Islam. Banyak daripada mereka ini bukan orang Islam. Jadi, saya tunggu² lagi chadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu—tak ada. Jadi kalau tak ada, lain kali jangan-lah bagi chadangan membuang masa sahaja.

Ahli Yang Berhormat ini menyentoh masaalah token vote \$10. Dia kata nampak-nya Menteri ini tak kerja lain, jadi, dia hendak chari kerja dia masok token vote, dia tak boleh fikir apa dia hendak buat dengan ranchangan ini.

Jadi, sa-kali lagi sungguh pun dia telah lama dalam politik, telah lama dalam Dewan ini, nampak dia sistem finance ini dia tak mengetahui lagi. Biasa-nya kita adakan token vote itu harus ada satu ranchangan yang tertentu tetapi belum dapat kita laksanakan dalam tahun ini. Jadi, arti-nya kita bagi notis kepada Menteri Kewangan, tahun depan aku mahu sakan untuk mengadakan ranchangan ini. Jadi, saya harap dengan penerangan dia fahaman betul dengan token² vote yang ada semua di-dalam peruntokan² dalam Estimate kita ini.

Minor² Projek bagi Orang Asli. Saya suka menerangkan di-sini dengan sa-berapa boleh-nya kita tidak membeda di-antara orang asli dan mereka yang bukan orang asli sama ada di-luar bandar atau pun yang di-dalam bandar. Tetapi, keadaan di-satu tempat ada-lah berlainan kadang²-nya dengan tempat yang lain. Biasa kita dapati di-berapa kawasan orang asli itu mereka dapat layanan yang lebeh istimewa. Biasa kita dapat dalam kawasan orang asli itu orang asli mendapat layanan yang istimewa yang baik bukan yang burok daripada mereka² yang lain oleh kerana keadaan mereka ini menghendaki layanan yang istimewa.

Ada balai raya harus tidak mempunyai kerusi tetapi ini-lah kita memandangkan kepada keadaan di-satu tempat. Jikalau mereka itu sendiri berasa dia tak suka dudok di-atas kerusi kita jangan paksa sangat. Kerana dalam menjalankan ranchangan di-kalangan orang asli ini saikoloji orang asli itu sendiri hendak-lah kita ketahui. Jikalau kita memodenkan sangat sa-hingga mereka sendiri kata ini terlampau sangat moden bukan sesuai dengan jiwa kami di-tingkat ini, harus mereka itu akan meninggalkan kampung.

Pengalaman saya sendiri, Tuan Pengerusi, ketika saya melawat di-negeri Johor beberapa bulan dahulu, ada satu gulungan orang asli yang di-gelar orang Seletar. Saya telah berjumpa dengan beberapa orang mereka itu di-suatu ranchangan yang ada rumah, yang ada tanah di-sediakan oleh Kerajaan di-bawah ranchangan kilat. Saya

bertanya kepada mereka ini bagaimana kalau mereka semua jangan duduk lagi di-dalam perahu², anak isteri, suami semua-nya dalam perahu beralah daripada satu tempat ka-satu tempat yang lain, elok-lah dalam rumah yang disediakan oleh Kerajaan. Kata mereka, mereka tidak mahu duduk dalam rumah itu. Kami suka dalam perahu. Jadi, bagitu-lah dia punya keadaan, kita hendak tahu psikologi mereka itu sendiri. Jikalau kita beri barang kepada mereka, yang mereka senang hati menerima, senang hati menggunakan-nya baru kita beri.

Jadi, Negeri Sembilan sangat² beruntung. Beberapa ranchangan orang asli yang telah saya lawat di-Negeri Sembilan beberapa bulan yang lalu sangat² memuaskan hati sa-hingga saya telah berchadang dan dia telah di-terima seperti yang telah saya nyatakan pagi tadi ranchangan Ayer Bani akan kita namakan dengan nama Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita.

Mengenai masalah hutan simpanan yang mempunyai banyak lalang ini, ini tidak banyak dan ini satu masalah yang rumit. Jadi, sa-benar-nya seperti yang telah saya nyatakan pagi tadi beberapa peruntukan telah di-minta untuk mengkaji dan menyiasat bagaimana chara memperbaiki keadaan di-tempat² ini, sama ada tanah ini patut di-beri kepada mereka yang lain menghendaki tanah atau pun tidak terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri bukan-lah untuk timbangan Kementerian saya.

Satu chadangan telah di-kemukakan supaya mengadakan seperti juga Rubber Research Institute, satu team research institute. Ini chadangan yang bunyi-nya baik tetapi saya suka-lah menerangkan di-sini sungguh pun team research institute tidak ada dalam negara kita, bukan-lah berarti bahawa Jabatan yang berkenaan itu telah tidak menjalankan penyiasatan² yang rapi mengenai logam² dalam negara kita. Pejabat Kaji Bumi dan juga Pejabat Lombong sentiasa berjalan daripada satu tempat ka-satu tempat yang lain untuk menyiasat apa dia kandungan² bumi, hasil² bumi yang ada di-dalam

negara kita. Sekarang pun pasokan M.I.D.U. atau pun Mineral Investigation Drilling Unit sedang menjalankan tugas-nya dalam Selangor dan dalam tahun ini atau pun tahun depan, kalau saya tak salah ingat, akan di-pindah kepada Negeri Sembilan. Jadi, daripada satu State kepada satu State yang lain kita menjalankan penyiasatan mengenai lombong dan juga hasil² bumi yang lain dalam ranchangan negara kita. Ahli Yang Berhormat dari Bachok banyak sangat item yang di-sebutkan tadi, kenapa kita menggunakan Consultant di-Sabah untuk menjalankan satu kerja. Jadi fahaman Ahli Yang Berhormat itu bila tersebut Consultant di-situ kita chuma pergi kepada dia meminta nasihat kemudian kita sendiri buat kerja. Sa-kali lagi saya hendak menyatakan di-sini dukachita sungguh dia tidak mendengar ucapan saya tadi, kalau dia dengar dia tidak buang masa. Peruntukan ini, ia-lah kita beri kepada Consultant, panggil Consultant, Consultant itu bekerja sendiri seperti yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat itu, itu yang kita buat. Kerana pegawai² kita yang ada di-Sabah itu oleh sebab banyak sangat kerja dengan masalah pemetaan tanah² ranchangan dalam negeri itu, tidak dapat menjalankan tugas sendiri sedangkan apa yang kita kehendaki itu hendak-lah di-jalankan dengan sa-chepat mungkin. Dengan sebab demikian kita menggunakan Consultant bukan untuk meminta nasihat sa-mata² atas kertas atau *chara lisan* tetapi supaya mereka itu sendiri membuat kerja.

Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja rasanya keterangan² yang dapat saya jelaskan bagi tegoran² dan juga tahniah² yang telah di-berikan kepada Kementerian ini kepada pegawai yang berkenaan suka-lah saya mengucapkan ribuan terima kasih sa-bagaimana biasa jika ada soalan² yang tidak sempat saya menjawab atau pun saya lupa jawabkan, saya akan hantar jawapan dengan sa-chara bertulis. Dengan ini saya pohon peruntukan yang telah saya nyatakan di-luluskan oleh Dewan ini.

Question put, and agreed to.

The sums of \$4,423,875 for Head 127; \$346,244 for Head 128; \$200,000 for Head 129; \$1,794,604 for Head 130; \$819,560 for Head 131; and \$1,320,550 for Head 132 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Heads 133, 134, 135, 136 dan 137—

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, di bawah Kepala 133 sa-hingga Kepala 137 wang berjumlah \$98,651,618 adalah di-kehendaki untuk perbelanjaan kemajuan bagi Kementerian saya bagi tahun 1967. Dari jumlah ini \$89,662,559 ia-lah untuk Tanah Melayu; \$2,209,010 untuk Sabah dan \$6,780,049 untuk Sarawak. Jumlah wang yang di-kehendaki ini hanya \$10,919,981 sahaja lebih daripada tahun 1966 dan ini adalah mengikut langkah Kerajaan hendak mengurangkan perbelanjaan atas berbagai² rancangan kemajuan. Sunggoh pun begitu ada-lah di-tegaskan bahawa keutamaan maseh di-beri kepada kemajuan pertanian di-negeri ini.

Kementerian saya sentiasa berusaha menjalankan kerja untuk mencapai matlamat hendak memperbanyakkan jenis tanaman dan meningkatkan kedudukan ekonomi penduduk² luar bandar untuk meluaskan lagi ekonomi kita supaya dapat di-perimbangkan diantara yang “berada” dan yang “tidak berada”.

Di-dalam semua bahagian kemajuan pertanian kita telah mencapai kemajuan yang membanggakan pengeluaran dan hasil pertanian telah bertambah—demikian juga pengeluaran ternakan, ayam itek dan ikan. Kejayaan yang sentiasa di-chapai oleh Sharikat Kerjasama serba jurusan telah memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi dan kedudukan penduduk² di-luar bandar. Oleh itu dalam tahun 1967 ini kita akan melanjutkan lagi kerja² rancangan² kemajuan kita yang kesemua-nya telah memberi sumbangan kepada kemajuan pertanian Malaysia.

Sekarang saya akan membentangkan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan bagi satu² Bahagian di-dalam Kementerian ini.

Kepala 133—Pertanian Tanah Melayu.

Sa-bagaimana dalam tahun 1966 rancangan kemajuan Bahagian Pertanian untuk 1967 akan di-jalankan berasas kepada 4 bahagian yang besar—ia-itu penyelidekan pertanian, perlanjutan, bantuan dan pelajaran pertanian. Tambahan besar akan dibuat bagi rचना pergerakan dalam lapangan² ini.

Wang berjumlah \$17,300,098 akan di-kehendaki dalam tahun 1967 untuk menjalankan rancangan kemajuan pertanian dalam negeri² di-Tanah Melayu. Rancangan usaha yang terbesar di-dalam tahun 1967 ia-lah seperti berikut:

Pechahan-kepala 1—Penyelidekan Tanaman padi \$1,017,000. Wang sa-banyak \$1,017,000 ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1967 untuk memperbaiki dan meluaskan kemudahan² dalam pusat² penyelidekan padi yang besar di-Kedah, Seberang Prai, Perak, Selangor, Melaka dan Kelantan dan untuk menjalankan penyelidekan atas lain² tanaman seperti jagong, kacang dan sekoi (sorghum). Dengan mengada dan memajukan jenis² tanaman ini sa-bagai sa-bahagian daripada rangka pusingan tanaman ada-lah satu langkah yang tegas di-dalam menuju ka-arrah memperbanyakkan jenis² pertanian Malaysia.

Di-segi penyelidekan padi, Kementerian ini telah berjaya mengatasi rintangan bagi menambahkan penghasilan padi daripada 500 gantang yang biasa di-perolehi bagi sa-ekar kepada 1,200 gantang sa-ekar sa-bagai peringkat yang tertinggi sa-kali. Kerajaan ini di-perolehi daripada jenis padi baharu ia-itu padi ria yang di-gunakan dengan baja yang sa-chukup²-nya.

Pechahan-kepala 2—Penyelidekan Tanaman Tanah Kering \$1,407,000. Wang ini ada-lah di-kehendaki untuk membeli tanah memajukan pusat² baharu di-Selangor, dan di-Gerangau, Trengganu. Penyelidekan kelapa sawit yang mana di-jangka akan memainkan peranan besar di-dalam ekonomi pada masa hadapan negeri ini akan di-titekberatkan. Titekberat yang sa-wajar-nya

juga akan di-beri kepada penyelidekan di-atas kelapa, koko, tebu, teh, kopi, pisang dan manila hemp.

Mengenai tanaman kelapa sawit yang sedang di-jalankan dengan luas sekarang ini sa-bagai pelancaran rancangan tanaman anika (agricultural diversification) berbagai² langkah² penyelidekan yang giat dan meliputi telah di-jalankan dengan penubohan sa-buah chawangan penyelidekan kelapa sawit yang di-jawati oleh pegawai Malaysia yang chukup terlatah dan berpengalaman. Untuk mengurangkan perbelanjaan bagi penyelidekan kelapa sawit, maka Kementerian ini dengan melalui chawangan penyelidekan kelapa sawit, ada-lah bekerja rapat dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang akan menjadi pengeluaran kelapa sawit terbesar sa-kali di-negara ini. Ada-lah menjadi tugas dan tanggung-jawab Chawangan Penyelidekan ini sa-bagai sumber di-dalam Kementerian Pertanian dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi mengeluarkan beneh² kelapa sawit yang terbaik dan boleh mengeluarkan hasil yang tinggi untok di-tanam di-masa akan datang. Di-sini juga saya suka menyatakan bahawa baharu² ini Kementerian ini telah menerbitkan sa-buah buku yang lebeh lengkap berkenaan dengan tanaman kelapa sawit di-Malaysia, renchana-nya di-tulis oleh pegawai² dari Kementerian ini.

Pechahan-kepala 3—Kemajuan Perlindungan Pokok—\$158,784 ada-lah di-kehendaki untok membena pusat² kerentina di-Changloon, Kedah dan Rantau Panjang, Kelantan, dan sa-buah ma'amal di-Johor Bahru.

Pechahan-kepala 4—Siasatan Tanah—\$204,000 di-minta untok mengambil tanah dan mengadakan kemudahan² bagi menjalankan kerja menyiasat tanah yang sedang di-jalankan oleh Jabatan ini dalam negeri² di-Tanah Melayu.

Dalam tahun 1967 siasatan tanah ini akan di-jalankan di-Barat Laut Pahang, Tenggara Pahang, Negeri Sembilan dan Perak.

Pechahan-kepala 5—Penyiasatan Kesuburan dan Pengekalan Tanah—\$120,000. Peruntokan ini akan di-gunakan untok memperbesarkan ma'amal di-Ibu Pejabat Persekutuan kerana kerja analisa pokok dan tanah yang makin bertambah, dan bagi membeli alat² ma'amal.

Pechahan-kepala 6—Siasatan Penggunaan Tanah—\$228,000 ia-lah peruntokan yang di-beri sa-mula untok menyudahkan pembenaan sa-buah ma'amal dan sa-buah pejabat dan juga untok membeli alat² ma'amal dan pejabat. Tujuan besar penyiasatan ini ia-lah untok mendapatkan penyata yang tepat mengenai penggunaan tanah bagi seluroh negara ini.

Daripada jumlah ini \$338,000 ia-lah untok Penyelidekan Pengeluaran barang² makanan. Baki-nya ia-lah Penyelidekan Memproses Makanan yang akan di-jalankan berasingan dengan Tabong Khas Bangsa² Bersatu. Wang ini akan di-gunakan untok membeli tanah, membena bangunan², peruntokan untok kemudahan² kerja Penyelidekan Pengeluaran Barang² Makanan dan untok kemajuan pusat² penyelidekan.

Pechahan-kepala 8—Penyelidekan Tanah Gambut \$180,000. Wang berjumlah \$180,000 ada-lah di-kehendaki untok membena bangunan² membeli alat ma'amal dan untok kemajuan pusat² penyelidekan.

Kerja Lanjutan Pertanian. Perkhidmatan lanjutan pertanian dalam tahun 1967 ini akan di-jalankan di-bawah tiga bahagian:

Pechahan-kepala 9—Kemudahan² Fisikal. Wang berjumlah \$311,566 ada-lah di-minta bagi mengadakan kemudahan fisikal saperti unit² bergerak, pembenaan lebeh banyak pusat² latehan luar bandar dan perumahan kakitangan dan untok membeli alat² audio-visual bagi pertunjukan.

Pechahan-kepala 10—Penggalian Persatuan² Petani Luar Bandar. Wang berjumlah \$136,000 ada-lah di-minta bagi memberi galakan yang sangat diperlukan untok kemajuan persatuan² petani luar bandar. Pengalaman telah

menunjukkan bahawa pertolongan yang berharga telah banyak di-sumbangkan oleh persatuan² petani luar bandar yang menjadi tulang belakang di-belakang ranchangan² memperbaiki taraf pertanian dan kedudukan orang² di-luar bandar.

Pechahan-kepala 11—Ranchangan Kemajuan Pengurusan Ladang. Wang berjumlah \$75,000 ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1967 untuk mengadakan benda² yang mustahak dalam kawasan yang di-chuba itu seperti pembelian baja, bahan² tanaman, pembenaan tali-ayer kecil, jentera dan alat pertanian dan lain².

RANCHANGAN BANTUAN

Kesemua 15 ranchangan bantuan ini ada-lah menyambung yang dahulu oleh kerana telah di-perhatikan bahawa pelaksanaan berbagai-bagai ranchangan bantuan di-tahun² yang lalu telah menambahkan hasil pertanian ladang² kecil dan pendapatan mereka. Wang berjumlah \$7,089,650 ada-lah di-kehendaki untuk melaksanakan ranchangan² bantuan ini, yang mana yang paling penting ia-lah:

PENANAMAN SEMULA DAN PEMULEHAN KELAPA

Luas tanah yang di-chadangkan untuk di-tanam sa-mula di-puleh dalam tahun 1967 ia-lah 9,000 ekar, ia-itu 3,000 ekar di-Kawasan Selatan, 4,000 ekar di-Kawasan Tengah dan 2,000 ekar di-kawasan Timor. Wang berjumlah \$2,857,650 ada-lah di-kehendaki untuk melaksanakan ranchangan ini.

RANCHANGAN BANTUAN BAJA PADI

Di-bawah ranchangan ini penanam padi di-beri daripada 30% daripada harga baja sa-bagai bantuan untuk tanah padi. Ada-lah di-harapkan ranchangan ini akan memberi bantuan baja kepada lebih kurang 30% tanah padi di-Negeri² di-Tanah Melayu ini.

RANCHANGAN BANTUAN PEMULEHAN BUAH²AN

Wang berjumlah \$300,000 ada-lah di-kehendaki untuk di-bahagi-bahagikan ka-negeri² untuk menolong peladang² menanam sa-mula dan memulehkan

dusun² buahan mereka. Bantuan di-beri dengan chara bantuan baja yang di-luluskan, alat² yang penting dan bahan² tanaman dengan di-hadkan kepada \$100 sa-ekar untuk tanam sa-mula dan \$5 sa-ekar untuk pemulehan.

RANCHANGAN PERJENTERAAN PELADANG KECHIL

Di-bawah ranchangan ini, trektar dan alat² ladang akan di-beli oleh Kerajaan dan di-pinjamkan kepada peladang² dengan sewa yang murah. Wang berjumlah \$272,000 ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1967 untuk melaksanakan ranchangan ini.

LAIN² RANCHANGAN BANTUAN

Ranchangan² bantuan yang lain yang akan di-laksanakan ia-lah memperluaskan kawasan tanaman padi dua kali sa-tahun, kemajuan dan pengeluaran buah limau jenis (citrus), manila hemp, jagong, kacang tanah dan kacang cashew, pemulehan perusahaan kopi dan memperbaiki dan memajukan perusahaan nanas pekebun² kecil. Semua ranchangan² ini di-laksanakan untuk memperbanyakkan jenis² pertanian di-peringkat pekebun² kecil dan akan membolehkan pekebun² kecil memperluas tanaman² ini di-tanah mereka.

PECHAHAN 29—SEKOLAH² PERTANIAN

Untuk menjalankan ranchangan² pertanian di-negeri² ini banyak lagi Pembantu Pertanian Muda di-kehendakkan segera. Dengan itu wang berjumlah \$2,634,000 ada-lah di-minta untuk memperbaiki empat buah sekolah pertanian yang ada sekarang. Wang ini juga termasuk peruntukan sa-mula untuk membina bangunan² yang tidak dapat di-jalankan pada tahun 1966.

SABAH

Wang berjumlah sa-banyak \$779,010 ada-lah di-kehendaki untuk kemajuan pertanian di-Sabah dalam tahun 1967. Dari jumlah ini \$610,000 akan di-utangkan bagi Penyelidikan Pertanian yang akan meliputi perbelanjaan pokok dan lain² belanja mengenai ranchangan penyelidikan padi, koko dan kelapa sawit, dan juga termasuk siasatan ekonomi dan tanah.

SARAWAK

Wang berjumlah \$4,077,642 ada-lah di-minta untuk kemajuan pertanian di-Sarawak. Ranchangan² yang penting yang patut di-ambl perhatian ia-lah seperti berikut:

PECHAHAN-KEPALA 61—PENYELIDEKAN PERTANIAN—\$500,005

Peruntokan ini akan di-gunakan untuk menyiapkan Maamal Penyelidikan Pertanian di-Semengok dan juga perbelanjaan kerana bangunan² di-chawangan² pusat penyelidikan. Dengan ini Sarawak akan dapat memberi kemudahan² yang baik dalam bidang penyelidikan yang akan dijalankan atas tanaman dan ternakan mengikut dasar bagi memperbanyakkan jenis² tanaman di-Sarawak.

PECHAHAN-KEPALA 62—PUSAT² LADANG—\$120,000

Tujuan ranchangan ini ia-lah untuk melateh pemuda dan pemudi dalam chara² pertanian moden. Wang ini di-minta untuk melaksanakan chadangan asal untuk membena bangunan pusat² ini yang tidak dapat di-laksanakan dalam tahun 1966 kerana kesulitan² menchari tapak bangunan dan mengambal tanah.

PECHAHAN-KEPALA 63—PUSAT² PERTANIAN—\$61,000

Ranchangan ini ia-lah sambongan dari yang di-mulakan di-bawah Ranchangan Kemajuan Sarawak 1964-1968. Wang yang di-minta ini ia-lah untuk memperbaiki dan meluaskan tiga pusat² baharu di-Oya Road, Luak dan Kubong. Pusat² ini juga akan memberi tempat kepada Pusat² Latehan Peladang.

PECHAHAN-KEPALA 64—LANJUTAN PERTANIAN DAN INSTITUTE WANITA—\$217,927

Wang ini di kemukakan untuk mengadakan tambahan dan perbaikan "Rumah Lanjutan" yang ada, dan untuk menyiapkan persiapan tapak bagi Institute wanita dan untuk pembenaan Ibu Pejabat-nya.

PECHAHAN-KEPALA 66—PELAJARAN PERTANIAN—\$280,000

Ini ia-lah ranchangan lanjutan yang ada bertujuan untuk mendidik peladang dan isteri mereka dan pemuda pemudi dalam chara dan teknik pertanian yang lebih baik. Wang ini di-minta untuk menjalankan enam buah Pusat Latehan Peladang yang ada.

PECHAHAN-KEPALA 67—BANTUAN KAPADA PELADANG² PADI \$500,000

Di-bawah ranchangan ini pertolongan akan di-beri kepada dua bahagian—peladang padi bersawah dan peladang padi bukit. Peladang yang bersawah di-beri pertolongan dalam memperbaiki dan memajukan kawasan padi mereka. Peladang padi bukit dapat membeli baja ammophes dengan sa-bahagian daripada harganya di-bayar oleh Kerajaan. Ini membolehkan mereka menambah hasil padi mereka.

PECHAHAN-KEPALA 72—MEMPERBANYAKKAN JENIS² PERTANIAN—\$250,000

Ranchangan ini memberi bantuan kepada penanaman tanaman seperti kelapa sawit, koko, manila hemp, limau dan lain² untuk mengurangkan Sarawak daripada hanya tergantung kepada getah dan lada hitam dan juga sedikit atas kelapa dan sagu. Ketutamaan ada-lah di-beri kepada penanaman kelapa sawit yang nampak-nya baik dan akan berjaya. Kemungkinan untuk memajukan perusahaan minyak sedang di-siasat dengan teliti-nya.

PECHAHAN-KEPALA 78—TANAMAN KELAPA—\$1,600,000.

Ranchangan ini ia-lah ranchangan lanjutan yang di-bantu yang telah di-mulakan dalam tahun 1959, di-mana bantuan seperti benih kelapa di-beri kepada peladang² kecil untuk menanam-nya di-tanah mereka. Ranchangan ini ia-lah satu daripada ranchangan kemajuan yang penting di-Sarawak.

Peruntokan wang untuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan peruntokan sa-banyak \$2.3 juta kepada

Mr Chairman: Meshuarat di-tanggoikkan 15 minit.

Sitting suspended at 5.43 p.m.

Sitting resumed at 6.00 p.m.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Jawi: Tuan Yang di-Pertua, peruntokan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Peruntokan sa-banyak \$2.3 juta kapada FAMA ia-lah untuk melancarkan ranchangan membeli padi di-Tanjong Karang dan di-Sabak Bernam dan ranchangan² melesen pembeli padi di-Perlis, Pulau Pinang, dan Krian. Mengikut Undang² Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, sungoh pun Lembaga ini di-kehendaki mengemukakan kapada Kementerian saya ranchangan² pemasaran padi untuk memperbaiki taraf hidup petani², badan yang mengelolakan ranchangan² tersebut ia-lah pemasaran padi dan beras yang Kementerian saya tubuhkan pada 1hb Februari, 1967.

Wang peruntokan sa-banyak \$2.3 juta ini ia-lah untuk kegunaan perbadanan yang tersebut. Peruntokan sa-banyak \$2.3 juta ini akan di-belanjakan dalam tahun 1967, dengan chara saperti berikut:

Perbelanjaan Asas—untuk ranchangan di-Tanjong Karang dan di-Sabak Bernam saperti membeli tanah, mendirikan gudang² dan mengadakan tempat jemoran, memenoh dan meratakan tanah, membuat jalan² dan membeli pengangkutan dan machine² sa-banyak \$2,123,172.

Perbelanjaan pentadbiran perbadanan pemasaran padi dan beras, untuk menjalankan ranchangan melesen pembeli padi di-Perlis, Pulau Pinang dan Krian—sa-banyak \$138,723.

KEPALA 134—SHARIKAT BEKERJASAMA

Peruntokan bagi tahun 1967 ini untuk tanah, bangunan² pejabat dan perumahan ia-lah \$250,000. Ada-lah di-chadangkan hendak membena 4 buah pejabat, 3 buah rumah pekerja² dan membeli tapak² untuk 15 ranchangan yang akan di-laksanakan

pada tahun 1968, 1969 dan 1970. Maka ada-lah perlu membeli tapak² itu lebeh awal kerana daripada pengalaman pada masa² yang lalu ranchangan² itu kerap kali tergendala oleh sebab pembelian tapak² itu mengambil masa yang panjang.

SABAH

Wang sa-banyak \$80.000 ada-lah di-kehendaki untuk Kemajuan Kerjasama di-Sabah. Peruntokan ini ia-lah bagi dua ranchangan saperti berikut:

- (a) Pemberian wang untuk melancarkan sa-buah Pusat Perwakilan Kerjasama.
- (b) Pemberian rachun rumput dan alat penyemboran bagi 10 Sharikat Kemajuan Tanah di-daerah² Kudat/Bandan.

Pemberian bagi melancarkan Pusat Perwakilan itu akan membolehkan pertubuhan kerjasama memenohkan kehendak² yang berikut:

- (i) Memberi perkakas pertanian dan barang² kegunaan kapada sharikat² kerjasama.
- (ii) Pemasaran hasil pertanian yang di-keluarkan oleh sharikat² kerjasama dan ahli²-nya
- (iii) Perkhidmatan kerjasama berkenaan dengan kenderaan, rumah tempat simpanan barang², processing, hutang dan penyiaran.

Berkenaan dengan ranchangan (b) pemberian rachun pembunuh rumput dan alat penyembor kapada Sharikat Kerjasama Kemajuan Tanah di-daerah Kudat-Bandan ada-lah mustahak, sebab pekebun² di-sana tiada mempunyai wang untuk menjaga dengan betul-nya kebun² getah mereka.

KEPALA 135—PARIT DAN TALIAYER MALAYA

Jumlah peruntokan yang di-minta kerana Malaya dalam tahun 1967 ini ia-lah \$65,806,377. Ini ia-lah kerana melanjutkan kerja² ranchangan² parit dan taliayer dan kerana empat ranchangan baharu—satu ranchangan parit dan tiga ranchangan taliayer.

PECHAHAN-KEPALA 42—RANCHANGAN TALIAYER TASEK GLUGOR

Ini ia-lah ranchangan baharu taliayer di-Pulau Pinang untuk mengadakan kemudahan bagi 1,000 ekar tanah supaya boleh bertanam dua kali setahun.

PECHAHAN-KEPALA 45—RANCHANGAN PENGEPAM KUBANG SEMANG—PERENGKAT II

Ini juga ada-lah ranchangan baharu di-Pulau Pinang untuk mengadakan taliayer bagi 300 ekar tanah supaya boleh di-tanam dua kali sa-tahun.

PECHAHAN-KEPALA 60—PEMBENAAN SAMA MULA RANCHANGAN PARIT UMBAI/SERKAM

Ini ia-lah ranchangan baharu di-Melaka untuk 380 ekar tanah padi yang sekarang sentiasa di-naiki oleh ayer pasang.

PECHAHAN-KEPALA 69—RANCHANGAN TALIAYER KAMPONG BANGKAHULU

Ini ia-lah ranchangan taliayer baharu di-Negri Sembilan kerana memulehkan sa-mula 200 ekar tanah padi yang telah tertinggal supaya boleh di-tanam dua kali sa-tahun.

Sembilan ranchangan parit telah siap dalam tahun 1966, sementara 21 ranchangan² lain sedang di-bena dan akan di-sambongkan lagi dalam tahun 1967 ini. Ranchangan² yang besar yang kerja²-nya di-lanjutkan lagi ia-lah Rengit Peserai, Parit Jawa, Kesang dan Sungai Pinggan di-Johore; Sungai Kelambu di-Selangor; Bukit Minyak/Tengah di-Pahang; Sitiawan dan Durian Sebatang di-Perak.

Sa-jumlah 23,080 ekar tanah telah di-beri kemudahan parit² daripada 9 ranchangan yang telah siap. Berke-naan dengan taliayer, 3 ranchangan telah siap dalam tahun 1966 untuk 13,560 ekar tanah padi yang ada seka-rang dan 7,470 ekar tanah yang dahulu-nya tanah paya. Tambahan pula 11,500 ekar tanah boleh menanam dua kali sa-tahun.

Dalam tahun 1966, kerja² telah di-mulakan atas ranchangan taliayer yang

besar sekali dalam negeri ini ia-itu Ranchangan Perayeran Sungai Muda. Ranchangan ini apabila siap akan memberi taliayer kapada 261,500 ekar tanah padi. Kerja² sedang berjalan atas pembenaan dua empang ayer dan tembusan (tunnel) menyambongkan kedua² empang itu. Kerja baharu sahaja di-mulakan atas terusan ayer yang besar, sementara itu kerja² ada-lah sedang berjalan atas taliayer² yang lain.

Dua puluh ranchangan taliayer yang lain² sedang di-bena dan kerja²-nya telah sampai ka-beberapa perengkat dan akan di-sambong pada tahun ini. Satu daripada-nya ia-lah Ranchangan Taliayer Trans-Perak, Perengkat IV di-mana 2,000 ekar tanah hutan paya akan di-buka untuk bersawah padi. Lain² ranchangan yang besar ia-lah Krian Extension, Stage I di-Perak; Sungai Lemal, Stage III di-Kelantan dan Nerus di-Trengganu dan lain² yang di-jadualkan akan siap dalam tahun 1967 ini.

SABAH

Peruntokan sa-banyak \$1,350,000 ada-lah di-minta kerana parit dan taliayer di-Sabah. Dalam tahun 1966, sa-puluh ranchangan taliayer telah siap dan memberi ayer kapada 1,000 ekar tanah padi yang ada dan 900 ekar tanah yang baharu di-buka.

PECHAHAN-KEPALA 101—RANCHANGAN KEMAJUAN KELAPA SAWIT KLIAN—\$400,000

Sa-hingga akhir tahun 1966, ranchangan ini telah menyediakan parit² kerana 6,000 ekar. Dalam tahun 1967, kerja akan di-lanjutkan lagi kerana baki 2,000 ekar.

PECHAHAN-KEPALA 102—KERJA TALIAYER KERANA PADI—\$800,000

Peruntokan ini di-minta untuk 11 ranchangan taliayer di-Bandan, Kudat, Tandik, Kota Belud, Tempasuk Utara dan Selatan, Kawang, Luhan, Bangan Bangan, Apin Apin, Tunggal dan Pantai Kawang. Ranchangan ini akan membaiki kemudahan taliayer untuk lebih kurang 1,000 ekar tanah padi yang ada sekarang dan memberi ayer kapada 1,200 ekar tanah baharu.

SARAWAK

Wang sa-jumlah \$1,377,427 ada-lah di-kehendaki dalam tahun 1967 ini kerana jentera dan perkakas berbagai² ranchangan parit dan taliayer, kerja² kajian awal dan penyiasatan kajian ayer ada membersehhkan kajian ayer² dan membersehhkan terusan ayer dan sungai.

Ranchangan Parit Kabong "Nyabor, Stage I bagi 11,500 ekar tanah kelapa ada-lah di-jadualkan akan siap dalam tahun 1967 ini. Demikian juga ranchangan parit Mid-Sadong dan Loba Belu akan jua siap dalam tahun 1967 ini.

Dalam tahun 1967, ada-lah di-chadangkan hendak memulakan kerja perchubaaan bagi mengadakan taliayer untuk 500 ekar tanah kelapa dan padi di-kawasan Lower Sibuti. Kerja akan juga di-mulakan bagi perengkat kedua ranchangan Parit Kabong Nyabor untuk 9,000 ekar tanah kelapa sawit dan kelapa dan perengkat II dan III bagi Ranchangan Parit Mid-Sadong kerana 2,600 ekar tanah kelapa dan padi.

KEPALA 136—PERIKANAN

MALAYA

Wang sa-banyak \$3,052,827 ada-lah di-minta untuk melaksanakan berbagai² ranchangan di-dalam bahagian ini pada tahun 1967 di-Malaya. Ranchangan² ini ia-lah bertujuan untuk menemui kehendak kemajuan dalam lapangan perikanan dengan menitek-beratkan kerja² penyelidekan dan teknologi, pelajaran dan latehan perikanan, pentadbiran dan kawalan, socio-ekonomik dan pembenaan modal. Kesemua-nya ini ia-lah lanjutan daripada ranchangan² yang di-laksanakan dalam tahun 1966. Ranchangan² kemajuan yang besar pada tahun 1967 ini ada-lah seperti berikut:

PECHAHAN-KEPALA 1—AKUARIUM BAGI PENYELIDEKAN IKAN DARAT DAN LAUT—\$175,000

Kerja yang besar² bagi membena akuarium ini telah pun siap dalam tahun 1966 dan akuarium ini di-jangka

akan di-buka pada lewat tahun 1967 ini. Apakala telah siap, akuarium ini bukan sahaja akan memberi kemudahan bagi menjalankan kerja penyelidekan² hayat ikan² tetapi juga akan mengadakan bahagian pertunjukan ikan² untuk memberi galakan dalam hal perikanan.

PECHAHAN-KEPALA 2—KEMAJUAN PENGKALAN IKAN

Di-bawah pechahan-kepala ini, ranchangan² yang berikut ada-lah patut di-ambil perhatian.

MENDALAMKAN SUNGAI² DAN PENYIASATAN—SA-BANYAK \$292,000

Kajian² dengan menggunakan chon-toh² pada hendak mengetahui masaalah terkambus-nya kuala² sungai seperti di-Kuala Kedah, Mersing dan Kuala Bruas ada-lah di-ranchangkan bagi tahun 1967 ini. Sementara itu kerja mendalamkan sungai² ada-lah juga di-jalankan mengikut keadaan dan mustahak-nya.

KEMAJUAN PENGKALAN² PERIKANAN DAN PERUNTOKAN KERANA PERKARA² YANG BERKAITAN DENGAN-nya—\$490,000

Perkara yang besar yang hendak di-jalankan ia-lah berkenaan dengan Kawasan Perikanan di-Kuala Kedah dan ini ada-lah dengan bantuan Ranchangan Colombo Canada dan kita sendiri. Penyata yang akhir daripada Kumpulan Penyiasatan Canada telah pun di-terima dan kerja membena ada-lah di-jangka akan di-mulakan tiada berapa lama lagi.

PENYIASATAN UNTUK MEMAJUKAN SA-BAUH PENGKALAN PERIKANAN DI-PULAU PINANG

Ada-lah di-chadangkan hendak menjalankan suatu penyiasatan berkenaan dengan memajukan sa-buah Pengkalan Perikanan di-Pulau Pinang sesuai kerana kapal² ikan yang besar². Perundingan sedang di-adakan dengan negeri² yang suka hendak memberi bantuan teknik bagi menjalankan penyiasatan ini dan perundingan ini di-jangka akan selesai awal tahun ini.

PECHAHAN-KEPALA 3—PERTOLONGAN WANG KAPADA PERUSAHAAN PERIKANAN—\$600,000

Pertolongan wang kapada perusahaan perikanan ini akan di-adakan dengan dua chara. Yang pertama ia-lah dengan memberi bantuan kapada nelayan² sabanyak 30% daripada pinjaman yang telah di-luluskan kerana memberi perahu², engine dan perkakas² menangkap ikan. Kemudahan ini akan disalurkan melalui Sharikat² Kerjasama dan Persatuan² Perikanan yang sedia tertuboh.

Yang kedua-nya pertolongan ini akan di-beri melalui Persatuan Perikanan yang akan di-tubuhkan seperti yang ada di-negeri Taiwan. Persatuan² yang sa-umpama ini akan menemui kehendak kita untuk mengadakan pertubohan yang baik yang akan menjadi perantaraan bagi merapatkan lagi perhubungan di-antara Kerajaan dan perusahaan perikanan. Ada-lah di-jangka bahawa sa-orang pakar dari Taiwan dalam hal ini akan menolong berkenaan dengan menubuhkan persatuan ini dalam tahun ini.

PECHAHAN-KEPALA 5—MAKTAB PERIKANAN, PULAU PINANG

Kerja permulaan bagi membena sa-buah Maktab Perikanan di-Pulau Pinang akan berjalan ka-perengkat yang kedua dalam tahun 1967 ini dengan tiba-nya sa-orang pakar Pelajaran Perikanan bagi menolong merangkakan maktab itu.

PECHAHAN-KEPALA 7—BAHAGIAN PERCHUBAAN PERIKANAN—\$140,000

Di-bawah ranchangan ini, bahagian menangkap ikan akan di-ada dan di-jalankan bersama² dengan nelayan². Dengan jalan ini ada-lah di-harapkan bahawa satu chara menangkap yang sesuai dan baik dapat di-adakan untuk di-gunakan oleh nelayan² seluroh-nya.

PECHAHAN-KEPALA 8—KAPAL² PENGAWAL DAN PEMEREKSA—\$495,000

Oleh kerana memandangkan kapada kegelisahan dan sengketa yang berlaku sekarang di-sebabkan ada-nya penangkapan ikan dengan pukut tunda, maka keutamaan akan di-beri pada menguat-

kan lagi chawangan pengawal untuk mengelakkan perbalahan di-tengah laut. Tiga buah kapal pengawal yang laju akan di-adakan dalam tahun 1967 ini dan semua kapal² ini akan di-lengkapkan dengan "wireless" supaya boleh kapal² itu berhubung dengan Ibu Pejabat dan sa-balek-nya.

PECHAHAN 10—PUSAT LATEHAN PERIKANAN DARAT—\$117,000

Ada-lah di-harapkan bahawa Pusat Latehan Perikanan Darat yang akan di-tubuhkan di-Bukit Tinggi, Pahang, yang akan memberi latehan prektik kapada peladang² dan penternak ikan atas chara memelihara ikan² itu akan siap di-dalam tahun ini juga.

SARAWAK

Wang sa-banyak \$758,030 ada-lah di-minta untuk kemajuan perusahaan perikanan di-Sarawak pada tahun 1967. Daripada jumlah ini \$317,000 akan di-gunakan kerana kemajuan ikan darat dan baki-nya untuk ranchangan perikanan di-laut. Pelaksanaan ranchangan kemajuan bagi tahun 1966 telah tergendala oleh sebab kekurangan kakitangan tetapi keadaan-nya sekarang ada bertambah baik. Ranchangan yang besar bagi kemajuan perikanan laut bagi tahun 1967 ia-lah:

PECHAHAN-KEPALA 33—KAPAL IKAN SERBA JURUSAN—\$150,000

Sa-buah kapal serba jurusan akan di-bena pada tahun 1967 ini. Kapal ini akan di-gunakan untuk perchubaan menangkap ikan dan juga kerana kerja² memereksa oleh pegawai² dalam masa lawatan mereka ka-tempat² perikanan yang tidak boleh sampai dengan jalan darat.

PECHAHAN-KEPALA 34—BAHAGIAN PERIKANAN UNTUK PERCHUBAAN DAN PERTUNJOKAN—\$40,000

Ranchangan ini sa-rupa bagaimana di-chadangkan di-Tanah Melayu, alat² menangkap ikan yang baik yang ada di-Tanah Melayu ini akan di-beli untuk di-chuba oleh nelayan² supaya dapat di-sesuaikan penggunaan-nya di-dalam keadaan yang berbedza di-Sarawak.

Alat² yang boleh di-gunakan akan di-jual kepada nelayan² dengan harga yang kurang atau pun di-bantu pembayaran-nya.

PECAHAN-KEPALA 40—PERTOLONGAN WANG KAPADA PERUSAHAAN PERIKANAN—\$80,000

Pada dasar-nya ranchangan ini adalah sa-rupa bagaimana yang di-chadangkan di-Tanah Melayu. Tujuan besar-nya ia-lah memberi bantuan kepada nelayan² yang berkehendakkan bantuan supaya dapat mereka membeli perahu² dan alat² menangkap ikan.

PECAHAN-KEPALA 41—KAJIAN PENGHASILAN IKAN—\$50,000

Satu Kumpulan kajian Malaysia/Thai di-bawah penyeliaan pakar² Jerman akan menjalankan kajian pada tahun ini untuk membuat penaksiran dan menchari tempat² ikan di-Telok Siam, di-Pantai Timor Tanah Melayu dan di-Malaysia Timor.

PECAHAN-KEPALA 42—PEJABAT² DAN RUMAH²—\$80,000

Ada-lah di-chadangkan hendak mengadakan beberapa buah pejabat daerah di-pusat perikanan yang besar² di-sepanjang pantai Sarawak. Dengan jalan ini ada-lah di-harap saling mengerti dan perhubungan yang lebih rapat dengan pehak² nelayan dapat di-wujudkan.

Ranchangan kemajuan ikan darat ia-lah ranchangan lanjutan untuk meng-galakkan pengeluaran ikan dengan membenakan kolam sa-bagai satu mata memberi zat protein kepada kawasan luar bandar dan tempat² yang berham-piran dengan bandar. Kebanyakan daripada peruntukan ini akan di-guna-kan bagi memajukan pusat ayer payau kerana kerja menyiasat.

KEPALA 137—HAIWAN

MALAYA

Wang sa-banyak \$3,253,297 ada-lah di-chadangkan bagi bahagian ini di-Malaya dan \$566,960 bagi Sarawak. Daripada jumlah yang di-chadangkan kerana Malaya itu, lebih kurang \$2.3 juta akan di-belanjakan untuk mema-

jukan ternakan di-semua bahagian. Kemajuan ternakan akan di-jalankan dengan melaksanakan beberapa ranchangan membiak dan pawah, mem-banyakan kawasan makanan rumput (grazing reserves), menubuhkan Stesen Menternak Ternakan di-Pantai Timor, memperbesarkan lagi Perkhidmatan Peranian Beradas (Artificial Insemination Service). Ranchangan bagi memajukan ternakan ada-lah sa-rupa juga sa-bagai dalam tahun 1966 tetapi akan di-perhebatkan lagi. Oleh sebab kebanyakan daripada lembu dan kerbau ia-lah di-Kelantan dan Trengganu maka sa-buah Stesen Menternak Ternakan yang baharu akan di-dirikan di-Pantai Timor. Stesen ini akan menjalankan penyiasatan tentang membiakkan, zat makanan, rumput² dan lain² kajian bagi kepentingan di-sabelah Pantai Timor supaya memberi faedah sa-penoh²-nya kepada ra'ayat² di-situ.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, tak chukup quoram.

(Division Bell rung: House counted, 26 members present).

Tuan Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, kerja² memperhebatkan pembiakan dan kemajuan ternakan itu hendak berjalan bersama dengan perkhidmatan kesihatan haiwan yang baik. Daripada pengalaman yang di-dapati dalam tahun² yang lalu, perkhidmatan sa-umpama itu ada-lah mustahak. Maka oleh itu sa-tengah juta ringgit ada-lah di-chadangkan bagi membesarkan lagi Pusat Penye-lidek Haiwan, memajukan lagi Stesen² Persekutuan dan Pusat² Haiwan, Stesen Kerantina dan membeli Mobile Units. Ini akan memberi perkhidmatan yang lebih dekat kepada peladang² dan ternakan mereka.

Dengan ada-nya chara² yang baik memberi makan, memilih zat makanan, perkhidmatan AI, menanam rumput² dan lain² peladang² itu hendak di-beri latehan yang mudah atas teknik menternak ternakan supaya boleh mereka faham atas nasehat² yang di-beri berkenaan dengan haiwan dan dapat mengikuti kemajuan. Maka oleh

itu \$160,000 ada-lah di-chadangkan untok menubuhkan sa-buah Pusat Pengeluaran Ternakan, sa-buah Pusat Latehan dan memajukan ranchangan Pembiakan Ternakan Persekutuan. Pusat Latehan saperti ini telah sedia ada di-Ayer Kroh, Melaka, Kluang dan Cheras dan ini tidak menchukupi untok memenohi kehendak² negara ini.

Pelaksanaan ranchangan yang disebut itu tadi, akan membawa kapada bertambah-nya pengeluaran daging, ayam, itek, telur dan juga susu. Untok menjaga barang² ini daripada rosak dan busok, wang lebeh kurang \$250,000 ada-lah di-chadangkan untok mengadakan Perusahaan Ternakan. Ini termasuk pembenaan sa-buah tempat sembleh yang moden, kawasan susu. jentera membunuh kuman, bilek sejok dan lain².

Sarawak—Wang sa-banyak \$566.950 ada-lah di-minta untok kemajuan perkhidmatan haiwan di-Sarawak. Kebanyakan daripada ranchangan² itu ia-lah lanjutan daripada apa yang telah di-jalankan.

PECAHAN-KEPALA 31—LATEHAN KERBAU/KEMAJUAN—\$175,000

Ini ia-lah sambongan kapada ranchangan yang ada sekarang dengan tujuan membaiki lagi keadaan bertanam padi dan menambahkan hasil dengan menggunakan binatang yang telah di-asoh. Binatang² ini di-jual kapada peladang² dengan harga yang berpatutan.

PECAHAN-KEPALA 32—PENGELUARAN BABI—\$70,000

Ini juga kerja lanjutan, dengan tujuan membaik dan mengadakan babi² yang baik di-pusat² Jabatan Pertanian supaya penternak² yang berniaga dapat membeli binatang² yang baik.

PECAHAN-KEPALA 33—PENGELUARAN AYAM-ITEK \$10,800

Ini ia-lah untok membeli perkakas memperanakan bagi di-bahagi kapada peladang² yang tertentu yang membeli ayam itek yang baik dengan harga yang berpatutan. Dalam tahun 1967 perkakas

ini akan di-beli kerana Sibu dan Bintulu dan dengan ini lengkapkan bagi kesemua Bahagian.

PECAHAN-KEPALA 34—PEMBELIAN TERNAKAN—SA-BANYAK \$50,000

Ini kerana membeli kerbau dan lembu daripada luar sa-bagai asas pembiakan di-pusat² penyelidekan di-Jabatan Pertanian.

PECAHAN-KEPALA 36—BANTUAN TERNAKAN—SA-BANYAK \$200,000

Ini ranchangan lanjutan dengan tujuan menggalakkan penternakan khas-nya babi dan kerbau/lembu dengan memberi bantuan dengan chara mengadakan perkakas menyusu, makanan, dan belanja penyenggaraan kapada tiap² sa-orang yang mengambil bahagian.

PECAHAN-KEPALA 37—UNIT YANG BERGERAK KERANA KERJA LANJUTAN HAIWAN—\$60,650

Ini ia-lah untok membeli Unit² yang bergerak sa-banyak bagi Bahagian 2 dan 5 tadi.

Tuan Pengerusi, dengan demikian saya pohonkan peruntokan² ini diluluskan.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit di-bawah Head 135, Drainage and Irrigation, ia-itu di-bawah Pecahan-kepala 25, Muda Irrigation Project Kedah, yang mana peruntokan sa-banyak \$50 juta telah di-buat untok tahun ini.

Tuan Pengerusi, Ranchangan Parit dan Taliayer Sungai Muda telah diselidek dan di-pereksa dengan teliti oleh pakar² daripada luar dan dalam negeri. Di-antara-nya ia-lah pakar² Bank Dunia yang memberi pinjaman untok projek ini. Saya tidak shak yang mereka chukup puas hati dan perchaya yang ranchangan ini akan mendatangkan faedah yang besar kapada kita. Hasil padi akan bertambah dan negara akan lebeh kaya. Saya sa-bagai ahli politik biasa, dan bukan pakar ekonomi, yakin yang ranchangan ini akan berjaya dalam tujuan-nya.

Tuan Pengerusi, saya chuma ada sadikit sahaja tegoran terhadap ranchangan ini. Apa yang saya akan bangkitkan di-sini barangkali telah pun di-ketahui oleh pehak² yang berkenaan. Tetapi, dengan kerana saya belum dapat keterangan yang mereka tahu, saya akan chuba terangkan kepada Rumah yang bahagia ini. Tuan Pengerusi, sa-lama kita bergiat dalam pembangunan, pengalaman kita ia-lah lebeh senang kita menyediakan alat pembangunan daripada penyuruh gunakan alat² ini dan mengisikan bangunan² dengan kakitangan. Bagitu juga dalam Ranchangan Sungai Muda. Kerajaan akan berjaya mengadakan parit dan taliayer dan ayer yang chukup untuk menanam padi sa-tahun dua kali tetapi kalau ra'ayat tidak boleh menggunakan persediaan ini faedah tidak juga terchapai. Penanam padi sa-tahun dua kali, banyak masalaah-nya yang mula² sa-kali ia-lah soal tuan punya tanah. Kerajaan tentu tahu ia-itu kebanyakan daripada tanah bendang di-Kedah dipunyai oleh tuan tanah yang bukan sahaja tidak mengerjakan tanah itu tetapi pula berdiam di-lain² tempat. Kebanyakan daripada tuan² tanah yang luas ia-lah cheti² dan tokeh² yang kaya. Di-dalam Ranchangan Tali Ayer Sungei Muda, tuan² tanah ini tidak mengeluarkan barang satu sen pun, mereka tidak akan mengangkat satu jari pun untuk menanam dua kali tetapi yang tetap dan tentu ia-lah mereka akan dapat perolehan-nya dua kali lebeh daripada dahulu oleh kerana penyewa di-bayar mengikut keluaran padi—lebeh padi lebeh-lah perolehan mereka. Patut atau tidak keadaan ini terpulang-lah kepada fikiran Ahli² Yang Berhormat dan Kerajaan. Kita maseh ada tiga tahun lagi untuk bertindak. Saya harap perkara ini di-timbangkan dengan teliti oleh orang² ramai, surat² khabar, Waki² Ra'ayat dan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, penanaman padi sa-tahun dua kali memaksa satu jadual waktu yang ketat dan mesti di-ikuti betul². Jadual waktu ini mesti berpandu dengan musim hujan dan panas. Kerja mesti di-mula dan di-habiskan dalam jangka masa yang tetap. Chara kita

menanam padi di-Kedah kebanyakan ia-lah chara zaman purba kala. Kerbau, alat² kayu yang besar tenaga manusia yang lebeh di-gunakan, chara² ini memakan masa yang panjang dan tidak boleh di-gunakan untuk masa yang sengkat dan ketat untuk menanam dua kali sa-tahun. Dimusim mengerat pula biasa-nya pekerja² datang daripada Kelantan dan Patani di-mana mereka itu tidak ada kerja oleh kerana musim mereka berlainan daripada musim di-Kedah. Kalau di-Kelantan musim hujan kita di-Kedah musim kemarau, musim mengerat, maka dapat-lah mereka dari Kelantan dan Patani tinggalkan sawah mereka sendiri dan datang bekerja di-Kedah. Jika kita menanam padi dua kali sa-tahun ini bermasalah pada satu musim mengerat kita tidak akan ada chukup pekerja² kerana mereka daripada Pantai Timor tidak dapat datang. Juga kerja mengerat padi mesti dilancharkan ikut jadual dan tidak boleh memakan masa yang panjang. Ini tidak dapat di-buat oleh orang² yang bekerja dengan tangan mereka sendiri.

Sa-lain daripada itu kalau kita tanam padi sa-tahun dua kali sa-kurang²-nya satu musim mengerat jatuh pada musim hujan. Kalau hujan masa padi masak, pokok-nya akan rebah ka-dalam ayer, jika tidak di-kerat dengan chepat buah padi akan tumbuh, jadi pokok padi dan tidak boleh di-makan lagi.

Mengerat musim hujan sudah dan berat kerja-nya, oleh kerana pokok padi basah dan buat susah di-pukul. Sa-lepas di-pukul padi mesti di-jemor, kalau hujan padi tidak kering dan kalau di-masokkan guni padi akan tumbuh menjadi sa-macham towgeh. Padi yang basah tidak akan mendatangkan harga yang penoh. Pada tahun ini musim hujan di-Kedah terlansong panjang dan sunggoh pun padi chukup menjadi, banyak yang rosak oleh kerana tidak kering dan menjadi towgeh. Jadi kalau padi di-tanam pada sa-tahun dua kali, peristiwa ini akan berlaku tiap² tahun dan peladang tidak akan mendapat faedah yang penoh daripada usaha mereka.

Satu lagi perkara yang akan mengganggu kerja pada musim mengerat ialah transport (Kenderaan) untuk membawa padi dari bendang ka-batas atau jalan² besar di-mana lori² menanti. Biasa-nya padi di-isi dalam guni dan di-bawa satu² guni dengan basikal. Kalau padi basah berat, kalau hujan batas² bendang menjadi lumpur dan payah untuk menolak basikal. Juga, chara ini mahal upah-nya dan memakan masa dan tenaga. Boleh jadi masa menanam pula sudah tiba belum juga semua padi bi-bawa keluar.

Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi, kerbau di-gunakan untuk mengerjakan sawah. Sa-lepas padi di-tanam biasa-nya kerbau² di-tambat di-tepi² jalan raya, masa² lain kerbau di-biarkan di-bendang tetapi apabila bendang senantiasa ada padi tidak adalah tempat untuk kerbau² merantau. Saya takut jalan² raya yang sudah pun jadi tempat menjemor padi akan juga menjadi tempat simpanan kerbau.

Tuan Pengerusi, dengan rancangan Sungai Muda yang saya tahu Kerajaan ingin menolong peladang² tujuan saya menerangkan sekatan² yang akan wujud bukan-lah untuk menghalang usaha ini. Saya chuba hendak menarek perhatian dan memberi jalan supaya soal² ini di-kaji dan di-atasi sa-belum 1969/1970 di-waktu mana di-jangka rancangan ini akan berhasil.

Tuan Pengerusi, kalau kita betul² ingin menolong petani², langkah yang pertama yang mesti di-ambil sekarang ialah menyiapkan daftar yang lengkap bagi tuan² tanah, luas-nya tanah mereka, sewa yang di-pungut oleh mereka, nama² penyewa, semua perbelanjaan dan lain² perkara yang bersangkutan. Satu sikap yang patut yang kita ambil sa-lepas ini ialah menamatkan absentee landlords. Saya fikir sa-orang tidak patut di-beri milek lebeh daripada 100 relong (ekar). Kerajaan patut-lah membeli balek tanah yang lebeh dengan bayaran ansoran atau pun menukarkan dengan saham² perusahaan. Sewa tanah yang tinggal dalam tangan tuan tanah patut di-pertetapkan oleh Kerajaan mengikut luas-nya dan tempat-nya dan bukan atas keluaran padi di-atas tanah² itu.

Berkenaan dengan mengerjakan tanah dengan jadual waktu yang tetap dan ketat, jentera² patut di-gunakan. Kerajaan patut menchari jalan supaya kumpulan² peladang dapat mengadakan jentera untuk mengerjakan sawah dan mengerat padi, juga chara mengeringkan padi dengan chepat dan tidak menanti panas, mesti di-reka. Jalan² mesti di-sediakan supaya padi dapat di-bawa ka-kilang² dengan sa-chepat mungkin.

Akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, kita balek kapada fahaman dan kerjasama peladang menanam padi dua kali sa-tahun, bukan sahaja berma'ana perolehan tiap² peladang akan bertambah tetapi kerja juga akan bertambah dan masa berehat akan kurang. Kalau perolehan yang lebeh ini di-biarkan lari ka-tangan pehak² yang lain peladang² tidak akan bekerja untuk menjaga supaya peladang tertarek dan bekerjasama kita mesti atasi buaya darat yang menunggu². Saya ingin mengshorkan kapada Kerajaan supaya peladang² sedar tentang keuntongan dan faedah menanam padi dua kali, Kerajaan patut-lah meranchangkan collective farms. Tanah² yang di-beli balek oleh Kerajaan patut di-chantumkan dengan tanah² di-keiling-nya di-tadbirkan oleh pegawai² yang terlately sa-bagai collective farms. Jika diselenggarakan dengan sempurna petani² yang bekerja dalam collective farms ini akan dapat perolehan bukan dua kali ganda tetapi lebeh lagi oleh kerana buaya darat tidak boleh mendarat di-collective farms itu. Yang sa-habis baik sa-kali tentang collective farms ini ia-lah peladang² dapat dilately dengan alat² modern, bekerja dengan tertib mengikut jadual dan akan menjadi chontoh kapada kumpulan² lain.

Untuk mengadakan land reform dan collective farms ini, kita patut-lah merangkakan undang² baharu dan menggunakan kuasa undang² membebaskan kaum yang betul² terhimpit dan tertekan ia-itu peladang² di-Kedah dan lain² tempat. Tuan Pengerusi, saya berharap rayuan saya ini dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Bekerjasama.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head 133, Sub-head 1—Rice Field Crops. Touching on this subject, I would like to compliment the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives for the marked progress that we have made in the agricultural field. We have heard of the improved strains of padi from Mashuri to Ria. We have heard from single cropping to double cropping and his Ministry is now attempting even three croppings in a year. Now, I would like to draw the attention of the Honourable Minister to a certain area within Sungei Pinang, Sungei Rusa dan Permatang Pasir. The people down here have been reading about this and praising the Government, especially the Minister for his wonderful feat and the marked progress. But they are still doing single cropping, much as they would like to indulge in double cropping and enjoy the reaping of rich harvests. In this area, we request for improvement to drainage and assistance in general, and in particular, if the Government feels that it is not possible to carry this out, to investigate and see whether it is because of the soil, or whether it is because of lack of water in that area. If it is the lack of water, I would like to inform the Honourable Minister that Penang Island is famous because of its hills around that area, and it is a matter of whether it could be drained of into forming catchment areas.

Sir, under this heading also, Sub-head 7, Food Crops Production and Production Research, we have been quite concerned. During our trip to Thailand and the Philippines, we have been to the Research Institute on Padi and, in a very polite manner, we have been informed that *penyakit merah* has been partly contributed to by Malaysia, Malaysia being the source. I repeat, we have been very politely informed that they suspect that Malaysia is the source of *penyakit merah*. Therefore, it would be quite interesting to learn from the Honourable Minister in respect of the source and the effect of *penyakit merah* affecting West Malaysia in particular.

Sir, I now come to Sub-head 8, Peat. Down here it is written "Peat", but I presume it must be "Pest". Now, under this item "Pest", I have been informed that in a certain part of Perak the Government has been very generous in handing out for rat control rat poisons by the ton, but certain areas have received a very limited amount which could be termed as "handouts by the spoonful". Therefore, I hope the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives will look into it and see that justice is done. There should not be any favouritism in the issue of such an important product to destroy rats.

Sir, I now touch on Sub-head 14, Mixed Farming. On going through the Development Estimates, I find that one thing is very lacking—that is, vegetable research stations. As vegetables have been one of the most important things in our food sufficiency. I would request the Honourable Minister to set up more vegetable research stations and would like to know whether it is possible for the Ministry to subsidise the vegetable farmers by giving them subsidies and seeds to boost this section of our agriculture.

Sir, touching on Head 136, i.e. Fisheries, I must also compliment the Honourable Minister for the interest he has shown on fisheries. I have experience of his interest in this, especially, when he braved the weather and the sea to go out from Pantai Remis to Pangkor Island to see for himself that trawler fishing has been out under control to solve the problem of illegal trawling. He himself had witnessed the chase of the illegal trawlers, and I am sure the inshore fishermen all appreciate the keen interest that he has shown. Under Sub-head 3, he has informed this House that a specialist would be coming from Taiwan to advise the Fishermen's Associations in regard to the improvement of fishing methods in alignment to modern fishing methods. In this respect, recollecting the efforts done by the Minister for the farmers, I would appreciate greatly, if he would do the same thing for the fishermen—like what he has done of sending farmers

under the Asia Foundations to Taiwan by hundreds per year to study the improved methods of padi planting. I wish he would contact the Foundation concerned to send our fishermen, in-shore fishermen as well as trawler fishermen, to study this modern method, so that each would be able to understand the progress and would be able to understand the hardship of each other and not to encroach upon each other's territory—and, perhaps, both may explore this new field and the country will thus prosper together with them.

Sir, under Sub-head 8—Fisheries Enforcement and Inspection Vessels—it is also interesting to hear that three more boats will be equipped with wireless communications in order to enforce the laws that we have passed recently of prohibiting nets and trawlings which infringe upon the Fisheries Act, but the question is this, Mr Chairman, Sir: in spite of what the Government may give them—even if you supply them with the most scientific radar system—I think it is the human effort that matters. In this respect, I wish the Minister to take into consideration the experience that we have had: we sent our fishery boats to supervise, and there had been allegations that they hid behind the island shelters rather than went out to scout for the illegal trawlers; and as far as I am concerned, personally, I have also witnessed that hardly a hundred yards away from the fishery boat that anchored at the Penang coast, off Gurney Drive, at about ten o'clock at night, the illegal trawlers also landed their catches. Therefore, vigilance should be kept for twenty-four hours, and wherever there is the boat, there should be the man on duty; the personnel should be on the lookout for the infringement of the law and thereby you make supervision and enforcement effective and efficient. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan ringkas-nya saya minta Menteri yang berkenaan dibawah Pechahan-kepala 1, Head 133, ia-itu Rice Field Crops dan ada hubungan-nya dengan Pechahan-kepala 7 ia-itu Food Crops Productions and

Processing Research. Saya minta supaya Kementerian ini bukan sahaja membuat usaha² menggelokkan lagi ladang² menanam padi tetapi saya mengharap-kan juga di-masokkan satu perusahaan di-situ ia-itu batang² padi itu boleh di-processkan menjadi papan² cardboard yang boleh di-gunakan untuk membuat rumah², dan ini saya lihat banyak di-negeri Timor Tengah yang melakukan perkara ini tetapi mereka itu meng-unakan batang jagong. Baharu² ini ada komani daripada negeri German membawa chontoh²-nya dan di-tulis di-situ 100 peratus daripada batang padi dan lebih baik daripada card-board² yang kita gunakan sekarang. Dengan demikian sa-lain daripada double cropping yang kita membuat itu kita dapat menggunakan batang-nya juga.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 16 ia-itu Menanam Sa-mula Kelapa. Saya tiap² tahun berchakap hal ini supaya di-adakan di-Bachok ia-itu di-kawasan saya. Tuan Pengerusi, bukan berma²-ana saya sentiment sangat ka-pada kawasan saya tetapi di-tempat itu memang tempat banyak kelapa-nya dan pokok²-nya sudah terlalu tua. Saya rasa kalau Kementerian kita membuat penanaman sa-mula itu di-Bachok bukan-lah saya yang untung dalam pilehan raya barangkali orang akan mengenang kepada Menteri kita ini dan Kementerian-nya dan ra'ayat dapat menikmati hasil² di-situ.

Dan lagi satu Pechahan-kepala 22, Maize—Jagong.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kita mengharapkan supaya kita ini dapat sanggup mempunyai makanan sendiri atau pun self-sufficient dalam tahun 1970 pada hal ranchangan² yang kita lihat sekarang ini belum dapat lagi hendak menjanginkan yang kita boleh menchapai target itu. Kalau begitu apa salah-nya di-dalam Pechahan-kepala 22 ini kalau kita banyakkkan tanaman² jagong ia-itu maize yang bukan di-tanam di-dalam padang, boleh di-tanam di-pekeliling rumah², di-bukit², di-tanah² F.L.D.A. yang pada masa ini ter bengkalai, ta' ada tanaman² itu kita tanaman banyak jagong yang sa-macham ini. Ini boleh menjadi makanan

yang kedua kapada kita, kalau kita terlewat sedikit di-dalam menchapai target self-sufficient itu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan irrigation. Sa-chara umumnya saya suka hendak memberitahu kapada Kementerian ini, ia-itu peruntokan yang ada dalam kesemua Pechahan-kepala ini, saya rasa kalau di-Kelantan akan menjadi hilang dengan tidak berfaedah, sebab tiap² tahun kita menghadapi banjir, benchana alam. Jadi, peruntokan² ini, Tuan Pengerusi, elok kalau sa-kira-nya kita tidak menghendaki banjir. Saya tahu di-kawasan saya sahaja ura² perbelanjaan-nya dekat² \$4 juta. Saya perchaya \$4 juta yang kita menolong ini akan habis begitu sahaja, sebab itu, saya suka-lah banyak outlet di-buat di-Bachok yang saya tahu di-kawasan lain saya tidak tahu, dengan demikian sa-kali kita membelanjakan dua tiga juta ringgit tiap² tahun apabila ayer bah datang, ta' payah-lah kita membuang tiap² tahun lagi dua tiga juta ringgit itu. Ini saya rasa lebih penting daripada perojek yang ada sekarang dan saya rasa Kementerian kita ini tidak mahu mengambil iktibar daripada pengalaman² yang berlalu, dan dia hendak buat macham ordinary, macham routine juga, sedang kita nampak itu perkara, sudah berlaku. Itu-lah yang saya harap, Tuan Pengerusi, saya kira sudah lebih tiga minit.

The Minister of Agriculture and Co-operative Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya ingin-lah menguchapkan terima kasih kapada Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan yang telah mengemukakan pendapat-nya berkenaan dengan kemajuan² dan juga chara² perojek yang mesti di-jalankan di-dalam negeri Kedah berhubung dengan Ranchangan Sungai Muda itu. Beliau telah memberi pandangan yang membena dengan sebab bukan sahaja membuat tegoran², bahkan juga membuat shor² dan chadangan² bagi menyelesaikan masalah² itu. Jadi, berkenaan dengan tegoran dan shor-nya itu, saya mengambil ingatan dan akan di-kaji lebih mendalam berhubung dengan masalah² ini.

Sa-benar-nya pada masa ini telah pun ada beberapa Jawatan-kuasa di-tubuhkan untuk mengkaji masalah berkenaan dengan ranchangan² yang patut di-jalankan dan mesti di-jalankan di-dalam negeri Kedah bagi menjayakan Ranchangan Sungai Muda itu dan baharu² ini satu rombongan daripada Bank Dunia telah pun datang bagi mengkaji masalah Rural Credit dan juga perkara² yang bersangkutan dengan-nya. Jadi, di-atas ingatan dan shor²-nya itu, saya akan sampaikan kapada Jawatan-kuasa² yang mengkaji masalah ini dan saya memberi jaminan kapada-nya perkara ini akan mendapat pertimbangan yang sa-wajar-nya. Beliau telah juga menchadangkan supaya di-adakan collective farm dan perkara ini insha' Allah saya akan kajikan ia-itu dengan bertujuan bagi mengadakan atau melateh peladang² bagi menggunakan alat² moden dan sa-bagai-nya. Berkenaan dengan menggunakan alat² moden ini, pehak Kerajaan telah pun mengadakan beberapa ranchangan latehan bagi peladang² dan juga pegawai² rendah di-Jabatan² Pertanian dan sa-bagai-nya dan saya perchaya banyak perkara² yang telah dapat kita beritahu, atau pun ajarkan kapada peladang² ini dan ini telah pun dapat mereka gunakan daripada satu masa ka-satu masa.

Dalam penerangan beliau tadi beliau juga telah menyebutkan berkenaan dengan kemushkilan atau kesulitan berkenaan dengan membajak, berkenaan dengan menuai dan mengering padi. Berkenaan dengan membajak ini, saya suka-lah menerangkan ia-itu ada-lah menjadi dasar Kerajaan pada hari ini bagi mengadakan, atau pun menjalankan perusahaan membajak ini dengan jentera menggantikan tempat² yang di-jalankan oleh kerbau dan lembu, tetapi di-sini ada beberapa masalah yang berlaku sa-lain daripada masalah kewangan. Ada di-antara tanah² sawah kita pada hari ini tidak dapat digunakan jentera dengan sebab keadaan tanah itu lembut dan ada di-antaranya di-penohi dengan ayer. Jadi, dengan sebab itu, perkara itu masih lagi di-dalam kajian yang sa-lanjut-nya oleh pegawai² Jabatan Pertanian.

Baharu² ini sa-bagai Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, kita juga telah membawa satu jentera untuk di-chuba ia itu Massey Furgeson ia-itu menuai padi, bukan sahaja menuai, tetapi sa-hingga dapat kita mengisi padi² itu ka-dalam guni dan sa-bagai-nya. Kalau sa-kira-nya ini dapat di-jalankan dengan jaya-nya, ini akan dapat menghapuskan segala kesulitan² yang ada di-sana, tetapi perkara ini maseh awal lagi bagi saya menyatakan sama ada berjaya, atau tidak, kerana itu ada-lah di-dalam perhubungan.

Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara telah pun membangkitkan masaalah kekurangan ayer untuk bertanam dua kali sa-tahun. Perkara ini akan di-siasat dan saya akan berhubung terus dengan Ahli Yang Berhormat itu.

Perkara yang kedua ia-lah penyakit merah. Saya berdukachita dengan sebab tuduhan mengatakan penyakit merah itu berasal daripada Malaya, tetapi dalam Malaya pun ada penyakit merah, tetapi saya sendiri tidak tahu berasal daripada mana. Jadi, saya ta' dapat jawab perkara itu.

Kemudian perkara yang ketiga di-bangkitkan berkenaan dengan pest, yang sa-benar-nya bukan-lah pest tetapi peat ia-itu tanah gambut. Jadi, siasatan sedang di-lakukan berkenaan dengan tanah gambut, jadi itu-lah untuk membetulkan. Kemudian berkenaan dengan kajian penanaman sayor, perkara ini telah pun di-jalankan sedikit sa-banyak, tetapi tidak-lah di-jalankan dengan sa-penoh-nya lagi, tetapi insha' Allah perkara itu akan dapat di-lakukan daripada satu masa ka-satu masa. Beliau juga telah pun menhadangkan supaya di-bawa nelayan² melawat ka-luar negeri, ia-itu sama ada nelayan² di-pantai atau pun nelayan² pukut tunda.

Maka di-sini, saya suka-lah mengemukakan ia-itu satu rombongan nelayan² akan di-hantar untuk melawat ka-Taiwan dan Korea bagi menyaksikan sendiri keadaan² perusahaan perikanan di-negeri itu, tetapi bagi permulaan, rombongan ini chuma terdiri daripada bilangan yang kechil, tetapi itu boleh jadi sa-bagai permulaan dan kira-nya memberi faedah yang baik,

akan di-teruskan bagi masa yang akan datang daripada satu masa ka-satu masa, sa-kira-nya ada peluang.

Kemudian beliau juga telah membuat tuduhan ia-itu ada bot² yang kepunyaan Pejabat Perikanan telah bersembunyi di-sabalek pulau sa-masa menjalankan kawalan di-tengah laut. Jadi, perkara ini, saya sangat-lah berdukachita kalau sa-kira-nya benar, patut-nya Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada saya lebeh awal atau pun membuat pengaduan kepada Jabatan Perikanan, saya ingat ini adalah lebeh baik daripada membuat tuduhan² kepada pegawai² Kerajaan dengan tidak mempunyai asas yang betul. Kalau sa-kira-nya ada evidence mengatakan perkara ini benar, saya minta-lah kepada Ahli itu menyampai-kan kepada Jabatan Perikanan atau kepada saya sendiri, tetapi kalau sa-kira-nya tidak benar atau pun chuma shak sahaja, atau mendengar khabar angin, saya minta-lah tarek balek fikiran yang sa-demikian itu, kerana menudoh sa-suatu jawatan dengan tidak berasas ada-lah tidak patut di-lakukan di-dalam Dewan ini.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Chairman, Sir, I think these reports have been submitted to the officers concerned by the Inshore Fishermen's Association.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ahli Yang Berhormat rakan saya dari Bachok telah pun mengeshorkan supaya batang² padi di-proses untuk di-jadikan card-board. Jadi perkara ini saya akan panjangkan kepada satu jabatan yang baharu di-tubuhkan di-bawah Kementerian saya ia-itu memproses benda² makanan dan sa-bagai-nya, dan saya perchaya kalau sa-kira-nya perkara itu dapat di-jalankan, insha' Allah akan di-chuba.

Kemudian beliau memohon supaya ranchangan menanam sa-mula di-sambungkan atau di-adakan di-Bachok—isha Allah saya akan memberi pertimbangan.

Beliau juga telah menhadangkan supaya banyak jagong di-tanam di-kawasan² bendang atau pun di-kawasan² rumah dan sa-bagai-nya. Ini adalah menjadi tujuan Kementerian atau

pun Kerajaan, ia-itu mengalakkan pendudok² dalam negeri ini menanam jagong. Tetapi, peruntukan yang kita adakan ini ada-lah untuk kita membuat satu perchubaaan berkenaan dengan menanam jagong yang banyak dan insha Allah barangkali dalam tahun ini kita akan chuba menanam jagong sa-luas empat ribu ekar, ia-itu dua ribu ekar di-Tanjong Karang dan dua ribu ekar di-Sungei Manek. Kalau sa-kira-nya ini mendapat kejayaan yang baik, dapat-lah kita menyambungkan ranchangan ini bagi masa yang akan datang.

Yang akhir sa-kali, beliau telah pun menyebutkan masalah banjir yang berlaku di-Kelantan, dan banyak kerja² D.I.D. atau pun Parit dan Taliayer telah rosak dan sa-bagai-nya, dan beliau menchadangkan supaya di-adakan parit² pembuang ayer. Jadi perkara itu telah pun saya jalankan siasatan di-Bachok, dan anggaran untuk membuat dua parit pembuang ayer daripada kawasan bendang ka-laut telah pun di-jalankan siasatan. Anggaran-nya telah pun di-sampaikan kepada saya, dan maseh lagi di-dalam kajian. Kalau sa-kira-nya perkara ini menasabah, insha Allah akan di-jalankan ta' berapa lama lagi. Sekian-lah, Tuan Pengerusi, dan saya pohon supaya peruntukan ini luluskan.

Question put, and agreed to.

The sums of \$24,156,750 for Head 133, \$330,000 for Head 134, \$68,533,764 for Head 135, \$3,810,857 for Head 136 and \$100,651,618 for Head 137 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Heads 138, 139, 140, 141, 142, 143 and 144—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications, Tan Sri V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, I beg to move the expenditure shown under Heads 138, 139, 140, 141, 142, 143 and 144, totalling \$128,120,099 under "Direct Expenditure" and \$31,300,665 under "Loan Column" be approved.

Sir, it is five minutes past seven, and there is one more Ministry to go

